




2010

LAPORAN TAHUNAN / ANNUAL REPORT



1

2

3

4

5

6

Gambar Kulit Hadapan / *On the cover*

1. Bangunan Stadthuys dan Menara Jam, Melaka
Stadthuys and Clock Tower, Malacca
2. Menara Jam, Pulau Pinang
Clock Tower, Penang
3. Stesen Keretapi Kuala Lumpur
Kuala Lumpur Railway Station
4. Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur
Sultan Abdul Samad Building, Kuala Lumpur
5. Kota A Famosa, Melaka
A Famosa, Malacca
6. Kelab Diraja Selangor, Kuala Lumpur
Royal Selangor Club, Kuala Lumpur

Hak Cipta / Copyright Arkib Negara Malaysia, 2011

Hak Cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Arkib Negara Malaysia terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the National Archives of Malaysia.

Diterbitkan oleh / *Published by*
ARKIB NEGARA MALAYSIA
Jalan Duta, 50568 Kuala Lumpur

Rekabentuk dan dicetak oleh / *Designed and printed by*
Straits Digital Sdn Bhd



ISI KANDUNGAN / CONTENTS

5	Perutusan Menteri <i>Message from the Minister</i>
9	Perutusan Ketua Pengarah <i>Message from the Director -General</i>
12	Visi, Misi dan Objektif <i>Vision, Mission and Objectives</i>
13	Ahli Lembaga Penasihat <i>Members of the Advisory Board</i>
14	Pengurusan Tertinggi Arkib Negara Malaysia <i>Top Management, National Archives of Malaysia</i>
15	Carta Organisasi Arkib Negara Malaysia <i>Organisation Chart, National Archives of Malaysia</i>
17	Profil Arkib Negara Malaysia <i>Profile of the National Archives of Malaysia</i>
19	Bahagian Khidmat Pengurusan <i>Management Services Division</i>
25	Bahagian Perancangan dan Penyelarasan <i>Planning and Co-ordination Division</i>
31	Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan <i>Government Records Management Division</i>
36	Bahagian Pengurusan Arkib <i>Archives Management Division</i>
38	Bahagian Pengembangan <i>Advocacy Division</i>
40	Bahagian Pengurusan Penyelidikan dan Dokumentasi <i>Research and Documentation Management Division</i>
43	Bahagian Arkib Negarawan <i>Statesmen Archives Division</i>
44	Cawangan-Cawangan Negeri <i>State Branches</i>
45	Pertubuhan Ikhtisas Antarabangsa <i>International Professional Organisations</i>
60	Laporan Kewangan <i>Financial Report</i>
63	Lampiran <i>Appendices</i>

Perutusan
Messages

Perutusan Menteri *Message From the Minister*



Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
Minister of Information, Communication and Culture

Laporan Tahunan merupakan sumber maklumat dan panduan yang amat berfaedah kepada semua warga kerja Jabatan. Penerbitan Laporan Tahunan adalah sumber rujukan untuk melihat pencapaian dan peranan Jabatan dalam mengendalikan program dan kewangan yang telah dipertanggungjawabkan sepanjang tahun 2010.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), saya melihat komitmen yang diberikan oleh Jabatan Arkib Negara dalam menjayakan setiap program dan aktiviti kementerian sangat tinggi. Pihak kementerian sangat menghargai komitmen yang berterusan seperti ini.

Penghargaan juga disampaikan atas kejayaan Jabatan Arkib Negara memenangi Anugerah Pengurusan Kewangan Terbaik dikalangan jabatan dan agensi di bawah KPKK. Adalah menjadi harapan saya agar tradisi kecemerlangan ini dapat diteruskan pada masa hadapan.

Pada masa yang sama, peranan dan fungsi Arkib Negara perlu terus diperkukuhkan lagi melalui kepakaran sedia ada disertai dengan semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh setiap kakitangan. Saya yakin, dengan semangat yang ditunjukkan ini mampu meningkatkan imej Jabatan Arkib Negara kepada satu tahap yang lebih tinggi.

Akhir kata, kepada warga Arkib sekalian teruskanlah usaha memasyarakatkan arkib dan membawanya kepada khalayak dengan mengambil kira era globalisasi dan teknologi supaya dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

The Annual Report represents a source of information and guide to all working staff of a Department. The publication of the Annual Report serves as a reference source to view the achievements and role of the Department in managing programmes and finances entrusted during the year 2010.

As an agency under the Ministry of Information, Communications and Culture (KPKK), I have observed that the commitment given by the National Archives in ensuring the success of each and every programme and activity of the Ministry is very high. The Ministry greatly appreciates this continuing commitment.

Appreciation is also conveyed on the success of the National Archives in winning the Best Financial Management Award amongst departments and agencies under the Ministry. It is my hope that this tradition of excellence will continue into the future.

At the same time, the role and functions of the National Archives needs to be further strengthened through existing expertise together with a demonstration of team spirit by every staff member. I believe that with the show of such a spirit it will be possible to raise the image of the National Archives to an even higher level.

In concluding, my request to all members of the Archives is to continue with efforts to assimilate archives with society and mankind taking into account the era of globalization and technology so as to be able to provide the best service to society.

DATO' SERI UTAMA DR. RAIS YATIM

Perutusan Ketua Pengarah *Message From the Director Manager*



Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia
Director General National Archives of Malaysia

Arkib Negara Malaysia terus mengorak langkah dalam menambahbaik dan memantapkan peranannya sebagai pusat arkib dan penyelidikan negara di samping tanggungjawab dalam mengurus dan memelihara bahan-bahan bersejarah terus dilaksanakan

Tahun 2010 menyaksikan agenda Jabatan ini dalam memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatannya membuahkan hasil, apabila Portal Arkib Negara Malaysia buat pertama kalinya telah diberi penarafan 5 Bintang serta berada di tangga ke-5 secara keseluruhan melalui *Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA)* yang dijalankan oleh *Multimedia Development Corporation 2010 (MDEC)*.

Jabatan ini turut mencipta sejarahnya yang tersendiri apabila berjaya menerima Anugerah Pengurusan Kewangan Terbaik di kalangan jabatan dan agensi di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). Jabatan ini juga tidak ketinggalan dalam menunjukkan prestasi yang membanggakan apabila disenaraikan sebagai antara 10 jabatan terbaik untuk pencapaian HRMIS di kalangan jabatan dan agensi di bawah KPKK.

Di peringkat antarabangsa pula, Jabatan ini telah berjaya menganjurkan Persidangan SARBICA ke 17 bertemakan "Preservation of Audiovisual Archives in the Tropical Climate" yang dihadiri oleh 60 peserta luar negara dan 110 peserta tempatan. Di samping itu, pelbagai program dan aktiviti lain yang dirancang sepanjang tahun 2010 telah dilaksanakan dengan jayanya hasil kerjasama dan komitmen semua warga Arkib.

Justeru, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada seluruh warga Arkib di atas kerjasama dan komitmen yang telah diberikan. Semoga kerjasama seperti ini diteruskan dalam usaha merealisasikan visi dan misi jabatan.

Harapan saya agar visi jabatan untuk Menjadi Pusat Arkib dan Penyelidikan Negara yang Unggul akan menjadi kenyataan.

DR. HAJAH SAMSAH MUHAMAD

The National Archives of Malaysia continued to take strides to further improve and ensconce its role as the national centre for archives and research. In addition, responsibility for managing and preserving historical materials continue to be implemented.

The year 2010 witnessed the Department's agenda to strengthen the delivery system of its services bear fruit, when the National Archives of Malaysia's Portal was for the first time awarded a 5-Star rating and placed in 5th overall position through the Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) conducted by the Multimedia Development Corporation 2010 (MDEC).

The department created history when it was bestowed the Best Financial Management Award amongst departments and agencies under the Ministry of Information, Communications and Culture (KPKK). The department was also not excluded from proving its praiseworthy performance when it was listed among the 10 best departments to execute HRMIS amongst the departments and agencies under the Ministry.

At the international level, the Department successfully organized the 17th SARBICA Conference with the theme "Preservation of Audiovisual Archives in the Tropical Climate" attended by 60 foreign participants and 110 local participants. In addition, various programmes and activities planned throughout 2010 were successfully implemented as a result of the co-operation and commitment of all the staff of the Archives.

I express my congratulations and gratitude to all the staff of the Archives on the cooperation and commitment given. Hopefully co-operation of this type will be continued in efforts to realize the department's vision and mission.

It is my hope that the department's vision to make it a Pre-eminent National Centre for Archives and Research will become reality.

Visi, Misi & Objektif
Vision, Mission & Objective

Ahli Lembaga Penasihat
Members of the Advisory Board

Pengurusan Tertinggi
Top Management

Carta Organisasi
Organisation Chart

Visi

Menjadi Pusat Arkib dan Penyelidikan Negara yang unggul

Vision

To be the pre-eminent National Centre for Archives and Research.

Misi

Memastikan rekod negara yang bernilai kekal dipelihara, menyediakan perkhidmatan rujukan dan kemudahan penyelidikan yang terbaik serta memasyarakatkan bahan arkib dan sejarah.

Mission

To ensure that national records of enduring value are preserved, reference services and excellent research facilities are provided and assimilate archive material and history with society.

Objektif

- Meningkatkan kecekapan pengurusan rekod kerajaan melalui khidmat nasihat dan penguatkuasaan Akta Arkib Negara 2003.
- Meningkatkan kesedaran penjawat awam untuk memelihara rekod kerajaan yang bernilai sebagai memori institusi.
- Memperolehi koleksi bahan arkib dari sumber tidak rasmi melalui hadiah, sumbangan, derma, pembelian dan sebagainya.
- Memelihara bahan arkib sebagai warisan negara mengikut piawaian yang telah ditetapkan.
- Menggalakkan penggunaan bahan arkib sebagai sumber rujukan dan penyelidikan melalui kemudahan capaian.
- Mempertingkatkan kesedaran dan penghayatan sejarah negara melalui penggunaan bahan arkib.
- Memperluaskan penyebaran dan penggunaan bahan arkib melalui penggunaan teknologi terkini, pameran, penerbitan dan sebagainya.
- Meningkatkan jumlah pelawat ke Arkib Negara dan Memorial melalui program dan aktiviti yang terancang.

Objectives

- *To improve the effectiveness of government records management through advisory services and the enforcement of the National Archives Act 2003.*
- *To heighten awareness among civil servants on the need to preserve government records of value as the memory of the institution.*
- *To acquire archival material from unofficial sources through gifts, contributions, donations, purchase and other means.*
- *To preserve archival material as the nation's heritage, in accordance with prescribed standards.*
- *To promote the use of archive material as reference and research sources by facilitating access.*
- *To heighten awareness and appreciation of the nation's history, through the use of archival material.*
- *To expand the dissemination and use of archival material through the use of current technology, exhibitions, publications and the like.*
- *To increase the number of visitors to the National Archives of Malaysia and Memorials through planned programmes and activities.*

Ahli Lembaga Penasihat *Members of the Advisory Board*



Pengerusi/*Chairman*
Y. B. Puan Hajah Nancy Binti Shukri

Ahli-ahli *Members*



**Y. Bhg. Tan Sri Abdul
Kadir Mohamad**



**Y. Bhg. Dato'
Kamaruddin Bin
Siaraf**



**Y. Bhg. Prof Datuk
Dr. Zainal Bin Kling**



**Y. Bhg. Prof. Dr.
Abdullah Zakaria Bin
Ghazali**



**Y. Bhg. Tan Sri Dato'
Hj. Alimuddin B. Hj.
Mohd Dom**



**Y. Bhg. Prof. Madya
Dr. Adnan Bin
Jamaludin**



**Y. Bhg. Dato' Haji
Sidek Haji Jamit**
Sehingga 5 Oktober 2010 /
Until 5 October 2010



**Y. Bhg. Dr. Hajah
Samsiah Muhamad**
Mulai 6 Oktober 2010/
Since 6 October 2010



**Pn. Nor'aini Bt Abd
Razak**

Pengurusan Tertinggi Arkib Negara Malaysia Top Management National Archives of Malaysia

Ketua Pengarah / Director General



Dato' Haji Sidek Haji Jamil
Sehingga 5 Oktober 2010 / Until 5 October 2010



Dr. Hajah Samsiah Muhamad
Mulai 6 Oktober 2010 / Since 6 October 2010





WARGA ARKIB NEGARA MALAYSIA
NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA STAFF
2010

Profil Arkib Negara Malaysia
Profile of the National Archives of Malaysia

Profil Arkib Negara Malaysia *Profile Of The National Archives Of Malaysia*

Latar Belakang

Sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi kesedaran mengenai kepentingan menguruskan rekod dan arkib dengan baik telah wujud di negara ini. Ini dapat dilihat daripada pertanyaan-pertanyaan mengenai pengurusan rekod dan juga panduannya yang diedar dari semasa ke semasa kepada Jabatan-Jabatan Kerajaan pada waktu itu.

Pada 11 Mac 1948, Setiausaha Tanah Jajahan Inggeris telah mengeluarkan arahan melalui satu surat pekeliling supaya satu tinjauan dibuat untuk menentukan sejauh mana kemusnahan berlaku terhadap rekod awam pada masa peperangan untuk membaiki keadaan peliharaan rekod-rekod awam tersebut.

Satu kajian terhadap kedudukan rekod-rekod awam telah diadakan dan hasilnya sebuah 'Jawatankuasa Pemeliharaan dan Pemusnahan Rekod-rekod Rasmi' dibentuk dan dipengerusikan oleh Ketua Peguamcara yang dilantik oleh Kerajaan Tanah Jajahan British. Dalam laporannya yang dimajukan kepada kerajaan pada Januari 1956, Jawatankuasa ini telah mengesyorkan supaya ditubuhkan satu jentera pentadbiran di bawah bimbingan seorang Pegawai Arkib yang bertanggungjawab ke atas pemeliharaan dan pemisahan rekod-rekod awam secara sistematik. Seorang Pegawai Kanan dari Public Record Office, London disyorkan dipinjam untuk meninjau keadaan rekod-rekod dan seterusnya membuat cadangan-cadangan mengenai undang-undang berkaitan dengan pemeliharaan rekod-rekod awam.

Ekoran daripada itu pada bulan Mei 1957, Encik H.N. Blakiston, Penolong Penyimpan Rekod dari *Public Record Office*, London di hantar ke Kuala Lumpur dan beliau telah membuat tinjauan ke atas keadaan rekod di 108 buah Jabatan Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri di seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Dalam laporannya bertarikh 26 Julai 1957, Encik H.N. Blakiston mencadangkan supaya satu Perkhidmatan Rekod Persekutuan diwujudkan melalui kuatkuasa undang-undang dan menyatakan keperluan melantik seorang Penyimpan Rekod Awam dan dua orang Penolong Penyimpan pada peringkat permulaan serta keperluan memulakan satu kaedah ulangkaji rekod-rekod kerajaan secara sistematik.

Pihak kerajaan telah bersetuju dengan cadangan tersebut dan hasilnya Pejabat Rekod Awam, Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan dengan rasminya pada 1 Disember 1957. Encik Mubin Sheppard (Tan Sri, Datuk Haji Abdul

Background

An awareness of the importance of proper management of archives and records existed in this country, even before the Second World War. This was evident from the questionnaires on records management as well as guides circulated from time to time to Government Departments, during that period.

On 11 March 1948, the British Secretary of State for the Colonies issued instructions through a circular letter, to asses the extent of destruction of public records during the war, with a view to improving conditions relating to the preservation of such public records.

A survey was made on the existing status of public records, resulting in the establishment by the British Colonial Government of a 'Committee on the Preservation and Destruction of Official Records', under the chairmanship of the Solicitor-General. In its report submitted to the government in January 1956, the Committee proposed that administrative machinery be set up under the guidance of an Archivist, responsible for the systematic preservation and disposal of public records. It was proposed that a senior officer be seconded from the Public Record Office, London, to survey the status of records and to make recommendations for legislations related to the preservation of public records.

As a result, in May 1957, Mr. H.N. Blakiston, Assistant Records Keeper from the Public Record Office, London, was sent to Kuala Lumpur and he conducted a survey on the status of records in 108 Federal and State Government Departments throughout the Federation of Malaya. In his report dated 26 July 1957, Mr. H.N. Blakiston proposed that a Federal Records Service be established by law and stressed the need to appoint a Keeper of Public Records and two Assistant Keepers at the initial stage. He also expressed the need to initiate a method to review government records systematically.

The government agreed to the proposals and as a result, the Public Record Office, Federation of Malaya was officially established on 1 December 1957. Mr. Mubin Sheppard (Tan Sri, Datuk Haji Abdul), was appointed

dilantik sebagai Penyimpan Rekod Awam yang pertama. Bersesuaian dengan amalan antarabangsa, pada bulan November 1963 kerajaan telah menukarkan nama jabatan ini dari 'Pejabat Rekod Awam' kepada 'Arkib Negara Malaysia' dan nama ini kekal hingga ke hari ini.

Pada awal tahun 1961 memandangkan negara belum lagi mempunyai sebuah perpustakaan negara, tugas-tugas mengendalikan Perkhidmatan Bibliografi Kebangsaan diserahkan kepada Arkib Negara. Pada tahun 1963, tanggungjawab untuk melaksanakan peraturan-peraturan di bawah Ordinan Pemeliharaan Buku 1950 juga diserahkan kepada Arkib Negara. Pada 16 Februari 1966, Jawatankuasa penubuhan sebuah Perpustakaan Negara dibentuk dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Hasil daripada usaha-usaha Jawatankuasa ini, Perpustakaan Negara diwujudkan pada tahun 1971 dan diletakkan di bawah Arkib Negara.

Maka nama Jabatan bertukar kepada 'Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara'. Akta Perpustakaan Negara 1972 diluluskan dan berkuatkuasa pada 1 September 1972 namun kedudukan Perpustakaan Negara di bawah Arkib Negara terus kekal sehinggalah pada tahun 1977 apabila Jabatan Perpustakaan Negara diwujudkan secara berasingan. Dengan perubahan tersebut, Jabatan ini dinamakan semula 'Arkib Negara Malaysia'. Jabatan Arkib Negara Malaysia juga mempunyai logonya sendiri bermula tahun 1979. Logo Arkib Negara telah dicipta oleh En. Sumali bin Amat hasil daripada peraduan yang dianjurkan oleh Arkib Negara. Asas utama logo Arkib Negara ialah penyusunan 13 helai kertas-kertas berwarna kuning dengan teratur mengikut satu bulatan membentuk sekuntum bunga berkelopak 13 yang melambangkan dokumen dan rekod-rekod negara yang amat kaya dengan unsur-unsur sejarah yang dibanggakan.

Penempatan dan Bangunan

Pada tahun penubuhannya 1957, Pejabat Rekod Awam Tanah Melayu (kemudiannya dikenali Arkib Negara Malaysia) ditempatkan di Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Kuala Lumpur dan kemudiannya berpindah ke Jalan Raja, Kuala Lumpur. Jabatan ini dipindahkan pula ke Bangunan Persekutuan, Jalan Sultan, Petaling Jaya, pada tahun 1961.

Bahagian Pengurusan Rekod, Arkib Negara telah bermula di sebuah Bilik Stor di Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur, pada pertengahan tahun 1963. Bahagian ini kemudiannya berpindah ke ruang yang lebih besar di sebuah banglo di No.3, Jalan Tengah, Kuala Lumpur. Pada Oktober 1965, Bangunan Pusat Perkhidmatan Rekod di Petaling Jaya

the first Keeper of Public Records. In November 1963, in accordance with international practice, the government renamed the department from 'Public Record Office' to 'National Archives of Malaysia', which has been retained till this day.

In early 1961, due to the fact that the country did not as yet possess a national library, the responsibility to manage the National Bibliographical Service was given to the National Archives. In 1963, the implementation of the rules and regulations under the Preservation of Books Ordinance 1950 was also made the responsibility of the National Archives. On 16 February 1966, a Committee to establish a National Library was formed under the chairmanship of the Chief Secretary to the Government. The efforts of this Committee resulted in the creation of the National Library in 1971 and it was placed under the National Archives.

Thus the name of the Department was changed to 'National Archives and Library of Malaysia'. Even though the National Library Act 1972 was passed and became effective as of 1 September 1972, the National Library remained under the National Archives until 1977, when the Department of National Library was established as a separate entity. With that change, the Department was renamed as the 'National Archives of Malaysia'. From 1979, the National Archives of Malaysia received its very own logo. The logo of the National Archives was designed by Mr. Sumali bin Amat, in response to a competition organized by the National Archives. The principal basis of the logo of the National Archives is a neat circular arrangement of 13 sheets of yellow paper, in the form of a flower with 13 sepals representing the documents and records of the nation, rich in elements of its proud history.

Accommodation and Building

At the time of its establishment in 1957, the Public Record Office, Federation of Malaya (later known as the National Archives of Malaysia), was housed in the Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Kuala Lumpur and subsequently at Jalan Raja, Kuala Lumpur. The Department moved to Bangunan Persekutuan (Federal Building), Jalan Sultan, Petaling Jaya, in 1961.

The Records Management Division of the National Archives began its operations in mid-1963, from a store-room located in Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur. The Division later moved to more spacious accommodation in a bungalow at No.3, Jalan Tengah, Kuala Lumpur. In October 1965, the Records Service Centre Building in

telah siap dibina dan merupakan bangunan sendiri pertama Arkib Negara yang mempunyai ciri-ciri sebuah bangunan arkib. Selain daripada ruang pejabat, bangunan ini dibina lengkap dengan bilik pengwasapan, ruang memproses rekod serta repositori dua tingkat yang berhawa dingin 24 jam. Bangunan ini dirasmikan oleh Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein, Timbalan Perdana Menteri, pada 5 Disember 1966 dan dikenali pada asalnya sebagai 'Pusat Urusan Rekod'. Nama pusat ini kemudiannya telah ditukar kepada 'Pusat Perkhidmatan Rekod' Petaling Jaya.

Perancangan untuk membina sebuah bangunan khas untuk Arkib Negara telah dimulakan seawal 1960 dan selepas beberapa kali pertukaran lokasi akhirnya pada 1975 sebuah tapak tanah di persimpangan Jalan Duta dengan Jalan Kuching telah diperuntukkan bagi projek bangunan Arkib Negara. Pada 12 November 1977, Y.A.B. Tun Hussein Onn, selaku Perdana Menteri Malaysia telah meletakkan Batu Asas bangunan baru Arkib Negara. Bangunan ini siap pada bulan September 1982 dengan perbelanjaan sepenuhnya sebanyak RM13.5 juta. Pembukaan rasmi Bangunan Arkib Negara disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin al-Mu'adzam Shah pada 1 Disember 1982. Tarikh pembukaan rasmi Bangunan Arkib Negara Malaysia ini juga merupakan ulangtahun Jubli Perak penubuhan Arkib Negara Malaysia.

Penubuhan Cawangan-cawangan Negeri dan Memorial

Pada Mei 1972, cawangan pertama Arkib Negara diwujudkan di Johor Bahru, Johor. Pejabat itu sebenarnya dibuka pada 1 Mei 1967 sebagai Arkib Negeri Johor dan apabila diambil alih oleh Arkib Negara Malaysia pada tahun 1972, tanggungjawabnya diperluaskan meliputi negeri Melaka. Pada asalnya dikenali sebagai Cawangan Selatan tetapi kemudian ditukar kepada Cawangan Johor/Melaka. Penubuhan Cawangan ini juga menandakan permulaan penubuhan Cawangan-cawangan lain pada tahun berikutnya iaitu Cawangan Sarawak (1976), Cawangan Sabah (1977), Cawangan Terengganu/Pahang (1978), Cawangan Kedah/Perlis (1979), Cawangan Pulau Pinang (1988), Cawangan Kelantan (1988), Cawangan Perak (1993) dan Cawangan Melaka (2004). Sehingga kini Arkib Negara mempunyai sembilan Cawangan di seluruh Malaysia. Cawangan Kedah/Perlis telah mempunyai bangunan sendiri setelah siap dibina dan dirasmikan oleh DYMM Sultan Kedah pada 6 Mac 2003. Sementara bangunan sendiri Cawangan Sabah pula telah siap dan dirasmikan dalam tahun 2006.

Petaling Jaya was completed and it became the first of the National Archives' own buildings which incorporated features of an archives building. Apart from an office area, the building was built complete with a fumigation room, records processing area as well as a two storey repository with 24 hours air-conditioning. The building was officially declared open by the Hon. Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein, Deputy Prime Minister, on 5 December 1966 and was initially known as the 'Records Management Centre'. The Centre's name was later changed to 'Records Service Centre', Petaling Jaya.

Plans to build a purpose-built building for the National Archives began as early as 1960 and after several changes to proposed locations a site was finally allocated in 1975 at the junction of Jalan Duta and Jalan Kuching, for the National Archives building project. On 12 November 1977, the Hon. Tun Hussein Onn, Prime Minister of Malaysia, laid the Foundation Stone for the new building of the National Archives. The building was completed in September 1982, at a total cost of Malaysian Ringgit (RM) 13.5 million. The National Archives Building was officially declared open by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, on 1 December 1982. The date of the official opening of the National Archives of Malaysia Building was also the Silver Jubilee of the establishment of the National Archives of Malaysia.

Establishment of State Branches and Memorials

In May 1972, the first Branch of the National Archives was established in Johor Bahru, Johor. The office was in fact established on 1 May 1967 as the Johor State Archives and when it was taken over by the National Archives of Malaysia in 1972, its responsibility was extended to include the state of Malacca. Initially referred to as the Southern Branch, it was later known as the Johor/Malacca Branch. The establishment of this Branch also marked the beginning of the establishment of other Branches in the years that followed namely, the Sarawak Branch (1976), Sabah Branch (1977), Terengganu/Pahang Branch (1978), Kedah/Perlis Branch (1979), Penang Branch (1988), Kelantan Branch (1988), Perak Branch (1993) and the Malacca Branch (2004). To-date, the National Archives has nine Branches throughout Malaysia. The Kedah/Perlis Branch is accommodated in its own building, which upon completion was officiated by His Royal Highness the Sultan of Kedah, on 6 March 2003. The Sabah Branch's own building was completed and officially opened in 2006.

Pada tahun 1963, Y.A.B. Perdana Menteri bersetuju dengan cadangan Arkib Negara untuk menubuhkan Arkib dan Pustaka Tunku Abdul Rahman Putra yang berasaskan konsep 'Presidential Libraries' di Amerika Syarikat. Memorial-memorial dan Pustaka yang ditubuhkan ini adalah bagi mengenang jasa tokoh-tokoh yang banyak menyumbangkan jasa bakti kepada negara. Detik ini menandakan permulaan penubuhan dan pengurusan memorial-memorial yang kini diuruskan oleh Arkib Negara Malaysia. Memorial dan Pustaka di bawah Pentadbiran Arkib Negara termasuk Memorial Tun Abdul Razak (1982), Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka (1985), Pustaka Peringatan P. Ramlee (1986), Rumah Kelahiran P. Ramlee di Pulau Pinang (1991), Rumah kelahiran Mahathir Mohamad (1992), Galeria Seri Perdana, Kuala Lumpur (2003), Rumah Merdeka Alor Setar dan Memorial Tun Hussein Onn, Kuala Lumpur (2006).

In 1963, the Hon. Prime Minister agreed to a proposal by the National Archives to establish the Tunku Abdul Rahman Putra Archives and Library, based on the concept of Presidential Libraries in the United States of America. These Memorials and Libraries were established to remember the services rendered by prominent personalities, who had contributed their dedicated services to the nation. This marked the beginning of the establishment and management of memorials currently managed by the National Archives of Malaysia. Memorials and Libraries currently administered by the National Archives include the Tun Abdul Razak Memorial (1982), Proclamation of Independence Memorial, Malacca (1985), P. Ramlee Memorial Library (1986), Birthplace of P. Ramlee in Penang (1991), Birthplace of Mahathir Mohamad (1992), Seri Perdana Gallery, Kuala Lumpur (2003), Merdeka House, Alor Setar and the Tun Hussein Onn Memorial, Kuala Lumpur (2006).

Peruntukan Undang-Undang

Seawal November 1957 apabila keputusan dibuat untuk menubuhkan Perkhidmatan Arkib, kerajaan telah mengarahkan supaya undang-undang yang sesuai digubal untuk membolehkan penubuhan Jabatan berkenaan. Namun demikian hampir sembilan tahun sejak penubuhannya, Arkib Negara Malaysia terpaksa melaksanakan tugas-tugas memperolehi dan memelihara rekod dan arkib berdasarkan arahan-arahan yang dikeluarkan melalui surat-surat pekeliling-pekeliling sahaja.

Statutory Provisions

As early as November 1957, when the decision was made to establish an Archives Service, the government directed that appropriate legislations be formulated to enable the establishment of the department. Despite this, for almost nine years since its establishment, the National Archives of Malaysia was dependent solely on regulations issued through circular letters for the execution of its duties related to the acquisition and preservation of records and archives.

Pada November 1962, Dr. F.R.J. Verhoeven, seorang pakar UNESCO telah dilantik menjadi Pengarah Jabatan Arkib Negara dan beliau telah mengambil inisiatif bagi menyediakan draf pertama Undang-Undang Arkib Negara yang berjaya disiapkan pada bulan April 1963. Draft ini berasaskan Undang-Undang Arkib yang digunapakai pada ketika itu oleh 25 negara Komanwel serta negara-negara lain. Draft itu telah juga dirujuk kepada beberapa badan dan orang perseorangan yang mempunyai autoriti dalam bidang arkib untuk meminta pandangan mereka. Antaranya termasuklah pihak Majlis Arkib Antarabangsa (ICA); UNESCO; Pejabat Rekod Awam (PRO), London; Arkib Negara Australia dan sebagainya. Draft kedua undang-undang Arkib Negara ini dimajukan kepada Jabatan Perdana Menteri pada bulan Ogos 1963. Pada 31 Ogos 1966, undang-undang ini diluluskan oleh parlimen dan dikenali sebagai 'Akta Arkib Negara, Bil.44 Tahun 1966'. Akta ini telah menambahkan dan meluaskan peranan dan tanggungjawab Arkib Negara iaitu untuk memelihara segala rekod negara yang mempunyai nilai-nilai kebangsaan dan berunsur sejarah serta menyediakan kemudahan

In November 1962, Dr. F. R. J. Verhoeven, a UNESCO expert was appointed Director of the National Archives of Malaysia and he undertook initiatives to prepare the first draft of the Laws of the National Archives, which were ready in April 1963. The draft was based on Archives legislations in use at that time in 25 Commonwealth countries as well as other nations. The draft was also referred to several individuals and organizations who were themselves authorities in the field of archives, with the intention of obtaining their views. Among them were the International Council on Archives (ICA); UNESCO; Public Record Office (PRO), London; the National Archives of Australia and the like. The second draft of the legislation for the National Archives was forwarded to the Prime Minister's Department in August 1963. On 31 August 1966, the legislation was passed by parliament and was known as the 'National Archives Act, No. 44 of 1966'. The Act enlarged and increased the role and responsibilities of the National Archives, namely to preserve all the records of the nation possessing national and historical values and to provide reference and

rujukan dan penyelidikan kepada kerajaan dan orang awam. Di samping itu, Akta ini juga meletakkan tanggungjawab kepada Jabatan Arkib Negara untuk memberi khidmat nasihat kepada agensi-agensi kerajaan berkenaan cara-cara menyimpan rekod awam dengan sistematik.

Ekoran daripada perkembangan dan kemajuan dalam bidang rekod dan arkib, maka keperluan menyelaraskan Akta yang sedia ada itu telah diberi perhatian dan tindakan sewajarnya telah diambil. Maka Akta Arkib Negara Bil. 44 Tahun 1966 telah digantikan dengan akta yang baru yang diluluskan oleh parlimen pada tahun 2003 iaitu Akta Arkib Negara Malaysia 2003 (Akta 629). Akta ini memberi mandat baru bagi membolehkan Arkib Negara terlibat dalam aktiviti pengurusan dan pentadbiran rekod dan arkib awam secara menyeluruh sejak dari awal lagi iaitu dengan mengadakan peruntukan bagi pewujudan, perolehan, penggunaan dan pemeliharaan rekod dan arkib awam. Akta Arkib Negara 2003 ini juga telah mempunyai peruntukan yang jelas tentang pengurusan dan pemeliharaan rekod elektronik.

Pencapaian Gemilang

Pengiktirafan di peringkat antarabangsa dicapai oleh Arkib Negara seawal tahun 1964 apabila Setiausaha Agung Majlis Arkib Antarabangsa (ICA) mempelawa Jabatan ini untuk menubuhkan Cawangan Majlis Arkib Antarabangsa bagi Asia Tenggara. Berasaskan permintaan tersebut, pada Julai 1968, Arkib Negara Malaysia berjaya mengadakan persidangan penubuhan Cawangan Asia Tenggara Majlis Arkib Antarabangsa atau lebih dikenali dengan nama ringkasnya SARBICA. Arkib Negara Malaysia dilantik sebagai Urusetia SARBICA yang pertama dan terus memegang tanggungjawab itu untuk beberapa tahun.

Dalam bulan November 1982, Arkib Negara Malaysia diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah Persidangan Meja Bulat Ke-21 Majlis Arkib Antarabangsa iaitu satu persidangan yang pertama kali diadakan di kawasan Asia serta dihadiri oleh Ketua-Ketua Pengarah Arkib negara-negara luar dari seluruh dunia. Majlis ini juga diadakan bersempena dengan perayaan Jubli Perak penubuhan Arkib Negara Malaysia dan pembukan rasmi bangunan baru Arkib Negara Malaysia.

Menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM), Arkib Negara sejak tahun 1984 telah memberi latihan kepada pegawai dan kakitangan arkib dari negara-negara Dunia Ketiga. Program tahunan ini memberikan latihan dalam bidang pengurusan rekod dan arkib kepada para pesertanya yang rata-rata kakitangan arkib pelbagai negara sedang membangun tersebut.

research facilities to government as well as the public. In addition, the Act also assigned responsibility to the National Archives to provide advisory services to government agencies on the systematic storage of public records.

Consequential to developments and advancements in the field of records and archives, the necessity to up-date the existing Act was given due attention and appropriate action was taken. Thus the National Archives Act, No 44 of 1966 was replaced by a new Act passed by parliament in 2003, known as the National Archives of Malaysia Act 2003 (Act 629). The Act provided a new mandate to enable the National Archives to be involved in the management and administration of public records and archives, in a more encompassing manner from its early stages, by provisions related to the creation, acquisition, use and preservation of public records and archives. The National Archives Act 2003 also contains clear provisions related to the management and preservation of electronic records.

Outstanding Achievements

The National Archives achieved recognition at the international level in early 1964, when the Secretary-General of the International Council on Archives (ICA), invited this Department to establish the Regional Branch of the International Council on Archives for Southeast Asia. Based on this request, in July 1968, the National Archives of Malaysia successfully held the inaugural conference of the Southeast Asian Branch of the International Council on Archives, or more popularly known by its acronym SARBICA. The National Archives of Malaysia was appointed as the first Secretariat of SARBICA, a responsibility it held for several years.

In November 1982, the National Archives of Malaysia was entrusted to host the 21st Round Table Conference of the International Council on Archives, a conference held for the very first time in Asia and which was attended by foreign Directors-General from all over the world. The event was also held in conjunction with the Silver Jubilee of the establishment of the National Archives of Malaysia and the official opening of its new building.

Since 1984, through the Malaysian Technical Co-operation Programme, the National Archives has provided training to archives officers and staff from Third World nations. This annual programme provides training in archives and records management to participants who are generally archives staff from various developing countries.

Dalam bidang ICT, Arkib Negara juga mempunyai laman web sendiri dan maju setapak lagi dengan pelancaran Sistem Maklumat Bersepadu Arkib (COMPASS) yang dibangunkan dalam tahun 1996. Sistem COMPASS ini bertujuan mempermudah kerja-kerja pendaftaran bahan-bahan arkib dan pengesanananya secara berkomputer.

Di bawah program “Memory of the World” yang dinaungi UNESCO bagi pemeliharaan bahan-bahan sejarah dan budaya dari kepupusan, Arkib Negara telah mencapai pengiktirafan tersebut apabila Koleksi Surat-Surat Sultan Abdul Hamid, Kedah telah diterima sebagai koleksi agung negara warisan dunia. Acara pengisytiharan koleksi agung warisan dunia itu telah disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 27 Ogos 2002.

Dalam pensijilan MS ISO, Arkib Negara Malaysia telah memperolehi sijil pengiktirafan MS ISO 9002: 1994 pada bulan Disember 2000 melalui bidang pelaksanaan Perolehan dan Pemeliharaan Fail-Fail Rasmi Kerajaan. Arkib Negara telah menaiktaraf MS ISO 9002: 1994 ini kepada MS ISO 9001 : 2000 pada Jun 2003 dan telah diluluskan oleh pihak SIRIM pada awal tahun 2004. Arkib Negara Malaysia telah dianugerahkan Sijil Pendaftaran Sistem Kualiti MS ISO 9001 pada 18 April 2005. Pada tahun 2006 dan 2007 Jabatan ini berjaya menaiktaraf dan mengekalkan pensijilan ISO yang diterima.

Buat julung kalinya Jabatan ini telah berjaya mengadakan Konvensyen Pengurusan Rekod Kebangsaan yang telah diadakan pada 5-6 November 2007. Seramai 800 peserta terdiri daripada pegawai awam pelbagai jabatan dari seluruh negara telah hadir. Konvensyen ini telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya dan telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara.

Arkib pada tahun 2008 melakar sejarah apabila berjaya menganjurkan Kongres Majlis Arkib Antarabangsa (ICA) Kali Ke-16 pada 21 – 27 Julai 2008 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Majlis perasmian Kongres telah disempurnakan oleh YB Dato’ Seri Haji Mohd Shafie b. Haji Apdal, Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Sejarah turut tercatat di Kongres ini yang menyaksikan En. Sidek Jamil, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia telah menjadi individu pertama dari Asia Tenggara dilantik sebagai Fellow Majlis Arkib Antarabangsa (ICA) sepanjang hayat pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) majlis tersebut. Pelantikan ini merupakan pengiktirafan ICA terhadap pelbagai usaha dan pencapaian Arkib Negara

In the field of Information and Communications Technology (ICT), the National Archives has its own website and has advanced a step further with the launching of the Computerised Archival System and Services (COMPASS), which was developed in 1996. The COMPASS system is intended to enable work related to the registration and retrieval of archive material easier, through the use of computers.

Under the “Memory of the World” programme, held under the auspices of UNESCO to safeguard and preserve historical and cultural material from obliteration, the National Archives attained recognition when the Collection of Letters of Sultan Abdul Hamid of Kedah was accepted as a national premier collection and world documentary heritage. The programme to declare it a premier collection and world documentary heritage was officiated by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong on 27 August 2002.

In efforts at obtaining MS ISO certification, the National Archives of Malaysia was awarded the MS ISO 9002:1994 Certifacte, in December 2000 for implementation in the field of Acquisition and Preservation of Official Government Files. The MS ISO 9002: 1994 was upgraded to MS ISO 9001: 2000 in June 2003 and was approved by SIRIM in early 2004. The National Archives of Malaysia was awarded the Quality System Registration Certificate MS ISO 9001 on 18 April 2005. In 2006 and 2007 the Department successfully upgraded and maintained these ISO certifications.

For the very first time, a National Convention on Records Management was successfully organized by this Department from 5 – 6 November 2007. It was attended by a total of 800 participants made up of civil servants from various departments throughout the country. The Convention was held at the Putrajaya International Convention Centre and was officiated by the Chief Secretary to the Government.

In 2008, the archives made history when it successfully hosted the 16th Congress of the International Council on Archives from 21 – 27 July 2008, at the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). The opening ceremony of the Congress was officiated by the Hon. Dato’ Seri Haji Mohd. Shafie b. Haji Apdal, Minister for Unity, Culture, Arts and Heritage.

History was also created at the Congress, which witnessed Mr. Sidek Jamil, Director-General of the National Archives of Malaysia, becoming the first individual from Southeast Asia to be appointed a lifetime Fellow of the International Council on Archives (ICA), at the Annual General Meeting of the Council. The appointment reflected recognition by ICA, of the various efforts and achievements of the National

Malaysia di peringkat antarabangsa sejak ditubuhkan pada 1 Disember 1957.

Pada tahun 2009, Arkib Negara Malaysia telah diumumkan sebagai pemenang Jikji *Memory of The World Prize* oleh UNESCO semasa mesyuarat *International Advisory Committee of UNESCO's Memory of The World Programme* yang telah diadakan pada 31 Julai 2009 di Bridgetown, Barbados. Hadiah yang bernilai USD 30,000.00 diberikan bagi memperingati pendaftaran Jikji, iaitu buku cetakan besi yang tertua di dunia, dibuat pada tahun 1377, di bandar Cheongju, Republik Korea.

Pencalonan Arkib Negara Malaysia telah diterima dan diiktiraf oleh pihak UNESCO berdasarkan kepada sumbangan yang telah diberikan oleh jabatan ini khususnya dalam program-program pengembangan, pendidikan dan latihan dalam bidang pemeliharaan bahan khazanah warisan di rantau Asia sejak penubuhannya pada tahun 1957 sehingga kini.

Tahun 2010 memperlihatkan Arkib Negara menerima Anugerah 5 Bintang Malaysia *Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2010*, Anugerah Pengurusan Kewangan Terbaik dan antara 10 jabatan terbaik untuk pencapaian HRMIS di kalangan jabatan dan agensi di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.

Kini Arkib Negara terus bertapak kukuh memberikan perkhidmatannya kepada negara dan masyarakat melalui peranan penting yang ditonjolkan dalam pelbagai program berhubung sejarah dan kebudayaan negara. Pada masa yang sama, Arkib Negara sentiasa menambah baik perkhidmatannya dalam menyediakan kemudahan penyelidikan dan rujukan kepada masyarakat serta pemeliharaan rekod-rekod sebagai khazanah warisan negara. Arkib Negara turut menjalankan pelbagai program pengembangan bagi memasyarakatkan arkib ke arah melahirkan generasi yang cintakan ilmu dan warisan sejarah negara serta memupuk semangat cintakan tanah air.

Archives of Malaysia, at the international level since its establishment on 1 December 1957.

In 2009, the National Archives of Malaysia was announced winner of the Jikji Memory of the World Prize by UNESCO at the meeting of the International Advisory Committee of UNESCO's Memory of The World Programme, held on 31 July 2009 in Bridgetown, Barbados. The prize money of USD 30,000.00 is awarded in commemoration of the registration of Jikji, which is the world's oldest movable metal print book, made in 1377 at the town of Cheongju, Republic of Korea.

The nomination of the National Archives of Malaysia was accepted and recognised by UNESCO based on the contributions made by the Department especially in outreach, educational and training programmes for the preservation of heritage material in the Asian region, since its establishment in 1957 until today.

In 2010, the National Archives was the recipient of a 5-star award under the Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2010, as well as the Best Financial Management Award. It was also listed as one of the 10 best Departments under the Ministry of Information, Communications and Culture, for accomplishments under the Human Resource Management Information System (HRMIS).

The National Archives is now firmly entrenched in providing its services to the nation and society through the important role it displays in various programmes related to national history and culture. At the same time, the National Archives continues to improve its services aimed at providing research and reference facilities to society, as well as in the preservation of records constituting the nation's heritage treasury in conformity with the mission of the National Archives as the National Resource and Research Centre. The National Archives also conducts various outreach programmes to assimilate archives with society with a view to create a generation who will love knowledge and the national historical heritage, as well as love for the motherland.

Laporan Ringkas Program/Aktiviti *Summary Report of Programmes/Activities*

Pada tahun 2010, Arkib Negara Malaysia telah melaksanakan pelbagai aktiviti dalam usaha memperluaskan peranannya sebagai Pusat Sumber dan Penyelidikan Negara. Tahun 2010 memperlihatkan Arkib Negara menerima Anugerah 5 Bintang *Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2010*, Anugerah Pengurusan Kewangan Terbaik dan antara 10 jabatan terbaik untuk pencapaian HRMIS di kalangan jabatan dan agensi di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Peningkatan Penyampaian Sistem Perkhidmatan

Sepanjang tahun 2010, Arkib Negara Malaysia telah membantu agensi kerajaan dalam melupuskan sejumlah 80,697 meter panjang (mp) fail, 642,998 mp rekod bukan fail dan 1,039,986 mp rekod kewangan. Selain itu, Arkib Negara juga telah membantu pejabat Kedutaan Malaysia di luar negara dengan mengadakan program pengurusan rekod yang telah dijalankan di pejabat kedutaan Malaysia di Moscow pada 15-19 Mac 2010.

Arkib Negara telah memperolehi sebanyak 2,483 unit Surat Persendirian (SP). Disamping itu, sejumlah 4,069 unit bahan telah diperolehi dari Arkib Pertubuhan. Selain itu, sejumlah 54,326 bahan audio visual juga telah diperolehi yang meliputi sebanyak 149 bahan filem, 845 bahan audio, video dan multimedia serta 53,332 bahan gambar.

Sementara itu, perolehan secara pembelian dari dalam dan luar negara berjumlah 2,594 bahan serta bahan koleksi Arkib DiRaja sebanyak 1,065 bahan. Bahan yang diperolehi secara pembelian adalah meliputi filem, mikrofilem dan DVD yang berjumlah 8 unit, gambar sebanyak 725 unit, koleksi peta berjumlah 136 unit dan beberapa koleksi lain seperti nota, surat menyurat, atlas dan sebagainya.

Sepanjang tahun 2010 juga Arkib Negara Malaysia telah menguruskan penerimaan rekod awam yang terdiri dari 190.95 mp fail, 363 unit rekod pandang dengar dan 5,171 unit terbitan. Arkib Negara juga menerima 17 unit rekod kartografi dan senibina, 2,131 rekod dalam bentuk mikrofilem, 6,564 unit bahan Arkib Persendirian serta 878 naskah suratkhbar dan majalah untuk simpanan kekal di Arkib Negara.

In 2010, the National Archives of Malaysia carried out various activities in efforts to broaden its role as the National Resource and Research Centre. 2010 saw the National Archives of Malaysia receive a 5-star award under the Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2010 as well as the Best Financial Management Award and was also listed among the 10 best Departments for accomplishments under the Human Resource Management Information System (HRMIS). for departments and agencies under the Ministry of Information, Communications and Culture.

Enhancement of the Service Delivery System

In 2010, the National Archives of Malaysia assisted government agencies in the disposal of 80,697 linear metres of files, 642,998 linear metres of non-file material and 1,039,986 linear metres of financial records. In addition, the National Archives also assisted Malaysian Embassies abroad by organizing records management programmes such as was conducted at the Malaysian Embassy in Moscow from 15 – 19 March 2010.

The National Archives acquired Private Papers totalling 2,483 items. In addition 4,069 items of material were acquired for the Archives of Organisations. Apart from that, a total of 54,326 items of audio-visual material were also acquired comprising of 149 reels of film, 845 audio, video and multimedia material and 53,332 photographs.

At the same time, acquisition through purchases from abroad totaled 2,594 items and 1,065 items were acquired for the Royal Archives. Material acquired through purchase included films, microfilms and DVDs totaling 8 units, 725 photographs, 136 maps and several other collections like notes, correspondence, atlases and the like.

During the year 2010 the National Archives of Malaysia also received public records comprising 190.95 linear metres of files, 363 audio-visual records and 5,171 publications. The National Archives also received 17 cartographic and architectural records, 2,131 microfilm records, 6,564 units of Private Archives together with 878 copies of newspapers and magazines for permanent storage.

Pemuliharaan dan Pemeliharaan Bahan Arkib

Arkib Negara Malaysia turut memainkan peranan penting dalam memastikan khazanah warisan negara dipelihara. Sehubungan ini, sebanyak 20,489 helai bahan telah dibaikpulih dan diawet manakala bahan yang telah dijilid berjumlah 88 naskhah. Bahan-bahan arkib yang telah dipulihara antaranya terdiri daripada fail, dokumen, manuskrip, surat khabar, terbitan, peta dan poster.

Penyalinan mikrofilem dijalankan ke atas bahan-bahan asal seperti fail bagi tujuan keselamatan. Sebanyak 561 torak mikrofilem telah dihasilkan sepanjang tahun 2010. Jabatan juga membuat sebanyak 606 penyalinan gambar bagi peristiwa-peristiwa jabatan dan kementerian, aktiviti-aktiviti, tempat dan bangunan-bangunan bersejarah dan membuat salinan pesanan untuk penyelidikan.

Pendokumentasian Sejarah

Pendokumentasian sejarah bertujuan untuk memperbanyak dan mempelbagai sumber rujukan dan bahan sejarah di samping memperkukuh dan mengesahkan sesuatu fakta sejarah. Sepanjang tahun 2010, sebanyak lima program Bicara Tokoh dan Bicara Sejarah telah diadakan di Ibu Pejabat dan Cawangan Negeri. Selain itu, sebanyak 52 jam rakaman Sejarah Lisan melibatkan 15 tokoh telah dijalankan dan 43 artikel telah disiarkan di dalam akhbar. Di samping itu sebanyak 365 skrip Hari Ini Dalam Sejarah (HIDS) juga telah dihasilkan.

Perkhidmatan Penyelidikan

Arkib Negara juga menyediakan kemudahan rujukan dan penyelidikan terhadap bahan-bahan arkib. Sepanjang tahun 2010 seramai 6,952 orang penyelidik baru telah didaftarkan. Manakala seramai 9,748 orang penyelidik telah dicatatkan datang membuat penyelidikan dan sebanyak 63,414 pesanan bahan telah diuruskan untuk tujuan penyelidikan.

Penyelidikan Khas

Arkib Negara Malaysia telah membuat penyelidikan dan kajian yang membabitkan hal-hal persempadanan, hak dan kedaulatan serta isu-isu semasa di empat buah negara iaitu United Kingdom, Netherland, India dan Australia di samping dua penyelidikan dan kajian di dalam negeri iaitu di Sabah dan Johor. Kajian juga dibuat mengenai isu-isu semasa dan peristiwa bersejarah negara dan tokoh negarawan di mana Arkib Negara Malaysia ini telah menghasilkan lapan artikel yang disiarkan di akhbar Berita Harian dan Portal.

Restoration and Preservation of Archive Material

The National Archives plays an important role in ensuring the preservation of the treasury of national heritage material. In relation to this, a total of 20,489 items of material were restored and conserved whilst 88 items were bound. The archive material conserved included files, documents, manuscripts, newspapers, publications, maps and posters.

Microfilm copies were made of original material like files, for reasons of security. A total of 561 reels of microfilm were produced in 2010. The department also made 606 copies of photographs covering events of the department and Ministry, activities, historical places and buildings, as well as in response to requests from researchers.

Historical Documentation

Historical Documentation is carried out with the intention of increasing and diversifying reference sources and historical material, whilst at the same time reinforcing and authenticating historical facts. In 2010, five sessions of the programme Discussions on Prominent Personalities and Discussions on History were held at Headquarters and the State Branches. Apart from that, 52 hours of Oral History recordings involving 15 personalities were carried out and 43 articles were published in the newspapers. In addition, 365 scripts were prepared for the program Today in History.

Research Services

The National Archives of Malaysia also provides reference and research facilities on archival material. Throughout 2010, a total of 6,952 new researchers were registered. 9,748 researchers were recorded as having conducted research and a total of 63,414 requisitions for material were processed for research purposes.

Special Research

The National Archives of Malaysia conducted research and studies involving boundary matters, rights and sovereignty as well as on current issues in four countries namely the United Kingdom, Netherlands, India and Australia in addition to two local research and study undertakings in Sabah and Johor. In addition, studies were also undertaken on current issues as well as national historical events and statesmen which enabled the National Archives of Malaysia to produce eight articles subsequently published in its Portal and the Berita Harian.

Program-program yang dilaksanakan ini dapat membantu negara menangani isu-isu hak dan kedaulatan yang dihadapi di samping memperkayakan sumber-sumber rujukan dan menggalakkan penyelidik menggunakan bahan arkib dalam penyelidikan mereka.

Konsultansi dan latihan

Sepanjang tahun 2010, Arkib Negara Malaysia telah memberikan khidmat konsultansi melalui Bengkel Klasifikasi Fail, Bengkel Pelupusan dan Bengkel Pengurusan Rekod kepada 30 buah Jabatan manakala Ceramah Pengurusan Rekod telah diadakan di 42 Jabatan. Sebanyak dua Kursus Pengurusan Rekod Jabatan, empat Kursus Pengurusan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan dan lima Kursus Pemeliharaan Rekod telah dilaksanakan melibatkan pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia.

Aktiviti Pameran

Sepanjang tahun 2010 sebanyak 54 program pameran telah dilaksanakan yang meliputi 17 pameran yang menggunakan bahan baru dan 37 pameran yang menggunakan poster sedia ada. Arkib Negara juga turut terlibat dengan urusan peminjaman poster pameran kepada 34 agensi luar yang berminat. Bagi Program Arkib Pendidikan pula sebanyak 12 program telah dilangsungkan yang melibatkan sebanyak tujuh sekolah dan sebuah pusat pendidikan di seluruh negara.

Pembangunan Kerjaya

Arkib Negara turut memberi perhatian terhadap kecekapan dan kompetensi dalam aspek sumber manusia. Sebanyak 78 kursus dalaman, 50 kursus luaran dikendalikan agensi kerajaan dan 14 kursus luaran dikendalikan agensi swasta telah diadakan sepanjang tahun 2010 untuk meningkatkan kemahiran pegawai dan kakitangan Arkib Negara dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Seramai 39 orang pegawai telah dihantar menghadiri kursus, mesyuarat, persidangan dan pakar rujuk dalam pengurusan rekod dan pemeliharaan di luar negara bagi tahun 2010.

Penerbitan

Arkib Negara Malaysia juga telah menerbitkan sebanyak 12 penerbitan berdasarkan kepada bahan-bahan arkib yang terdapat dalam simpanan di gedung simpanan Arkib Negara. Penerbitan tersebut diedarkan sama ada secara percuma atau dijual.

The programmes implemented assisted the nation to confront issues faced in relation to rights and sovereignty, whilst at the same time enriching reference sources and encouraging researchers to use archival material in their research.

Consultancy and Training

In 2010, the National Archives of Malaysia provided consultancy services through File Classification Workshops, Records Disposal Workshops and Records Management Workshops to 30 Departments whilst Records Management Lectures were delivered to 42 Departments. Officers and staff of the National Archives of Malaysia were also involved in conducting two Departmental Records Management Courses, four Departmental Records Management Courses for Administrative Assistants and five Records Preservation Courses.

Exhibitions

Throughout the year 2010, a total of 54 exhibitions were held which included 17 using new material and 37 which used available posters. The National Archives was also involved with the loan of exhibition posters to 34 other agencies who had shown relevant interest. Under the Educational Archives Programme, 12 programmes were carried out throughout the country involving seven schools and an education centre.

Career Development

The National Archives continued to be attentive towards the need for efficiency and competency in the aspect of human resource. A total of 78 internal courses and 50 external courses conducted by government agencies, as well as 14 external courses conducted by private agencies were held in 2010, to improve the expertise of officers and staff of the National Archives, in their efforts to provide the best possible service to society. 39 officers and staff were also sent overseas in 2010, to attend courses, meetings, conferences as well as specialised courses in records management and preservation.

Publications

The National Archives of Malaysia also produced 12 publications using archive material available in the repository of the National Archives. The publications were either sold or distributed as complimentary copies.

Pelawat

Sepanjang tahun 2010, Arkib Negara Malaysia menerusi Memorial dan Pustaka telah menerima seramai 1,043,383 orang pelawat yang terdiri dari pelawat dalam dan luar negara meliputi pelbagai agensi seperti jabatan kerajaan, agensi swasta, institusi pengajian tinggi, sekolah dan orang awam.

Arkib Negarawan

Sepanjang tahun 2010, sebanyak 19 program melibatkan Arkib Negarawan telah diadakan meliputi lima Program Mengenang Tokoh Negarawan, empat Pameran Koleksi Khas Tunku Abdul Rahman Putra, enam program Kembara Memorial 1Malaysia, dua program Tun Abdul Razak Bapa Pembangunan Suatu Pengkisahan, Pameran Kereta Merdeka dan Pameran 'Tunku & The Star'.

Visitors

In 2010, the National Archives of Malaysia through its Memorials and Libraries received a total of 1,043,383 visitors, both local and foreign from various agencies like government departments, private agencies, institutions of higher learning, schools as well as the general public.

Statesmen Archives

In 2010, a total of 19 programmes involving Statesmen Archives were held including five Reminiscence Programmes on Eminent Statesmen, four Exhibitions featuring Special Collections of Tunku Abdul Rahman Putra, six 1Malaysia Memorial Excursions, two programs on Tun Abdul Razak – Father of Development, one Narration, Exhibition featuring the Merdeka car and an exhibition on 'Tunku & The Star'.

Bahagian Khidmat Pengurusan
Management Services Division

Bahagian Khidmat Pengurusan *Management Services Division*

PROFIL

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) ditubuhkan mulai 1 Februari 2009 berikutan pengstruktur semula Arkib Negara Malaysia. Bahagian Khidmat Pengurusan adalah bertanggung jawab merancang, merangka, mengemaskini dasar /peraturan berkaitan urusan pentadbiran, kewangan, pembangunan sumber manusia, program latihan, projek-projek pembangunan, pengurusan maklumat (ICT) dan HRMIS. BKP diterajui oleh Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred 54. Terdapat lima Seksyen yang dipertanggungjawabkan melaksanakan program-program bahagian iaitu Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Seksyen Sumber Manusia, Seksyen Pembangunan dan Pengurusan Aset dan Seksyen Teknologi Maklumat.

Pembangunan dan Pengurusan Aset bertanggungjawab merancang dan memantau segala projek pembangunan fizikal serta menjalankan kerja-kerja penyelidikan berkaitan dengan pembangunan dan pengembangan jabatan. Seksyen ini juga bertanggungjawab dalam merancang, mengenalpasti dan menguruskan pemerolehan tanah, bangunan dan peralatan serta penggunaan peruntukan pembangunan jabatan dengan cekap dan efisien. Dari aspek pengurusan aset, seksyen ini bertanggungjawab dalam menguruskan keselamatan fizikal harta, bangunan dan aset dan pengurusan pelupusan aset jabatan.

Seksyen Pentadbiran dan Kewangan bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti sokongan merangkumi semua aspek berkaitan pentadbiran seperti keselamatan, penyelenggaraan keseluruhan premis jabatan, pengurusan registri dan kewangan. Seksyen ini turut melaksanakan tugas-tugas Urus Setia seperti Jawatankuasa Keutuhan/Birokrasi, Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Lembaga Penasihat, Manual Prosedur Kerja dan Mengurus Hal-hal Kebajikan Kakitangan – Perumahan kerajaan dan Rawatan perubatan.

Seksyen Sumber Manusia telah dipertanggungjawabkan mengendalikan urusan berkaitan aktiviti-aktiviti pembangunan sumber manusia merangkumi kajian pemantapan organisasi (perjawatan), perancangan kerjaya dan latihan peperiksaan jabatan, hal-hal perkhidmatan pegawai dan kakitangan ANM.

PROFILE

The Management Services Division (BKP) was established on 1 February 2009 as a result of the restructuring of the National Archives of Malaysia. The Management Services Division is responsible for planning, formulating, updating policies and regulations pertaining to administration, finance, human resource development, training programmes, development projects, information management (ICT) and Human Resource Management Information System (HRMIS). The Management Services Division is headed by a Grade M54 Diplomatic and Administrative Service Officer. Five Sections have been entrusted with the responsibility of implementing the programmes of the Division namely, Administration and Finance Section, Human Resource Section, Development and Assets Management Section and the Information Technology Section.

The Development and Assets Management is responsible for planning and monitoring all physical development projects and also for the conduct of research on the development and expansion of the department. This Section is also responsible for planning, identifying and acquiring land, buildings and equipment as well as for ensuring the effective and efficient utilisation of the department's development allocation. In the aspect of assets management, this Section is responsible for managing the physical security of properties, buildings and assets as well as the management of the disposal of the department's assets.

The Administration and Finance Section is responsible for implementing support activities covering all aspects related to administration such as security, maintenance of the entire premises of the department, management of the registry and finance. This Section also functions as the Secretariat for the Integrity/Bureaucracy Committee, Management Meetings, Advisory Board Meetings, Work Procedure Manual and the management of Staff Welfare Affairs – government housing and medical treatment.

The Human Resource Section is responsible for implementing matters related to human resource development activities including studies to consolidate the organisation (establishment), career planning and training, departmental examinations and service matters of the officers and staff of the National Archives of Malaysia.

Seksyen Teknologi Maklumat bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Teknologi Maklumat dan komunikasi bagi Arkib Negara Malaysia (ANM) berdasarkan polisi dan dasar yang telah dibangunkan. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah pembangunan aplikasi baru berdasarkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat dan keperluan pengguna, penyelenggaraan aplikasi COMPASS, penyelenggaraan aplikasi dalaman ANM iaitu Helpdesk, Sistem Aduan Bangunan, Blog KP, laman web Komuniti Rekod, dan laman web SARBICA, penyediaan infrastruktur ICT, khidmat sokongan ICT, melaksanakan tugas perantaraan antara ANM dengan kementerian dan agensi pusat yang bertanggungjawab bagi sistem aplikasi kerajaan elektronik dan memastikan penggunaan aplikasi HRMIS berada di tahap optimum.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Sepanjang tahun 2010, Bahagian Khidmat Pengurusan telah berjaya melaksanakan tugas dan aktiviti yang dipertanggungjawabkan selaras dengan keperluan dan prosedur MS ISO 9001:2000 terutamanya berkaitan dengan peningkatan sistem maklumat, sumber manusia, projek pembangunan dan pengurusan kewangan.

The Information Technology Section is responsible for implementing activities related to Information Technology and Communications for the National Archives of Malaysia based on established policies and principles. These activities include the development of new applications based on the Information Technology Strategic Plan and requirements of users, maintenance of COMPASS applications, maintenance of internal applications of the National Archives of Malaysia such as Helpdesk, Building Complaints System, Director-General's Blog, Community Record website, SARBICA's website, provision of ICT infrastructure, ICT support services, the fulfilment of intermediary duties between the National Archives and the Ministry as well as with the central agency responsible for electronic government application systems and to ensure the optimum use of the HRMIS application.

ACTIVITIES ACCOMPLISHED ANNUALLY

Throughout 2010, the Management Services Division successfully carried out responsibilities and activities entrusted to it, in accordance with the requirements and procedure contained in MS ISO 9001:2000, especially in relation to the enhancement of information systems, human resource, development projects and finance management.



Timbalan Ketua Setiausaha (Penerangan) KPKK, YBhg. Dato' Dr. Rothiah Omar menyerahkan replika kunci bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang kepada YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia disaksikan oleh Ir. Mansor Ibrahim, Jurutera Daerah Kuantan di Majlis Penyerahan Bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang pada 26 Oktober 2010.

Deputy Secretary-General (Information), Ministry of Information, Communications and Culture, YBhg. Dato' Dr. Rothiah Omar, presenting a replica of keys to the National Archives of Malaysia, Pahang Branch Building, to YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad, Director-General National Archives of Malaysia, witnessed by Ir. Mansor Ibrahim, District Engineer Kuantan, at the Handing-over Ceremony, National Archives of Malaysia, Pahang Branch, on 26 October 2010.

Projek Pembangunan

Pada tahun 2010, Arkib Negara Malaysia telah diperuntukan sebanyak RM17,996,429.50 untuk 7 projek pembangunan dan telah membelanjakan sebanyak RM17,987,693.31 (100%). Peruntukan ini digunakan bagi membiayai projek naiktaraf bangunan Arkib Negara Malaysia, Bangunan ANM Cawangan Pahang, Pembelian Rekod Malaysia dari dalam dan luar Negara, Laman Warisan Kedah, Pusat Pendokumentasian dan Pemuliharaan Bahan-bahan Pandang Dengar Negara, Kajian Penyelidikan Pengesahan Fakta Sejarah Negara dan Pembangunan Teknologi Maklumat.

Perjawatan

Sehingga Disember 2010 sejumlah 615 perjawatan telah diwujudkan bagi ANM, perjawatan berkenaan termasuk cawangan-cawangan negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Walau bagaimana pun sebanyak 13 jawatan Kumpulan Sokongan 11 (Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang telah dijumlahkan) telah dimansuhkan pada tahun 2010. Kedudukan perjawatan mengikut pecahan perjawatan adalah seperti berikut:

Development Projects

In 2010 the National Archives of Malaysia was allocated a total amount of RM17,996,429.50 for 7 development projects and expended RM17,987,693.31 (100%). The allocation was used to fund upgrading projects for the National Archives of Malaysia building, National Archives Building - Pahang Branch, purchase of Malaysian Records both locally and overseas, Kedah Heritage Square, National Audio Visual Documentation and Preservation Centre, Research Studies to authenticate national historical facts and for Information Technology Development.

Establishment

Up to December 2010, the establishment of the National Archives of Malaysia including its State Branches in the Peninsula, Sabah and Sarawak, totalled 615 personnel. However, 13 posts from the Support Group N11 (Junior Administrative Assistant, Grade N11 which was frozen) were abolished in 2010. The establishment according to service group was as follows:

Kumpulan Perkhidmatan Service Group	Bilangan Perjawatan Number of Personnel
Pengurusan Tertinggi Top Management	3
Pengurusan dan Profesional Management and Professional Group	111
Kumpulan Sokongan: Support Group:	
Sokongan I Support I	306
Sokongan II Support II	195
Jumlah Total	615



Para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009 bergambar bersama Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad (duduk, tengah), Timbalan Ketua Pengarah Penyelidikan dan Pengembangan, Puan Hajah Daresah Ismail (duduk, tiga dari kanan) dan Pengarah-pengarah Bahagian. Penyampaian Anugerah adalah sempena Hari Arkib 2010 dan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009, Perkhidmatan 25 Tahun dan Persaraan Pegawai dan Kakitangan pada 2 Disember 2010.

Recipients of the 2009 Excellent Service Award with Director-General National Archives of Malaysia, YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad (seated, middle), Deputy Director General Research and Advocacy Mrs. Hajah Daresah Haji Ismail, (seated, third from right) and Directors of Divisions. The presentation of awards was in conjunction with Archives Day 2010 and included Presentation Ceremony of Excellent Service Awards 2009, Awards for 25 Years Service and Retirement of Officers and Staff, held on 2 December 2010

Portal Arkib Negara Malaysia

Tahun 2010 merupakan tahun yang bersejarah untuk Arkib Negara Malaysia (ANM) kerana Portal ANM buat pertama kalinya telah diberi penarafan 5 Bintang serta berada di tangga ke-5 secara keseluruhan melalui *Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA)* 2010 oleh *Multimedia Development Corporation (MDEC)*. Pada tahun ini, sejumlah 1,145 portal dan laman sesawang jabatan/agensi kerajaan telah dinilai bermula daripada bulan April hingga Jun 2010. Ini adalah sejajar dengan keputusan *MSC Malaysia Implementation Council Meeting (ICM)* ke-19 di mana MDEC telah diminta oleh YAB Perdana Menteri untuk melaksanakan pengauditan ke atas semua portal dan laman sesawang jabatan/agensi Kerajaan.

National Archives of Malaysia Portal

2010 was a historical year for the National Archives of Malaysia because for the first time the National Archives' Portal was accorded a 5-star rating and was placed in 5th position overall under the *Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA)* 2010, by the *Multimedia Development Corporation (MDEC)*. During the year, a total of 1,145 portals and websites of government departments and agencies were evaluated between April and June 2010. This was in accordance with the decision made at *MSC Malaysia's 19th Implementation Council Meeting (ICM)*, where MDEC was requested by the Hon. Prime Minister to conduct an audit of all portals and websites of government departments and agencies.



Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad menerima 'Anugerah Prestasi Cemerlang Malaysia Government Portals and Websites Assessment 2010' daripada Ketua Pegawai Eksekutif Multimedia Development Corporation (MDeC) YBhg. Datuk Mohd Badlisham Ghazali, pada 11 November 2010 di Hotel One World, Damansara atas kejayaan Arkib Negara mendapat penarafan 5 Bintang dan berada di tangga ke-5 secara keseluruhan melalui Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA)

Director-General, National Archives of Malaysia, YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad receiving the 'Excellent Performance Award Malaysia Government Portals and Websites Assessment 2010' from the Chief Executive Officer, Multimedia Development Corporation, YBhg. Datuk Mohd Badlisham Ghazali, on 11 November 2010 at the Hotel One World, Damansara, on the National Archives' success in obtaining a 5-star rating and being in 5th position overall, in the Government Portals and Websites Assessment (MGPWA).

Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM)

Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) bagi tempoh 5 tahun (2010 – 2014) telah berjaya disediakan. PSTM adalah *blueprint* yang menggariskan hala tuju Teknologi Maklumat bagi ANM dalam tempoh 5 tahun. Dokumen ini akan digunakan sebagai panduan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti Teknologi Maklumat di ANM sejajar dengan perkembangan Teknologi semasa.

Pembangunan PSTM ini melibatkan penglibatan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Bahagian dan semua Ketua Seksyen. Seksyen Teknologi Maklumat bertindak sebagai Urus setia dalam menyelaraskan semua aktiviti yang terlibat dalam pembangunan PSTM ini. Pembangunan PSTM telah bermula pada Julai 2009 dan mengambil masa selama 7 bulan untuk disiapkan. Pada Januari 2010, dokumen ini telah dibentangkan dalam Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) ANM dan telah diluluskan.

Information Technology Strategic Plan

The Information Technology Strategic Plan for a 5 year period (2010 – 2014), was successfully drafted. The Strategic Plan is a blueprint outlining the direction Information Technology would take in the National Archives of Malaysia during the 5 year period. The document would serve as a guide in the implementation of Information Technology activities in the National Archives of Malaysia, in line with current developments in the technology.

The formulation of the Strategic plan involved the participation of the Director-General, Deputy Directors-General, Directors of Divisions and all Heads of Sections. The Information Technology Section functioned as the Secretariat in co-ordinating all activities involved in the preparation of the Strategic Plan. Work on the preparation of the Strategic Plan began in July 2009 and took a period of 7 months to complete. In January 2010, the document was presented to the Information Technology Steering Committee of the National Archives of Malaysia and approval received.



Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia, YB. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim menyerahkan sijil dan plak Anugerah Pengurusan Kewangan dan Akaun Terbaik Kementerian kepada Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBrs, Dr. Hajah Samsiah Muhamad sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi 2010 pada 1 Disember 2010.

Minister of Information, Communications and Culture Malaysia, the Hon. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, presenting the certificate and plaque for the Ministry's Best Financial Management Award to the Director-General, National Archives of Malaysia, Dr. Hajah Samsiah Muhamad, during the Innovations Day Celebration Ceremony 2010, on 1 December 2010.



YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil mengetip kad perakam waktu sebagai simbolik persaraan beliau sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia.

YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil punch out the last punch card services as a Director-General National Archives of Malaysia.



Peserta Kursus Mencegah Kebakaran melihat demonstrasi memadam api oleh pegawai bomba ketika kursus tersebut diadakan di Arkib Negara Malaysia pada 10 hingga 11 Mac 2011.

Participants of the Fire Prevention Course observing a fire extinguishing demonstration by firemen during the course held at the National Archives of Malaysia from 10 to 11 March 2010.



Peserta Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling Tahap 1 bergambar bersama Urus Setia program. Program ini telah diadakan di Memorial Tun Abdul Razak pada 7 Jun 2010.

Group photograph of participants of Counseling Skills Enhancement Programme Level 1 with the secretariat. The programme was held at the Tun Abdul Razak Memorial on 7 June 2010.

Bahagian Perancangan dan Penyelarasan
Planning and Co-Ordination Division

Bahagian Perancangan dan Penyelarasan *The Planning and Co-ordination Division*

PROFIL

Bahagian Perancangan dan Penyelarasan (BPP) merupakan salah satu teras yang menyokong pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab Arkib Negara Malaysia. Melalui empat (4) seksyen yang ada di bawahnya iaitu Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti (SDSPK), Seksyen Inspektorat (SI), Seksyen Hubungan Antarabangsa (SHA) dan Seksyen Konsultansi dan Latihan (SKL), BPP bertanggungjawab menentukan dasar, halatuju dan strategi Arkib Negara adalah mantap dan berkesan. BPP juga memastikan pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan kearkiban dan pengurusan rekod berjalan dengan lancar serta mematuhi undang-undang, peraturan dan piawaian yang telah ditetapkan. Bagi menyempurnakan tujuan tersebut, kerjasama erat telah diwujudkan di antara Bahagian Pengurusan yang ada bagi sama-sama merealisasikan penyediaan produk dan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan efektif kepada pelanggan.

Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti merupakan seksyen yang bertanggungjawab merancang, mengenalpasti keperluan dan menyelaras dasar, hala tuju, strategi, standard dan pengurusan kualiti jabatan. Sepanjang tahun 2010, dasar, hala tuju dan strategi jabatan telah dikemaskini dan diperkukuhkan lagi berdasarkan keperluan semasa. Usaha mempertingkatkan standard dan pengurusan kualiti jabatan juga telah digiatkan lagi terutama dari segi pelaksanaan MS ISO 9001:2008 dan penyediaan standard dalam bidang Pengurusan Rekod dan Pentadbiran Arkib.

Seksyen Hubungan Antarabangsa bertanggungjawab untuk mengenalpasti keperluan dan menyelaras program/aktiviti ikhtisas antarabangsa serta menyediakan kertas-kertas cadangan projek kerjasama di bawah Program ASEAN COCI, UNESCO, ICA-PCOM dan sebagainya. Seksyen ini juga bertanggungjawab untuk menyelaras, menyedia dan menguruskan urusan menandatangani Perjanjian/Memorandum Kerjasama di antara Arkib Negara Malaysia dengan institusi-institusi Arkib atau yang berkaitan diperingkat antarabangsa. Seksyen ini juga menyelaras dan mengurus projek ASEAN *Sub Committee on Culture*, UNESCO *Participation Programme* – SKUM dan lain-lain yang berkaitan. Seksyen ini juga bertanggungjawab merancang, mengurus dan melaksanakan kerja-kerja keurusetiaan hal ehwal hubungan antarabangsa dengan badan dan pertubuhan ikhtisas kearkiban antarabangsa khususnya ICA, SARBICA, SEAPAVAA, ACARM dan sebagainya. Seksyen ini juga bertanggungjawab menyelaras dan menyalurkan maklumat mengenai

PROFILE

The Planning and Co-ordination Division (BPP) is one of the core Divisions that support the execution of the functions and responsibilities of the National Archives of Malaysia. Through its four (4) Sections, namely the Policy, Standards and Quality Management Section (SDSPK), Inspectorate Section (SI), Internal Relations Section (SHA) and the Consultancy and Training Section (SKL), the Division is responsible for ensuring that the policies, direction and strategies of the National Archives are sound and effective. This Division is also responsible for ensuring that the implementation of the delivery system of archives and records management services are smooth and abide by established laws, regulations and standards. To fulfill this objective, close co-operation among the existing Management Divisions has been established so as to be able to jointly realise output of products and provide efficient and effective services to clients.

The Policy, Standards and Quality Management Section is responsible for planning, identifying requirements and co-ordination of policies, direction, strategies, standards and quality management of the Department. Efforts to further raise the standards and quality management in the department have been activated principally in the implementation of MS ISO 9001:2008 and in the formulation of standards in the field of Records Management and Archives Administration.

The International Relations Section is responsible for identifying requirements and co-ordinating international professional programmes/activities and the preparation of proposal papers for joint projects under ASEAN-COCI, UNESCO, ICA-PCOM and other similar programmes. This Section is also responsible for the co-ordination, preparation and management of matters related to the signing of Agreements/Memorandum of Understanding between the National Archives of Malaysia and other archival institutions or other related institutions at international level. This Section also co-ordinates and manages the project of the ASEAN Sub-Committee on Culture, UNESCO Participation Programmes – SKUMM and other related programmes. It is also the responsibility of this Section to plan, manage and carry out secretarial work in relations with international professional archival bodies and organisations especially ICA, SARBICA, SEAPAVAA, ACARM and the like. This Section is also responsible for co-ordinating and communicating information related to international/bilateral relations

hubungan antarabangsa/dua hala antara Arkib Negara Malaysia dengan negara-negara luar ke Bahagian Pertubuhan Antarabangsa (Kebudayaan), Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. Seksyen ini juga bertanggungjawab untuk menyelaras dan mengurus lawatan/penempatan serta menghantar Pegawai/kakitangan Arkib Negara Malaysia ke luar negara dan menerima kunjungan oleh delegasi dari luar negara ke Arkib Negara Malaysia. Seksyen ini juga bertanggungjawab menyediakan maklumat dan menyelaras pembayaran yuran keahlian tahunan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Arkib Negara Malaysia.

Seksyen Inspektorat adalah bertanggungjawab dalam melaksanakan audit pengurusan rekod di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Disamping itu, seksyen ini turut melaksanakan pemeriksaan inspektorat ke atas syarikat ataupun pembekal perkhidmatan pengurusan rekod swasta yang memohon mendapatkan kelulusan pendaftaran kod bidang iaitu 221716 (Pengurusan Rekod, Menyelenggara dan Penyimpanan) dan 221717 (Membaiki Bahan Terbitan dan Manuskrip).

Pelaksanaan audit dan inspektorat ini merupakan satu pendekatan dan kaedah baru yang lebih tegas dan strategik bagi memastikan rekod kerajaan sebagai dokumen bukti dan sumber maklumat dapat diurus dengan lebih sistematik dan teratur. Punca kuasa bagi melaksanakan tanggungjawab ini adalah selaras dengan fungsi Ketua Pengarah yang termaktub di bawah Seksyen 7 (a) Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629), seperti berikut:-

“memeriksa rekod yang dalam jagaan atau di bawah kawalan pejabat awam, mengenal pasti rekod yang mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal atau lama bertahan atau kedua-duanya dan memberikan nasihat tentang pengwujudan, penyenggaraan, penyimpanan, penggunaan dan pelupusan rekod”.

Seksyen Konsultansi dan Latihan bertanggungjawab memberi khidmat nasihat Pengurusan Rekod dan Pentadbiran Arkib melalui perundingan, perbincangan dan taklimat kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. Seksyen ini juga mengendalikan kursus Pengurusan Rekod bagi Pegawai Rekod Jabatan, Pembantu Tadbir Rekod Jabatan termasuk pegawai dan kakitangan kerajaan yang mengendalikan bidang Pengurusan Rekod di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. Seksyen ini turut menyediakan kemudahan latihan ikhtisas kearkiban untuk mempertingkatkan kompetensi pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia dengan menyediakan jadual dan modul kursus.

between the National Archives of Malaysia and foreign nations to the International Organisations Division (Culture), Ministry of Information, Communications and Culture. It is the responsibility of this Section to co-ordinate and organise visits/attachments as well as to send officers/staff of the National Archives of Malaysia overseas and to also receive visits by foreign delegations to the National Archives of Malaysia. Yet another responsibility of this Section is to prepare information and remit payment of annual membership fees to international organisations of which the National Archives of Malaysia is a member.

The Inspectorate Section is responsible for conducting records management auditing in government Ministries, departments and agencies. In addition, this Section also carries out inspectorate examinations on firms or providers of private sector records management services who apply for approval to be registered under the subject code 221716 (Records Management, Maintenance and Storage) as well as 221717 (Restoration of Publications and Manuscripts).

The implementation of audit and inspectorate functions represent a new approach and method, which is more resolute and strategic in ensuring that government records as documentary evidence and sources of information, will be managed in a more systematic and organised manner. The source of authority to undertake this responsibility is in accordance with the functions of the Director-General as stipulated under Section 7(a), National Archives Act 2003 (Act 629), as follows :-

“to examine records which are in the custody or under the control of a public office, to identify records which are of permanent or enduring national or historical value or both and to advise on the creation, maintenance, storage, use and disposal of such records”.

The Consultancy and Training Section is responsible for providing advisory services on Records Management and Archives Administration through consultations, discussions and briefings to Government Ministries, Departments and Agencies. This Section also conducts Records Management courses for Departmental Records Officers, Departmental Records Administrative Assistants, as well as government officers and staff responsible for Records Management in Government Ministries, Departments and Agencies. The Section also provides opportunities for professional archival training to raise the levels of competency of officers and staff of the National Archives of Malaysia, by planning course schedules and modules.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Konsultansi dan Latihan

Khidmat Konsultansi disalurkan melalui taklimat / ceramah, Bengkel Klasifikasi Fail, Bengkel Pelupusan dan Bengkel Pengurusan Rekod kepada 30 buah Jabatan. Melalui Khidmat Konsultansi juga, seramai 312 orang Pegawai dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan telah dilantik selain mengadakan Ceramah Pengurusan Rekod di 42 buah Jabatan. Sepanjang tahun 2010 juga sebanyak 2 Kursus Pengurusan Rekod Jabatan, 4 Kursus Pengurusan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan dan 5 Kursus Pemeliharaan Rekod telah dilaksanakan. Antara aktiviti antarabangsa yang telah berjaya dilaksanakan adalah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) yang telah diadakan pada 3 – 25 Julai 2010 dan melibatkan 14 orang peserta dari 11 buah Negara dunia ketiga dengan menggunakan peruntukan sebanyak RM200,000.00.

ACTIVITIES ACCOMPLISHED ANNUALLY

Consultancy and Training

Consultancy Services were channeled through briefings/ lectures, File Classification Workshops, Records Disposal Workshops and Records Management Workshops to a total of 30 Departments. Through Consultancy Services, 312 Departmental Records Officers and Departmental Records Administrative Assistants were appointed in addition to the delivery of Records Management Lectures in 42 Departments. In 2010, 4 Records Management Courses for Administrative Assistants and 5 Records Preservation Courses were held. Among activities carried out at international level was the Malaysian Technical Co-operation Programme (MTCP) held between 3 – 25 July 2010, involving 14 participants from 11 Third World countries and undertaken at a cost of RM 200,000.00.



Peserta Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) 2010 bergambar bersama Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil. Program ini telah diadakan di Memorial Tun Hussein Onn dari 3 hingga 25 Julai 2010

Group photograph of participants of Malaysian Technical Co-operation Programme 2010, with the Director-General National Archives of Malaysia, YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil. The Programme was held at the Tun Hussein Onn Memorial from 3 to 25 July 2010.

Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti

Arkib Negara Malaysia telah mendapat pengiktirafan sijil MS ISO 9001:2008 bagi menggantikan pensijilan MS ISO 9001:2000 yang diperolehi sebelum ini setelah berjaya melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti dengan skop yang baru iaitu Pengurusan Rekod dan Pentadbiran Arkib. Sijil pertama MS ISO 9001:2008 yang diperolehi adalah

Policy, Standards and Quality Management

The National Archives of Malaysia received the MS ISO 9001:2008 Certificate replacing the MS ISO 9001:2000 certification obtained previously, upon successful implementation of the Quality Management System for a new scope namely, Records Management and Archives Administration. The first MS ISO 9001:2008 Certificate

sah bagi tempoh 18 Jun hingga 9 September 2010 dan telah dapat disambung semula mulai 10 September 2010 hingga 9 September 2013 selepas Audit SIRIM Qas Sdn. Bhd. yang kedua dilaksanakan. Arkib Negara Malaysia merupakan jabatan yang kedua memperolehi sijil MS ISO 9001:2008 di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) selepas Perpustakaan Negara Malaysia.

Selain itu, Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti juga telah menguruskan dua (2) bengkel/ kursus MS ISO 9001:2008 yang diadakan di Dewan Tun Rahah, Memorial Tun Abdul Razak (MTAR), Kuala Lumpur. Pada 17-19 Mei 2010, Bengkel Audit Kualiti Dalam MS ISO 9001:2008 diadakan bagi memberi pendedahan dan pemahaman lanjut mengenai MS ISO 9001:2008 kepada seramai 20 orang Juruaudit lantikan baru dan lama. Kursus Pemantapan Pelaksanaan MS ISO 9001:2008 pula telah diadakan pada 9-10 November 2010 kepada semua Pemilik Prosedur dan Juruaudit Kualiti Dalam untuk memberi panduan dan juga ruang membincangkan pelbagai aspek mengenai pemantapan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti masing-masing.

obtained, valid for the period 18 June to 9 September 2010, was subsequently extended from 10 September 2010 to 9 September 2013, following a second audit conducted by Audit SIRIM Qas Sdn. Bhd. The National Archives of Malaysia is the second department under the Ministry of Information, Communications and Culture to obtain the MS ISO 9001:2008 Certificate, after the National Library of Malaysia.

Apart from that, the Policy, Standards and Quality Management Section also organized two (2) workshops/ courses on MS ISO 9001:2008 at the Tun Raha Hall, Tun Abdul Razak Memorial (MTAR), Kuala Lumpur. From 17 – 19 May 2010, a Workshop on Internal Quality Audit, MS ISO 9001:2008, was held to provide further exposure and understanding to 20 newly appointed and existing Auditors about MS ISO 9001:2008. An Implementation of MS ISO 9001:2008 Enhancement Course was held from 9 – 10 November 2010 for all Procedure Owners and Internal Quality Auditors to provide guidance and an opportunity to discuss various aspects related to enhancements in the implementation of their respective quality management systems.



Peserta Bengkel Audit Kualiti Dalam MS ISO 9001:2008 mendengar ceramah yang disampaikan oleh En. Nik Shehar Nik Wan yang diadakan di Memorial Tun Abdul Razak Kuala pada 17 hingga 19 Mei 2010.

Participants of the Workshop on Internal Quality Audit MS ISO 9001:2008, held at the Tun Abdul Razak Memorial, Kuala Lumpur from 17 to 19 May 2010, listening to a lecture delivered by Mr. Nik Shehar Nik Wan.

Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti selaku Urus Setia kepada Lembaga Penasihat Arkib Negara juga telah menguruskan satu lawatan ahli-ahli lembaga pada 3 Jun 2010. Empat (4) orang Ahli Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia telah mengadakan lawatan ke

The Policy, Standards and Quality Management Section as Secretariat to the National Archives Advisory Board, also arranged a visit by members of the Board on 3 June 2010. Four (4) members of the National Archives Advisory Board made the visit to the National Archives of Malaysia



Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelarasan, Tuan Haji Abu Rahman Haji Ahmad (kiri) memberi penerangan mengenai dokumen Arkib kepada Ahli Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia (ANM) YB Puan Hajah Nancy Shukri (Pengerusi) (dua dari kiri), Puan Nor'aini Abd Razak (dua dari kanan) dan YBhg Prof Datuk Dr. Zainal Kling (kanan) semasa lawatan ke ANM pada 3 Jun 2010. Turut sama Ketua Seksyen Dasar, Standart dan Pengurusan Kualiti, Puan Samariah Md. Ali

Director Planning and Coordination Division, Tuan Haji Abu Rahman Haji Ahmad (left) explaining about archive's documents to the Advisory Board National Archives of Malaysia, Hon. Mrs. Hajah Nancy Shukri (Chairman) (second from left), Mrs. Nor'aini Abd Razak (second from right) and YBhg Prof Datuk Dr. Zainal Kling (right) during their visit on 3 June 2010. Also present was Head of Policy, Standards and Quality Management Section, Mrs Samariah Md. Ali.

ANM untuk mengukuhkan lagi jalinan kemesraan yang sedia ada. Lawatan ini diketuai oleh Pengerusi Lembaga Penasihat ANM sendiri iaitu YB Hjh Nancy Shukri (Ahli Parlimen Batang Sadong, Sarawak) dah tiga (3) orang ahli yang lain iaitu YBhg Tan Sri Ab Kadir Mohamad (Fellow Kehormat ISIS), YBhg Datuk Prof. Zainal Kling (Profesor UPSI) dan Puan Nor'aini Abdul Razak (Timbalan Pengarah Projek, Unit e-Perolehan, Kementerian Kewangan Malaysia). Ketibaan Ahli Lembaga Penasihat telah disambut oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pengurusan), Dr. Hjh Samsiah Muhamad sebelum diberi taklimat dan dibawa melawat ke Seksyen Rujukan dan Akses, Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi, Seksyen Repositori dan Seksyen Arkib pandang Dengar. Lawatan yang berlangsung selama 3 jam ini turut diiringi oleh Pengarah-pengarah Bahagian.

Inspektorat

Sepanjang tahun 2010, seksyen ini telah berjaya melaksanakan sejumlah 28 sesi audit di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Pelaksanaan audit ini adalah perlu bagi mendapatkan maklumbalas dan memantau pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan prosedur serta piawaian berkaitan pengurusan rekod kerajaan.

to further strengthen the existing bonds of friendship. The visit was headed by the Chairman of the National Archives of Malaysia Advisory Board, the Hon. Hjh. Nancy Shukri (Member of Parliament for Batang Sadong, Sarawak) and three (3) other members namely, YBhg. Tan Sri Ab Kadir Mohamad (Hon. Fellow ISIS), YBhg. Datuk Prof. Zainal Kling (Professor UPSI) and Mrs. Nor'aini Abdul Razak (Project Deputy Director, E-Procurement Unit, Ministry of Finance Malaysia). The Members of the Advisory Board were met on arrival by the Deputy Director-General (Planning and Management) Dr. Hjh. Samsiah Muhamad, before being briefed and brought to visit the Reference and Access Section, the Preservation and Reprography Section, the Repository Section and the Audio Visual Archives Section. The Directors of Divisions accompanied the group during the 3 hour long visit.

Inspectorate

In 2010, the section was successful in conducting 28 audit sessions in government Ministries, departments and agencies. The audit exercises are necessary to obtain feedback and to monitor adherence to laws, regulations and procedures as well as standards pertaining to government records management.

Selain itu, sejumlah lima (5) sesi lawatan dan pemeriksaan inspektorat telah dilaksanakan ke atas syarikat ataupun pembekal perkhidmatan pengurusan rekod swasta yang memohon kelulusan pendaftaran kod bidang.

Berdasarkan laporan, penemuan dan maklumbalas audit, beberapa penambahbaikan perlu dilaksanakan bagi memantapkan lagi pendekatan dan kaedah pelaksanaan pengauditan ini. Justeru, tumpuan turut diberikan kepada membuat penyelidikan dan kajian ke atas keberkesanan undang-undang, peraturan dan kaedah dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab. Untuk itu, sejumlah dua (2) kertas cadangan telah dihasilkan yang bertujuan untuk memantap dan meningkatkan lagi pelaksanaan pengurusan rekod di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

Pada tahun 2010 juga, seksyen ini telah berjaya menganjurkan Makmal Audit dan Inspektorat Rekod (AIR-Lab) buat julung kalinya pada 9 – 10 November 2010 bertempat di Dewan Tun Razah, Memorial Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur. Pelaksanaan AIR-Lab ini merupakan satu pendekatan dan kerjasama strategik dengan pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang menjadi pemangkin serta mendorong kepada perkongsian maklumat dan pengetahuan yang efektif dan berterusan.

Secara keseluruhannya, sambutan dan respon yang diterima daripada kementerian, jabatan dan agensi kerajaan serta pembekal perkhidmatan pengurusan rekod swasta berhubung

In addition, five (5) visits and inspectorate examinations were conducted on companies or private sector suppliers of records management services, who had applied for subject code registration approval.

Based on reports, encounters and audit feedback, several improvements need to be implemented to consolidate further, approaches and methods utilised in the conduct of this auditing function. At the same time, attention is also paid to the conduct of research and studies on the effectiveness of laws, regulations and the methods employed in carrying out the duties and responsibilities. In this respect, two (2) proposal papers have been prepared with the objective of consolidating and enhancing the implementation of records management in government Ministries, departments and agencies.

Also in 2010, this Section successfully organised an Audit and Inspectorate of Records Laboratory (AIR-Lab), for the first time from 9 – 10 November 2010 at the Tun Raha Hall, Tun Abdul Razak Memorial, Kuala Lumpur. Implementation of the AIR-Lab represented a strategic association and collaboration with Universiti Teknologi MARA (UiTM), which served as a catalyst and impetus towards effective and continued sharing of information and knowledge.

On the whole, the reception and response received from government Ministries, departments and agencies as well as suppliers of private sector records management



Para peserta AIR Lab sedang mendengar ceramah bertajuk ‘Pelaksanaan Audit Yang Berkesan’ yang disampaikan oleh Encik Zulkipli Bin Abdullah dari Jabatan Audit Negara pada 9 November 2010. Turut hadir ialah (depan, dari kiri) Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelarasan, Tuan Haji Abu Rahman Haji Ahmad, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad dan Timbalan Dekan Hal Ehwal Maklumat, Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara, Dr. Azman Mat Isa.

Participants of the AIR Lab listening to lecture entitled ‘Effective Audit Implementation’ delivered by Mr. Zulkipli bin Abdullah from Auditor-General’s Department, on 9 November 2010. Also attending were (front, from left) Director Planning and Co-ordination Division, Tuan Haji Abu Rahman Haji Ahmad, Director-General National Archives of Malaysia, Dr. Hajah Samsiah Muhamad and Deputy Dean Information Affairs, Information Management Faculty, Universiti Teknologi Mara, Dr. Azman Mat Isa.



Pasukan Inspektorat sedang membuat pemeriksaan ke atas bilik fail dalam lawatan Audit Pengurusan Rekod yang dilaksanakan di Bahagian Khidmat Pengurusan (Penerangan), Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) pada 7 April 2010.

The Inspectorate Team conducting an examination on a file room during a Records Management audit visit to the Management Services Division (Information), Ministry of Information, Communications and Culture, on 7 April 2010.

aktiviti audit dan pemeriksaan inspektorat sangatlah baik dan menggalakkan. Segala usaha yang dilaksanakan ini diharapkan akan dapat meningkatkan kecekapan dan memantapkan lagi jentera pentadbiran kerajaan dalam pengurusan rekod.

Hubungan Antarabangsa

Seksyen Hubungan Antarabangsa telah beroperasi sepenuhnya pada 1 Jun 2009. Sepanjang tempoh dari tahun 2010, Seksyen Hubungan Antarabangsa telah menganjurkan dua (2) seminar dan bengkel yang bertajuk *Workshop On Asean Emergency Response And Recovery Team For Records* pada 26-30 April 2010 di Bilik Latihan AV, PPPAV dan Seminar Workshop On “*Issues And Challenges In Preserving Audio Visual Archives In The Tropical Region*” pada 27-30 September 2010 di Ball Room, Seri Pacific Hotel Kuala Lumpur yang melibatkan peserta dari luar negara.

Seksyen Hubungan Antarabangsa juga menyediakan Kertas Cadangan Untuk Geran Pertubuhan Antarabangsa dan antara geran yang telah disediakan sepanjang tahun 2010 adalah seperti *PROJECT PROPOSAL FOR UNESCO PARTICIPATION PROGRAMME FOR BIENNIAL SECTORAL PRIORITY 1 (2010-2011)* yang bertajuk *The Past Is Vanishing : Preserving Long Lost Audiovisual Archives of Malaysia*, *MALAYSIA_UNESCO COOPERATION PROGRAMME 2010* yang bertajuk : *Training Workshop In Conservation And Binding For Paper Based Records And Archives_for the Least Developed Countries & Small Island States*, dan GERAN TAHUNAN SURUHANJAYA KEBANGSAAN

services, in relation to audit activities and inspectorate examinations were very good and encouraging. It is hoped that all the efforts undertaken will improve efficiency and further strengthen government machinery in records management.

International Relations

This Section was fully operational from 1 June 2009. During the year 2010, the International Relations Section organised two (2) seminar and workshop sessions entitled, ‘Workshop on ASEAN Emergency Response and Recovery Team for Records’, from 26 – 30 April 2010 at the AV Training Room, National Audio Visual Documentation and Preservation Centre and a Seminar Workshop on “Issues and Challenges in Preserving Audio Visual Archives in the Tropical Region”, from 27 – 30 September 2010 at the Ballroom, Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur, which included participants from foreign countries.

The International Relations Section also prepared Proposal Papers for United Nations Grants and among those prepared in 2010 were a PROJECT PROPOSAL FOR UNESCO PARTICIPATION PROGRAMME FOR BIENNIAL SECTORAL PRIORITY 1 (2010 – 2011) entitled, ‘The Past is Vanishing: Preserving Long Lost Audiovisual Archives of Malaysia’; another under the MALAYSIA-UNESCO CO-OPERATION PROGRAMME 2010 entitled, ‘Training Workshop in Conservation and Binding for Paper Based Records and Archives for the Least Developed Countries & Small Island States’, and a third under the ANNUAL GRANT OF THE MALAYSIAN NATIONAL COMMISSION



Para peserta Bengkel ASEAN Emergency Response and Recovery Team For Records menjalani latihan amali menyelamatkan rekod. Bengkel tersebut diadakan di Arkib Negara Malaysia dari 25 hingga 30 April 2010.

Participants of the Workshop on 'ASEAN Emergency Response and Recovery Team for Records' undergoing practical training on recovering records. The Workshop was held at the National Archives of Malaysia, from 25 to 30 April 2010.

UNESCO MALAYSIA yang bertajuk : *Modernisation And Transformation Of e-Record Management In Public Sector Malaysia In Conjunction With International Archives Day On 9 June 2011*. Selain menyediakan kertas kerja, seksyen ini juga mengemaskini kertas cadangan untuk geran ASEAN SUB – Committee on Culture (SCC) yang bertajuk *Clinic on Preservation of Photographs in ASEAN Plus Three Archives* (2011) dan *Networking on East Asia Culture Heritage* (NEACH) yang bertajuk *Workshop on Paper Conservation and Document Binding for ASEAN Conservators* (2012 – 2014).

FOR UNESCO, entitled, 'Modernisation and Transformation of e-Records Management in Public Sector Malaysia, in conjunction with National Archives Day on 9 June 2011'. Apart from preparing working papers, the Section also updated proposal papers for an ASEAN Sub-Committee on Culture's (SCC) grant entitled, 'Clinic on Preservation of Photographs in ASEAN Plus Three Archives' and Networking on East Asia Culture Heritage (NEACH) entitled, 'Workshop on Paper Conservation and Document Binding for ASEAN Conservators (2012 – 2014)'.



Peserta bengkel ASEAN Emergency Response and Recovery Team For Records mendengar ceramah yang disampaikan oleh Ketua Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi, En. Savumthararaj A/L Gopal yang diadakan di Arkib Negara Malaysia pada 26 April 2010.

Participants of the Workshop on 'ASEAN Emergency Response and Recovery Team For Records' held at National Archives of Malaysia on 26 April 2010, listening to a lecture delivered by Head of Preservation and Repography Section Mr. Savumthararaj A/L Gopal.

Seksyen ini juga telah menyelaras dan menguruskan sebanyak 16 latihan / penempatan di beberapa buah negara seperti Australia, Thailand, Kanada, Vietnam dan lain – lain. Arkib Negara Malaysia juga telah menerima sebanyak 13 lawatan dari luar negara seperti Arab Saudi, Vietnam, Singapura, Brunei, Indonesia dan lain – lain.

The Section also co-ordinated and arranged a total of 16 training/attachment programmes in several countries like Australia, Thailand, Canada, Vietnam etc. The National Archives of Malaysia also received 13 visits from foreign countries like Saudi Arabia, Vietnam, Singapore, Brunei and Indonesia among others.



Temuramah wartawan British Broadcasting Corporation (BBC) bersama Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Dato' Haji Sidek Haji Jamil pada 25 Jun 2010 di Arkib Negara Malaysia

Director General National Archive of Malaysia, Dato' Haji Sidek Haji Jamil being interviewed by a production team from British Broadcasting Corporation on 25 June 2010.



Lawatan Delegasi United Arab Emirates (UAE) ke Arkib Negara Malaysia pada 6 Julai 2010. Turut sama, Pengarah Bahagian Pengembangan, En. Azemi Abd. Aziz (kanan)

Visit by delegation from United Arab Emirates on 6 July 2010. Also Present was Director Advocacy Division, Mr. Azemi Abd. Aziz (right).

Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan
Government Records Management Division

Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan *The Government Records Management Division*

PROFIL

Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti pengurusan rekod secara menyeluruh iaitu bermula dari pengwujudan, penggunaan, pemeliharaan dan pelupusan rekod seperti yang termaktub di dalam Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629]. Bahagian ini terdiri daripada 4 seksyen iaitu Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod, Seksyen Pelupusan Rekod, Seksyen Rekod Penting dan Pemulihan Bencana serta Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik. Bahagian ini berfungsi untuk mengurus dan memelihara rekod kerajaan yang amat penting sebagai bahan bukti yang menjadi asas kepada penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod memainkan peranan dalam menerima dan memproses semua jenis rekod awam kecuali bahan audio visual. Seksyen ini juga menyimpan bahan yang diterima sehingga mencapai taraf arkib dan dipindahkan ke Seksyen Repositori. Selain dari itu, seksyen ini juga memberi khidmat nasihat kepakaran mengenai penubuhan dan penyenggaraan bilik rekod, registri dan pusat rekod agensi.

Seksyen Pelupusan Rekod bertanggungjawab untuk melaksanakan objektif kualiti iaitu melaksanakan Bengkel Pelupusan Rekod Awam dan Bengkel Jadual Pelupusan Rekod (JPR) di pejabat awam dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima, memberi kebenaran pelupusan rekod awam dalam masa 6 bulan dari permohonan lengkap diterima bagi rekod yang tidak dinyatakan dalam JPR, memberi kebenaran pelupusan rekod awam dalam masa 14 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima bagi rekod yang dinyatakan dalam JPR dan menghasilkan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian jabatan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh Bengkel JPR.

Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik (SPRE) bertanggungjawab melaksanakan program dan aktiviti Pengurusan Rekod Elektronik di sepanjang kitaran hayat rekod, melaksanakan aktiviti khidmat nasihat/demo mengenai pengurusan rekod elektronik serta keperluan mematuhi spesifikasi ERMS yang telah dikeluarkan oleh ANM dalam memperolehi/membangunkan sistem pengurusan rekod elektronik, dan memberi kelulusan pelupusan rekod atau media elektronik.

PROFILE

Government Records Management Division is the Division responsible for implementing records management activities in its totality, commencing from creation to use, preservation and disposal of records, as stipulated in the National Archives Act 2003 (Act 629). The Division consists of 4 Sections namely, the Records Service Centre Section, Records Disposal Section, Vital Records and Disaster Recovery Section and the Electronic Records Management Section. It is the function of this Division to manage and preserve government records which are deemed extremely important as evidential material and form the basis for improvements to the delivery system of government services.

The Records Centre Service Section performs the role of receiving and processing all types of public records, other than audio visual material. The Section also stores material received, until they attain archival status and are subsequently transferred to the Repository Section. Apart from that, the Section is also responsible for providing professional advisory services pertaining to the establishment and maintenance of records rooms, registries and Agency Records Centres.

The Records Disposal Section is responsible for ensuring quality as the objective through organising Public Records Disposal Workshops and Records Disposal Schedule Workshops within 30 days of receiving a completed application, issuing an approval for the disposal of public records not included in a Records Disposal Schedule within 6 months from the date of receiving a completed application, issuing approval for the disposal of public records listed in a Records Disposal Schedule within 14 working days of receipt of the completed application and producing a Records Disposal Schedule for Functional Records of a department within 6 months from the date of the relevant Records Disposal Schedule Workshop.

The Electronic Records Management Section is responsible for the implementation of electronic records management activities and programmes covering the life-cycle of records, provision of advisory services / demonstrations on electronic records management as well as ensuring the need to adhere to specifications of the Electronic Records Management System (ERMS) issued by the National Archives of Malaysia, acquiring/developing an electronic records management system and in approving the disposal of records in the electronic media.

Seksyen Rekod Penting dan Pemulihan Bencana bertanggungjawab ke atas keselamatan dan pemeliharaan Rekod Penting Negara samada yang aktif atau tidak. Rekod Penting tersebut amat diperlukan untuk meneruskan operasinya ketika dan selepas berlakunya bencana. Seksyen ini juga berperanan dalam memberi khidmat nasihat dan membantu Pejabat Awam membangunkan Pelan Tindakan Bencana di Pejabat Awam atau GLC bagi persediaan menghadapi bencana yang mungkin berlaku dan menyebabkan kerosakan pada rekod-rekod awam yang bernilai untuk rujukan dan penyelidikan. Seksyen ini juga bertanggungjawab dalam menyediakan Pelan Tindakan Bencana (PTB) bagi Arkib Negara Malaysia.

The Vital Records and Disaster Recovery Section is responsible for the security and preservation of both the active as well as inactive Vital Records of the nation. These vital records are absolutely essential to ensure continuity of operations, both during and after the incidence of a disaster. This Section also plays a role in providing advisory services and in assisting in the preparation of Disaster Action Plans for both Public Offices and Government Linked Companies (GLC) in readiness to face any disaster that may occur and result in damage to public records, which are invaluable for reference and research. This Section is also responsible for preparing the Disaster Action Plan for the National Archives of Malaysia.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Sistem Pengurusan Rekod Elektronik (ERMS)

Sepanjang tahun 2010 Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan telah mempergiatkan usaha membantu jabatan dalam menyediakan klasifikasi fail dan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian selaras dengan matlamat pembangunan Sistem Pengurusan Rekod Elektronik Sektor Awam (ERMS). Satu Bengkel pengenalan kepada penyediaan klasifikasi fail Kementerian telah diadakan selama 3 hari pada 2-4 November 2010 dan dihadiri oleh wakil dari 24 Kementerian.

ACTIVITIES ACCOMPLISHED ANNUALLY

Electronic Records Management System (ERMS)

In 2010, the Government Records Management Division intensified efforts to assist departments in the preparation of file classification systems and Disposal Schedules for Functional Records in accordance with the objective of developing an Electronic Records Management System (ERMS). An introductory Workshop on the preparation of file classification systems for Ministries was held for 3 days from 2 – 4 November 2010, attended by representatives from 24 Ministries.



Subject Matter Expert (SME) dan pasukan teknikal daripada Arkib Negara Malaysia sedang berbincang dengan MAMPU dalam Mesyuarat Pasukan Projek myERMS pada 16 Julai 2010 yang di penguruskan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Pengurusan EG, Pn. Parmjit Kaur (tengah). Turut kelihatan Pengarah Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan, Pn. Hajah Mahfuzah Yusof (sebelah kanan Pengerusi) selaku Pengurus Projek dan Pn. Hemalatha (sebelah kiri Pengerusi) selaku SME.

Subject Matter Expert and technical team from the National Archives of Malaysia discussing with MAMPU during the Meeting of the Project Team on myERMS on 16 July 2010 chair by Director EG Management and Development Division, Mrs Parmjit Kaur (centre). Also seen are Director Government Records Management Division, Mrs. Hajah Mahfuzah Yusof (on the right side of Chairman) also the Project Manager and Mrs. Hemalatha (on the left side of Chairman), the Subject Matter Expert.

Mesyuarat JITIK Bil. 3/2009 pada 30 November 2009 yang dipengerusikan oleh KSN telah memutuskan supaya MAMPU membangunkan Sistem Pengurusan Rekod Elektronik (ERMS) dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia (ANM). Selaras dengan itu, SPRE telah diberi tanggungjawab sebagai urusetia di peringkat ANM bagi Projek tersebut. Beberapa orang pegawai dari SPRE terlibat secara langsung sebagai *Subject Matter Expert* (SME) dan ahli pasukan teknikal untuk memberikan input mengenai pengurusan rekod dalam kajian dan pembangunan aplikasi tersebut.

SPRE telah melaksanakan latihan HP-TRIM untuk pengguna baru dan sedia ada, menjalankan kerja-kerja instalasi dan khidmat bantuan teknikal (*helpdesk*). Pada 23-24 Oktober 2010, ANM telah menaik taraf aplikasi HP-TRIM daripada Versi 6.1 kepada Versi 6.2 setelah 2 tahun penggunaannya.

SPRE juga telah memulakan kajian ke atas format-format rekod yang boleh diingest ke dalam sistem *Archival Management System* (AMS) untuk pemeliharaan kekal. Di samping itu, Seksyen ini juga sedang giat dalam usaha-usaha penyediaan pelbagai prosedur dan panduan yang berkaitan pengurusan rekod elektronik. Di antaranya ialah pemindahan rekod elektronik dari pejabat awam ke ANM serta pengurusan dan pemeliharaan e-mel di sektor awam.

Pelupusan Rekod

Bagi aktiviti pelupusan, Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan telah membantu agensi kerajaan dalam dan luar negara mengurus serta mengenalpasti rekod yang bernilai sejarah dan kebangsaan untuk dipindahkan dan menjadi sumber khazanah warisan negara dan *Institutional Memory*. Bahagian ini telah membantu agensi kerajaan dalam melupuskan sejumlah 80,697 mp fail, 642,998 mp rekod bukan fail dan 1,039,986 mp rekod kewangan. Selain dari itu, bahagian ini juga telah membantu pejabat Kedutaan Malaysia di luar negara seperti program pengurusan rekod yang telah dijalankan di pejabat kedutaan Malaysia di Moscow pada 15-19 Mac 2010.

The Government IT and Internet Committee's Meeting, No. 3/2009, held on 30 November 2009 and chaired by the Chief Secretary to the Government, decided that MAMPU (Malaysian Administration Modernisation and Manpower Planning Unit) with the co-operation of the National Archives of Malaysia, develop an Electronic Records Management System. Accordingly the Electronic Records Management Section was given the responsibility as the National Archives of Malaysia's secretariat for the Project. Several officers of the Section were directly involved as Subject Matter Experts (SME) and members of the technical team to provide input on records management in the study and development of the application.

The Section organised HP-TRIM training sessions for new and existing users, carried out installation work and also provided technical assistance services (helpdesk). Between 23 and 24 October 2010, the National Archives of Malaysia upgraded the HP-TRIM application from Version 6.1, which had been in use for 2 years, to Version 6.2.

The Section also commenced studies on record formats which could be ingested into the Archival Management System (AMS), for permanent preservation. In addition, the Section is actively pursuing efforts to prepare various procedures and guides pertaining to electronic records management. Amongst these are the transfer of electronic records from public offices to the National Archives of Malaysia as well as the management and preservation of e-mail in the public sector.

Records Disposal

Under the activity related to disposal of records, the Government Records Management Division assisted government agencies locally and abroad to organise and identify records of historical and national value for transfer and thus become a source on the nation's heritage and to also serve as its institutional memory. The Division assisted government agencies in the disposal of a total of 80,697 linear metres of files, 642,998 linear metres of non-file records and 1,039,986 linear metres of financial records. Apart from that, the Division also assisted Malaysian Embassies overseas, for example the records management program conducted at the office of the Malaysian Embassy in Moscow from 15 – 19 March 2010.



Ketua Pengarah Arkib Negara, Dato' Haji Sidek Haji Jamil sedang menandatangani MOU Jadual Pelupusan Rekod Mahkamah Persekutuan Malaysia sambil diperhatikan oleh Datuk Hasnah Dato' Mohammed Hashim, Ketua Pendaftar di Istana Kehakiman, Putrajaya pada 11 Februari 2010.

Director-General National Archives of Malaysia, Dato' Haji Sidek Haji Jamil signing the MOU on the Records Disposal Schedule of the Federal Courts Malaysia, witnessed by Datuk Hasnah Dato' Mohammed Hashim, Chief Registrar at the Palace of Justice, Putrajaya on 11 February 2010.



Pasukan Projek Pelupusan Rekod sedang tekun menjalankan kerja-kerja penilaian dan penyenaraian rekod sambil dibantu oleh Ketua Seksyen Pelupusan, Encik Jaafar Sidek Abdul Rahman (paling kanan) dan Pegawai Arkib, Puan Suzana Md. Isa (dua dari kiri) sewaktu melaksanakan Program Pengurusan Rekod di Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia pada 15-19 Mac 2010.

Disposal of Records Project Team diligently undertaking work on appraisal and listing of records assisted by Head of Disposals Section, Mr. Jaafar Sidek Abdul Rahman (extreme right) and Archivist, Mrs. Suzana Md. Isa (second from left) during implementation of Records Management Programme at the Malaysian Embassy in Moscow, Russia from 15 – 19 March 2010.

Perkhidmatan Pelan Tindakan Bencana

Bahagian Rekod Kerajaan juga telah membangunkan Pelan Tindakan Bencana Rekod bagi Arkib Negara. Pelan ini disediakan hasil dari bengkel penyediaan Pelan Tindakan Bencana yang dihadiri oleh wakil bahagian dan seksyen. Selain dari itu, bahagian ini juga membantu jabatan kerajaan yang lain untuk membangunkan Pelan Tindakan Bencana Rekod masing-masing. Dalam operasi bencana, bahagian ini telah membantu 3 jabatan dalam operasi pemulihan rekod. Hasil dari operasi tersebut, sebanyak lebih kurang 8,000 rekod Kolej Poly-Tech Mara Kuantan, Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang dan Jabatan Kehakiman dan Syariah Alor Gajah, Melaka telah diselamatkan.

Disaster Action Plan Services

The Government Records Management Division was responsible for formulating a Disaster Action Plan for Records for the National Archives of Malaysia. The Plan was developed as a result of a workshop session on the preparation of a Disaster Action Plans attended by representatives from Divisions and Sections. Apart from that, the Division also helped other government departments to formulate their respective Disaster Action Plans for Records. In disaster operations, the Division assisted 3 departments in the restoration of their records. As a result of these operations, approximately 8,000 records belonging to the Kolej Poly-Tech Mara, Kuantan, the Tengku Ampuan Rahimah Hospital, Klang and the Department of Justice and Syariah, Alor Gajah, Malacca, were recovered.



Demonstrasi kerja-kerja pemuliharaan rekod kepada peserta Bengkel Penyediaan Pelan Tindakan Bencana oleh Pembantu Pemuliharaan, En. Zamzurizaid Yazid yang diadakan di Memorial Tun Abdul Razak pada 15 hingga 18 Jun 2010.

Demonstration by Assistant Restorer, Mr. Zamzurizaid Yazid on restoration work, to participants of Workshop on Preparation of Disaster Action Plan held at the Tun Abdul Razak Memorial from 15 to 18 June 2010.



Kakitangan mahkamah sedang menyusun semula fail-fail yang telah di keringkan di Mahkamah Rendah Syariah Alor Gajah, Melaka pada 30 Jun 2010. Fail-fail tersebut basah disebabkan oleh kebocoran saluran paip ketika hujan lebat.

Court staff seen sorting out the files after they have been dried following damage caused by water leakage during heavy rain; Alor Gajar Lower Court Malacca, 30 June 2010.

Bahagian Pengurusan Arkib
Archives Management Division

Bahagian Pengurusan Arkib *Archives Management Division*

PROFIL

Bahagian Pengurusan Arkib (BPA) yang ditubuhkan mulai 1 Februari 2009 bertanggungjawab dalam pengendalian urusan-urusan berkaitan aktiviti teras Jabatan Arkib Negara Malaysia. Aktiviti utama Bahagian ini adalah mengesan, mengenal pasti, mengumpul dan memperolehi bahan arkib dari pelbagai sumber serta memelihara dan memulihara bahan arkib sebagai bahan bukti sejarah kebangsaan melalui kaedah pengawetan, penjilidan dan repografi. Selain itu, bahagian ini juga memainkan peranan dalam memperolehi bahan-bahan arkib pandang dengar serta menjalankan kerja-kerja pendigitan bahan di samping menyediakan panducari untuk tujuan pengesanan bahan-bahan arkib bagi kemudahan penyelidikan.

Terdapat lima Seksyen yang bernaung di bawah BPA iaitu Seksyen Perolehan, Seksyen Pemuliharaan dan Repografi, Seksyen Arkib Pandang Dengar, Seksyen Panducari dan Seksyen Arkib Digital. Selain memastikan KPI Bahagian tercapai, kelima-lima seksyen di bawah seliaan BPA mempunyai tanggungjawab tersendiri dalam melaksanakan aktiviti utama BPA termasuklah perolehan bahan arkib, pemuliharaan bahan arkib dan menyediakan panducari untuk memudahkan pengesanan bahan arkib, di samping memikul tanggungjawab untuk terus memperkasakan arkib pandang dengar dan arkib digital.

Seksyen Perolehan atau sebelum ini lebih dikenali sebagai Cawangan Perolehan dan Pemprosesan C(PP) telah diwujudkan sempena penstrukturan semula melalui waran perjawatan bil S 25 Tahun 2009. Pada peringkat awal Seksyen ini beroperasi di Petaling Jaya iaitu di Tingkat 8 Menara MBPJ dan juga Bangunan Pusat Rekod yang dibina khas sebagai gedung rekod. Pada bulan Mac 2010, Seksyen ini telah berpindah ke Blok B, Kompleks Bukit Perdana, Jalan Dato' Onn. Terdapat tiga unit utama di Seksyen ini iaitu Unit Koleksi Arkib, Unit Surat Persendirian dan Unit Khidmat Sokongan. Fungsi Utama seksyen ini adalah memperolehi, mengumpul dan memproses bahan-bahan Arkib dari dalam dan luar negara yang mempunyai nilai sejarah dan penyelidikan untuk disimpan kekal dan dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Seksyen ini juga bertanggungjawab mengendalikan kerja-kerja pengesanan dan pembelian bahan-bahan dari sumber rasmi dan persendirian dari dalam dan luar Negara.

PROFILE

The Archives Management Division (BPA) established on 1 February 2009 is responsible for the management of core activities of the National Archives of Malaysia. The principle activity of the Division is in tracing, identifying, collecting and acquiring archive material from various sources and in preserving and restoring archive material, as evidential material of the nation's history, through various conservation, binding and reprographic methods. In addition, the Division also plays a role in acquiring audio visual archive material, carrying out digitisation of material and in the preparation of finding-aids to enable archive material to be retrieved for research purposes.

There are five Sections under the Division namely, Acquisitions Section, Preservation and Reprography Section, Audio Visual Archives Section, Finding-Aids Section and the Digital Archives Section. Apart from ensuring that the Division's KPI (Key Performance Indicators) are achieved, all five Sections under the care of the Archives Management Division have their own respective responsibilities in accomplishing the principle activity of the Division, including the acquisition and restoration of archive material, preparation of finding-aids to facilitate retrieval of archive material and in shouldering the responsibility to continue with the augmentation of audio visual and digital archives.

The Acquisitions Section, previously known as the Acquisitions and Processing Branch, was established as a result of the restructuring exercise under Establishment Warrant No. S 25 of 2009. Initially the Section operated from the 8th Floor of Menara MBPJ, Petaling Jaya and the Records Centre building, also in Petaling Jaya, which had been specifically built as a records repository. In March 2010, the Section moved to Block B, Bukit Perdana Complex, Jalan Dato' Onn. The Section is made up of three principal Units namely, Archives Collection Unit, Private Papers Unit and the Support Services Unit. The principal function of this Section is the acquisition, collation and processing of archive material possessing historical and research value, from both local and foreign sources for permanent preservation and inheritance by future generations. This Section is also responsible for undertaking efforts to trace and purchase material from official and private sources, both locally and overseas.

Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi bertanggungjawab bagi kerja-kerja pemuliharaan bahan kertas agar dapat disimpan kekal sebagai warisan sejarah Negara yang dapat dirujuk oleh penyelidik dan generasi akan datang. Terdapat 4 unit utama dalam memastikan Objektif Kualiti Seksyen ini tercapai iaitu Restorasi, Jilid, Reprografi, dan Makmal. Pemuliharaan bahan yang dijalankan di Seksyen ini termasuklah kajian-kajian makmal yang berteraskan objektif pemuliharaan dan teknik-teknik moden yang berkesan.

Seksyen Arkib Pandang Dengar ditubuhkan susulan daripada penstrukturan semula Jabatan Arkib Negara Malaysia yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada bulan Februari 2009. Seksyen ini terbahagi kepada empat (4) unit, iaitu Unit Filem, Unit Audio Video dan Multimedia, Unit Gambar serta Unit Khidmat Sokongan. Seksyen ini bertanggungjawab dalam menyediakan dasar, standard, prosedur dan garis panduan perolehan, pemeliharaan dan pemuliharaan bahan audiovisual; serta memproses bahan audiovisual. Selain itu, seksyen ini juga menyediakan kemudahan repositori untuk rekod-rekod berbentuk filem, audio, video dan multimedia serta bahan-bahan dalam bentuk kertas di samping melaksanakan kerja-kerja pendokumentasian serta program pemeliharaan dan pemuliharaan bahan-bahan audiovisual. Selain itu, Seksyen ini juga menyediakan perkhidmatan penyalinan bahan-bahan audiovisual kepada penyelidik.

Bagi memantapkan lagi fungsi Seksyen ini, Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audiovisual Negara (PPPAV) ditubuhkan. Bangunan PPPAV yang dibina di tapak bersebelahan dengan Bangunan Tambahan Arkib Negara Malaysia (Menara Ilmu), Jalan Duta, Kuala Lumpur ini telah diluluskan di bawah RMK 7 oleh Jemaah Menteri melalui Kertas Jemaah Menteri No. 410/2179/99 pada 14 Julai 1999. Bangunan yang menelan belanja sebanyak RM 27 juta ini dimulakan pembinaannya pada awal tahun 2008 dan diserahkan kepada Arkib Negara Malaysia oleh Jabatan Kerja Raya pada 17 Disember 2009. Penubuhan PPPAV membolehkan rekod-rekod audiovisual terpelihara sama seperti rekod-rekod dalam bentuk kertas. Peranan Arkib Negara Malaysia juga dapat diperluaskan lagi dalam bidang perolehan, pemprosesan, penyimpanan, pemeliharaan, pemuliharaan, penyalinan dan penyediaan kemudahan penyelidikan ke atas bahan audiovisual negara.

Seksyen Panducari diwujudkan selaras dengan penyusunan semula Jabatan berkuatkuasa 1 Februari 2009 berdasarkan Waran Perjawatan Bil. S 25 Tahun 2009. Seksyen ini pada asalnya dikenali sebagai Cawangan Panduan. Ia masih mengekalkan fungsi dan misi yang sama dan

The Preservation and Reprography Section is responsible for the restoration of paper-based material so that they can be permanently preserved as the nation's historical heritage which can be referred to by researchers and future generations. 4 main Units which ensure that the Section's Quality Objective is achieved are the Restoration, Binding, Reprography and Laboratory Units. Restoration of material undertaken by this Division includes laboratory studies emphasising the objectives of restoration and use effective modern techniques.

The Audio Visual Archives Section was established following the restructuring of the National Archives of Malaysia, approved by the Public Services Department in February 2009. This Section is divided into four (4) Units made up of the Film Unit, Audio-Video and Multimedia Unit, Photography Unit and the Support Services Unit. The Section is responsible for the preparation of policies, standards, procedures and guidelines for acquisition, preservation and restoration of audio visual material as well as processing of audio visual material. Apart from that, the Section provides repository facilities for films, audio, video and multimedia records as well as paper-based records and at the same time also undertakes documentation work and preservation and restoration programmes for audio visual material. Additionally, the Section also provides copying services for audio visual material to researchers.

To further consolidate the functions of the Section, the National Audio Visual Documentation and Preservation Centre (PPPAV) was built. The PPPAV building constructed on a site adjacent to the subsidiary building of the National Archives of Malaysia (Menara Ilmu) at Jalan Duta, Kuala Lumpur, was approved under the 7th Malaysia Plan by the Cabinet, through Cabinet Paper No. 410/2179/99 on 14 July 1999. Construction of the building, which cost RM 27 million, began in early 2008 and was handed over by Public Works Department (JKR) to the National Archives of Malaysia, on 17 December 2009. The construction of the National Audio Visual Documentation and Preservation Centre will enable the preservation of audio visual records to be on par with facilities currently accorded for paper-based records. The role of the National Archives of Malaysia will also be enlarged through the acquisition, processing, storage, preservation, restoration, copying and provision of research facilities on the nation's audio visual material.

The Finding Aids Section was established in accordance with the restructuring of the Department, with effect from 1 February 2009, based on the Establishment Warrant No.S 25 of 2009. This Section was previously known as the Finding Aids Branch. It maintained its original mission and

bertanggungjawab dalam menjalankan tugas-tugas merancang, menyediakan dan mengemaskini pandu-cari manual dan secara online agar dapat dicapai dengan mudah dan cepat tanpa sempadan masa dan tempat. Fungsi utama Seksyen ini secara keseluruhannya disempurnakan menerusi dua unit utama iaitu Unit Arkib Rasmi dan Unit Arkib Persendirian.

Seksyen Arkib Digital yang mula beroperasi pada Jun 2009 telah diberi tanggungjawab menjalankan tugas-tugas pendigitan bahan arkib dan pemeliharaan bahan arkib dalam bentuk digital secara berterusan (*active preservation*). Aktiviti pendigitan yang dilaksanakan dibawah Projek Peralihan Data ini merangkumi kerja-kerja kemasukan data, pendeskripsian dan pengimejan bahan arkib yang tersimpan di gedung Arkib Negara Malaysia seawal penubuhannya (1 Disember 1957). Bahan-bahan adalah terdiri daripada pelbagai jenis seperti fail-fail kerajaan, gambar-gambar bersejarah, terbitan, surat persendirian, perjanjian, rekod kartografi dan dokumen lain.

Dengan penggunaan aplikasi *Archival Management System* (AMS), pemeliharaan bahan Arkib digital dapat dibuat secara berterusan. Bahan Arkib digital dimasukkan ke dalam AMS bagi tujuan pemeliharaan jangka panjang. Bahan ini akan melalui proses migrasi dan penukaran format apabila berlakunya keusangan (*obsolescence*) bagi membolehkan maklumat yang terkandung di dalamnya dapat dibaca pada masa akan datang.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Sepanjang tahun 2010, Bahagian Pengurusan Arkib telah berjaya merancang dan seterusnya melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan melalui kelima-lima seksyen iaitu dengan memastikan aktiviti perolehan, pemeliharaan dan penggunaan bahan arkib yang optimum dilaksanakan. Bahagian ini juga secara langsung bertanggungjawab terhadap pengendalian Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Bahan Audiovisual Negara (PPPAV) yang telah diserahkan sepenuhnya oleh JKR kepada Arkib Negara Malaysia pada 17 Disember 2009. Selain itu, kerja-kerja mempromosi bahan pembelian untuk tujuan penyelidikan turut dijalankan.

Perolehan Bahan

Sepanjang tahun 2010 Seksyen Perolehan telah memperolehi bahan Surat Persendirian (SP) sebanyak 2483 unit. Beberapa tokoh SP yang penting telah menyumbang bahan mereka kepada Arkib Negara Malaysia seperti Tan Sri Datuk Seri Elyas Omar, Tan Sri Dr Zulkarnain Awang, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Ustaz Syed Hasab Syed Mohammad,

functions and is responsible for planning, preparing and updating both manual and online finding-aids for archive material, so that researchers can easily and quickly access material without time and place constraints. The principal functions of this Section are generally accomplished through two key Units namely, the Official Archives Unit and the Private Archives Unit.

The Digital Archives Section which began its operations in June 2009 is responsible for the digitisation of archive material and the active preservation of archive material in digital form. Digitisation work is carried out through Data Conversion Projects which encompass data entry, description and imaging of archive material stored in the repositories of the National Archives of Malaysia ever since its establishment (1 December 1957). Various types of records such as government files, historical photographs, publications, private papers, agreements, cartographic records and other documents make up the material.

With the use of the Archival Management System (AMS) application, it has been possible to ensure active preservation of digital archives. Digital archive material is entered into the AMS application for the purpose of long-term preservation. These material will need to go through processes of migration and format changes whenever obsolescence occurs, to enable information contained to be read in the future.

ACTIVITIES ACCOMPLISHED ANNUALLY

In 2010, the Archives Management Division successfully planned and carried out responsibilities entrusted to it, through its five Sections, by ensuring the implementation of acquisition and preservation activities and the optimum use of archive material. The Division was also directly involved in the operation of the National Audio Visual Documentation and Preservation Centre (PPPAV), which was handed over by the Public Works Department (JKR) to the National Archives of Malaysia, on 17 December 2009. In addition, efforts continued to be made to promote the use of purchased materials for research purposes.

Acquisition of Material

In 2010, the Acquisitions Section acquired a total of 2483 units of Private Papers. Among the prominent personalities who donated their material to the National Archives of Malaysia were, Tan Sri Datuk Seri Elyas Omar, Tan Sri Dr. Zulkarnain Awang, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Ustaz Syed Hasab Syed Mohammad, the late Tun Sulaiman

Allahyarham Tun Sulaiman Ninam Shah Ariffin Mohd Nor, Datuk Normah Md Yusof, Allahyarham Tun Muhammad Ghazali Shafie. Disamping itu juga sejumlah 4069 unit bahan telah diperolehi dari Arkib Pertubuhan meliputi pertubuhan-pertubuhan misalnya, Persatuan Orang Buta Malaysia, Pertubuhan Malaysian Medical Relief Society, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia . United Nations Children's Fund (UNICEF Malaysia), HALUAN Malaysia, Pertubuhan Kebajikan Al-Nidaa' Malaysia, Majlis Olimpik Malaysia (MOM), The Temple of Fine Arts , IOI Company dan sebagainya.

Selain itu, sejumlah 54326 bahan audiovisual juga telah berjaya diterima Seksyen Arkib Pandang Dengar yang meliputi sebanyak 149 bahan filem, 845 bahan audio, video dan multimedia serta 53,332 bahan gambar. Seksyen-seksyen bertanggungjawab juga telah berusaha menambah bahan secara pembelian dari dalam dan luar Negara yang berjumlah 2594 bahan serta bahan koleksi Arkib DiRaja sebanyak 1065 bahan. Bahan yang diperolehi secara pembelian adalah meliputi filem, mikrofilem dan DVD yang berjumlah 28 unit, gambar sebanyak 725 unit, koleksi peta berjumlah 136 unit dan beberapa koleksi lain seperti nota, surat menyurat, atlas dan sebagainya.

Pemuliharaan Bahan

Sepanjang tahun 2010, di bawah program kerjasama dengan Kementerian, Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi (SPRG) terlibat sama dalam menjalankan 14 demonstrasi kerja-kerja pemuliharaan bahan antaranya termasuklah Program Gagar Genarasiku, Laman Budaya dan Program 1Malaysia di Melaka. Selain itu, SPRG telah berjaya menganjurkan 3 taklimat iaitu Taklimat Keselamatan Bahan Kimia, Taklimat Keselamatan di Tempat Kerja dan Taklimat Pengisian Modul SPRG.

Selain taklimat, SPRG turut mengadakan Bengkel Sehari untuk Pembantu Pemuliharaan seperti Bengkel Pembaikan dan Kaedah Jahitan pada bahan. Secara keseluruhannya, 7 bengkel telah berjaya diadakan sepanjang tahun 2010. Bengkel-bengkel yang diadakan adalah melalui Unit Restorasi dan Unit Jilid. Bengkel pembaikan oleh Unit Restorasi adalah seperti pembaikan pengkapsulan, pembaikan mudah, pembaikan tisu dan pembaikan salutmati. Manakala, Unit Jilid telah mengendalikan Bengkel Jilidan Halus, Jahitan Tusuk Tepi, Jahitan Folder dan membuat folder. Tujuan bengkel-bengkel ini diadakan adalah untuk mempertingkatkan kualiti kerja Pembantu Pemuliharaan disamping berkongsi idea dan pengalaman berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan bahan Arkib.

Dalam meningkatkan kepakaran, SPRG telah mengadakan Bengkel Jilidan Halus kepada semua Pembantu Pemuliharaan

Ninam Shah, Datuk Normah Md Yusof and the late Tun Muhammad Ghazali Shafie. In addition, 4,069 units of material were acquired for the Archives of Organisations including organizations like Malaysian Association for the Blind, Malaysian Medical Relief Society, Malaysian Institute for Economic Research, United Nations Children's Fund (UNICEF) Malaysia, HALUAN Malaysia, Al-Nidaa' Welfare Organisation Malaysia, Olympic Council of Malaysia, Temple of Fine Arts, IOI Company and the like.

Apart from that, 54,326 audio visual material were also received by the Audio Visual Archives Section, consisting of 149 films, 845 audio, video and multimedia material as well as 53, 332 photographs. The various Sections responsible also made efforts to collect material through purchases locally and overseas totaling 2,594 items, together with 1,065 items for the Royal Archives collection. Material acquired through purchases included films, microfilms and DVDs totaling 28 units, 725 photographs, 136 maps and several other collections like notes, letters, atlases and the like.

Restoration of Materials

In 2010, under a collaborative programme with the Ministry, the Preservation and Reprography Section jointly held 14 demonstrations on restoration of materials, which included Program Gagar Genarasiku, Culture Square and the 1Malaysia Program in Malacca. In addition, the Section successfully organized 3 briefings namely, on Safety with Chemicals, Safety in the Working Place and one on the Preservation and Reprography Section's Module.

Apart from the briefings, the Section also held one-day Workshop sessions for Assistant Restorers, like the Workshop on Repair and Sewing Methods for materials. In total, 7 Workshops were successfully held in 2010. The Workshops were organized through the Restoration Unit and the Binding Unit. Repair Workshops handled by the Restoration Unit included encapsulation, simple repair, tissue repair and lamination whilst the Binding Unit conducted sessions on fine binding, side stitching, folder stitching and the making of folders. The objective of these workshops was to raise the quality of work performed by Assistant Restorers whilst at the same time enabling the sharing of ideas and experiences related to the preservation and restoration of archive material.

In efforts to raise expertise levels, the Section held Workshops on Fine Binding for all Assistant Restorers at Headquarters

di peringkat Ibu Pejabat dan di Cawangan Negeri mengikut Zon. Selain itu juga, Unit Makmal dan Kajian SPRG tidak ketinggalan dalam membuat 2 kajian berkaitan Ujian ketahanan Bahan Arkib dan Bahan Mentah sepanjang tahun 2010.



Cik Siti Sapinah Rahman Oh, Pegawai Arkib, Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi mencuba Jahitan Silang ketika menghadiri Bengkel Pembaikan pada 15 Julai 2010.

Ms. Siti Sapinah Rahman Oh, Archivist, Preservation and Reprography Section trying to cross stitch while attending Repair Workshop on 15 July 2010.

and also at State Branches, according to Zones. In addition, the Laboratory and Research Unit of the Section undertook two studies in 2010, related to durability tests on archive material and raw material.



Pembaikan pengkapsulan yang dilakukan oleh Puan Rafeah Mamat, Pembantu Pemuliharaan, Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi ketika menghadiri Bengkel Pembaikan Pengkapsulan pada 6 April 2010.

Repair process on encapsulation by Mrs. Rafeah Mamat, Assistant Restorer, Preservation and Reprography Section while attending Repair Workshop of Encapsulation on 6 April 2010.

Penyediaan Panducari

Sehingga penghujung tahun 2010, dua buah panducari yang lengkap telah berjaya dihasilkan iaitu Panduan Sumber Haji dan juga katalog Koleksi Rakyat 'Merdeka 1 Malaysia' 2010. Panduan Sumber Haji ini telah dihasilkan bersempena dengan Simposium Laluan Haji Rantau Asia yang diadakan pada penghujung tahun 2009. Manakala sebuah lagi panduan lengkap iaitu katalog Koleksi Rakyat 'Merdeka 1Malaysia' pula dihasilkan ekoran daripada Pogram Penyerahan Koleksi Rakyat Merdeka 1Malaysia 2010 yang berlangsung sepanjang Jun hingga Disember 2010. Selain itu, beberapa sesi taklimat mengenai Kemasukan data dan Deskripsi Bahan diadakan kepada pengguna-pengguna COMPASS di Arkib Negara Malaysia. Ini merupakan satu usaha dalam mengemaskini maklumat-maklumat yang hendak disampaikan kepada pengguna-pengguna COMPASS.

Pendigitan Bahan

Sepanjang tahun 2010, di bawah projek peralihan data (DC 5) sebanyak 70,616 fail dari 4 kumpulan rekod fail telah selesai kerja-kerja kemasukan data yang mana merangkumi kerja-kerja kemasukan data, semakan kualiti, kod klasifikasi dan penglabelan fail dan kotak. Jumlah

Preparation of Finding-Aids

By the end of 2010, two finished finding-aids were produced namely a Guide to Sources on the Haj and a catalogue on the People's Collection 'Merdeka 1Malaysia' 2010. The Guide to Sources on the Haj was produced in conjunction with the "Symposium on Asian Hajj Route", held towards the end of 2009. The catalogue on the People's Collection 'Merdeka 1Malaysia' was produced following the Presentation Programme of the People's Collection 'Merdeka 1Malaysia' 2010, which was held from June to December 2010. Apart from that, several briefing sessions on Data Entry and Description were organized for users of COMPASS in the National Archives of Malaysia. This represented an effort to acquaint users of COMPASS with updated information.

Digitisation of Materials

In 2010, under the Data Conversion Project (DC 5), data entry was completed for a total of 70,616 files from 4 record groups which involved data entry, quality review, classification codes and labeling of files and boxes. Descriptions of files were prepared for 15,135 files (4 record groups). A

pendeskripsian adalah sebanyak 15,135 fail (4 kumpulan rekod fail). Pencapaian berkurangan pada tahun ini kerana perkhidmatan Pegawai Khidmat Singkat (PKS) seksyen ini telah ditamatkan kontrak bermula pada bulan September 2010. Selain daripada itu kerja-kerja pengimejan sebanyak 9,621 bahan yang terdiri daripada surat perjanjian, gambar dari koleksi SP dan fail telah dilaksanakan. Sejumlah 1500 unit bahan dari Program Koleksi Rakyat 'Merdeka 1Malaysia' 2010 juga telah dibuat pengimejan.

Enam sesi technology updates telah dilaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan pegawai dan kakitangan dalam bidang berkaitan dengan teknologi pendigitan dan pemeliharaan digital. Sesi ini juga digunakan sebagai sebahagian daripada kaedah kajian perbandingan yang dijalankan bagi mendapatkan peralatan pengimbas yang terbaik. Sebanyak 3 buah pengimbas termasuk overhead scanner telah diperolehi pada tahun ini.

PROGRAM-PROGRAM LAIN :

Program Promosi Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Bahan Audiovisual Negara (PPPAV)

Dua program telah dijalankan bagi tujuan mempromosikan bangunan PPPAV iaitu Program Sesi Dialog Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia Bersama Penggiat Seni yang diadakan pada 2 Mac 2010 dan Majlis Bicara Lagu:

shortfall in achievement occurred this year due to the termination of contract in September 2010, of Short Service Officers serving in the Section. In addition, imaging of 9,621 items, made up of agreements, photographs from collections of Private Papers and files was carried out. Imaging was also done on 1,500 units of material from the People's Collection Programme 'Merdeka 1Malaysia' 2010.

Six technology update sessions were held to enhance the knowledge of officers and staff, in the field of digital technology and digital preservation. The session was also utilized as part of a method of comparative studies undertaken to procure the best possible scanner. 3 scanners including an overhead scanner were procured in the year.

OTHER PROGRAMMES:

National Audio Visual Documentation and Preservation Centre's Promotional Programmes (PPPAV)

Two programs were organized to promote the Audio Visual Centre, namely a Dialogue Session between the Director-General, National Archives of Malaysia and enthusiasts of the arts, which was held on 2 March 2010 and a Song



Datuk Aziz Sattar sedang bertanyakan soalan semasa program Sesi Dialog Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia Bersama Penggiat Seni Tanahair di Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audiovisual Negara, Arkib Negara Malaysia pada 2 Mac 2010.

Datuk Aziz Sattar posing a question during the Dialogue Session between the Director-General National Archives of Malaysia and Enthusiasts of the Nation's Arts, at the National Audio Visual Documentation and Preservation Centre, on 2 March 2010.

Irama Melayu Mewadah Warisan Bangsa pada 4 Mei 2010. Kedua-dua program ini bertujuan untuk mengumpul, menambah dan melengkapkan sumber maklumat negara untuk rujukan penyelidik dan orang awam di samping menjalinkan kerjasama dengan para penggiat seni agar karya yang dihasilkan dapat disimpan dan dipelihara di Arkib Negara Malaysia untuk dimanfaatkan oleh generasi kini dan akan datang melalui rujukan dan penyelidikan. Ia secara tidak langsung akan dapat memupuk semangat cintakan budaya, seni, sejarah dan warisan negara di kalangan masyarakat.

Discussion Session entitled, 'Irama Melayu Mewadah Warisan Bangsa', on 4 May 2010. The objective of both programs was to collect, supplement and consolidate national information sources for reference by researchers and the public and at the same time establish co-operation with enthusiasts of the arts, so as to ensure that artistic works produced will be stored and preserved in the National Archives of Malaysia to benefit present and future generations through reference and research. Indirectly this will foster a spirit of love for national culture, arts, history and heritage amongst the people.



Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil menyampaikan cenderamata kepada tokoh pembicara Majlis Bicara Lagu: Irama Melayu Mewadah Warisan Bangsa, YBhg. Datuk Ahmad Nawab. Majlis yang diadakan di Auditorium PPPAV, Arkib Negara Malaysia pada 4 Mei 2010 turut membariskan tokoh pembicara lain iaitu YBhg. Dato' A. Rahman Hassan dan YBhg. Dato' Yusni Hamid, manakalan Prof Madya Dr. Abu Hassan Hasbullah selaku Pengerusi.

Director-General National Archives of Malaysia, YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil presenting a souvenir to panelist YBhg. Datuk Ahmad Nawab for the Discussion Session on Music: 'Irama Melayu Mewadah Warisan Bangsa'. The Session held at the Auditorium, National Audio Visual Documentation and Preservation Centre, National Archives of Malaysia on 4 May 2010, saw a line-up of other prominent panelists including YBhg. Dato' A. Rahman Hassan and YBhg. Dato' Yusni Hamid while Assoc. Prof. Dr. Abu Hassan Hasbullah as Chairman.

Program Penyerahan Koleksi Rakyat Merdeka 1Malaysia

Sempena Sambutan Hari kemerdekaan 2010, Arkib Negara Malaysia bertanggungjawab melaksanakan Program Muhibah Merdeka dan Modal Insan di mana aktiviti ini bersifat muhibah yang menekankan aspek kerja amal, apresiasi, ekspresi dan pembangunan minda masyarakat dengan melibatkan penyertaan seluruh masyarakat, berteraskan konsep 1Malaysia. Antara pengisian aktiviti yang dijalankan adalah program Penyerahan Koleksi Rakyat "MERDEKA 1MALAYSIA"

Presentation Programme of the People's Collection 'Merdeka 1Malaysia'

In conjunction with Independence Day Celebrations 2010, the National Archives of Malaysia was responsible for carrying out a Merdeka Goodwill and Human Capital Programme, in which the activities displayed attributes of goodwill, emphasizing on works of charity, appreciation, expression and opening up people's minds through the participation of all members of society, in keeping with the 1Malaysia concept. Among the activities carried out was the Presentation Programme of the People's Collection "MERDEKA 1MALAYSIA".



Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim menyampaikan sijil dan hadiah kepada pemenang utama Program Koleksi Rakyat Merdeka 1Malaysia, En. Nooroldzaman b. Mahyuddin sambil diperhatikan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg Dato' Hj. Sidek Hj. Jamil semasa Majlis Penyampaian hadiah kepada para pemenang program tersebut yang diadakan semasa perasmian seminar antarabangsa SARBICA di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur pada 28 September 2010.

Minister of Information, Communications and Culture, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim presenting certificates and prizes to top winner of The People's Collection Merdeka 1Malaysia Programme, Mr. Nooroldzaman b. Mahyuddin, witnessed by the Director-General National Archives of Malaysia, YBhg Dato' Hj. Sidek Hj. Jamil during the Presentation of Prizes Ceremony to all winners of the programme, held at the same time as the international programme SARBICA, at the Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur on 28 September 2010.

Program yang berkonsepkan pertandingan ini melibatkan seluruh lapisan masyarakat di negara ini yang mempunyai koleksi bahan berkaitan pelbagai aktiviti menyambut Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia, untuk diserahkan kepada Arkib Negara Malaysia. Tempoh penyerahan bahan bagi pertandingan yang diadakan ini adalah bermula 1 Julai sehingga 20 Ogos 2010. Jumlah bahan yang berjaya dikumpul sehingga tarikh tutup pertandingan adalah sebanyak 5987 keping gambar, 203 dokumen, 31 rakaman video dan tidak ketinggalan sebanyak 8 unit artifak. Seramai 45 orang pemenang telah dipilih menerusi 3 kategori yang dipertandingkan dan telah diraikan pada 28 September 2010 oleh YB Menteri KPKK bersempena dengan perasmian bagi seminar yang dianjurkan oleh ANM dengan Majlis Arkib Antarabangsa Cawangan Asia Tenggara (SARBICA).

The programme which was based on the concept of a competition, involved all levels of the community in this nation who had in their possession material related to various activities held to celebrate Merdeka Day and Malaysia Day, for presentation to the National Archives of Malaysia. For purposes of the competition, the material had to be presented within a period commencing from 1 July to 20 August 2010. The total amount of material received until the closing date of the competition was 5,987 photographs, 203 documents, 31 video recordings and 8 artifacts. 45 winners selected from 3 categories of the competition were feted on 28 September 2010, by the Hon. Minister for Information, Communications and Culture, in conjunction with the opening of a Seminar organized by the National Archives of Malaysia together with the Southeast Asian Regional Branch of the International Council on Archives (SARBICA).

Penganjuran Bengkel *Preservation Of Audio Visual Archives Material*

Bengkel ini telah dijalankan pada 22 November hingga 10 Disember 2010. Bengkel yang berlangsung selama 14 hari ini dibiayai di bawah program 'Brain Gain Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)' melalui pakej insentif 'Transfer of Knowledge Through Malaysian/International Expatriates (TOKTME). Ia bertujuan

Workshop on the *Preservation of Audio Visual Archive Material*

The Workshop was held from 22 November to 10 December 2010. The 14-day Workshop was subsidised under the Ministry of Science, Technology and Innovation's programme, 'Brain Gain Malaysia', through its incentive package 'Transfer of Knowledge Through Malaysian/International Expatriates' (TOKTME). Its purpose was to assist officers



Fasilitator bengkel, Encik Mick Newnham sedang menunjukkan cara-cara pengurusan bahan audiovisual kepada peserta Bengkel Preservation Of Audiovisual Archives Material yang diadakan dari 22 November 2010 hingga 10 Disember 2010.

Facilitator for the Workshop, Mr. Mick Newnham showing methods for management of audiovisual materials to participants of the Workshop on Preservation of Audiovisual Archives Material, held from 22 November 2010 to 10 December 2010.

untuk membantu pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia dari segi kemahiran dan pengetahuan dalam membangunkan cara-cara pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi audiovisual dan mengenal pasti keperluan pemeliharaan bahan tersebut. Bengkel ini dibimbing oleh tenaga pakar luar negara, iaitu Mick Newnham dari *National Film and Sound Archives*, Australia dan telah dihadiri seramai 20 orang pegawai dan kakitangan ANM sendiri.

and staff of the National Archives of Malaysia, in terms of expertise and knowledge in developing procedures for the preservation and restoration of the audio visual collection and in identifying preservation needs of these materials. The Workshop was conducted under the guidance of a foreign expert, Mick Newnham from the National Film and Sound Archives of Australia and was attended by 20 officers and staff of the National Archives of Malaysia itself.

Program Pendeskripsian Bersama Pelajar IPTA

Majlis Penyerahan Bahan kepada Jabatan Arkib Negara Malaysia telah diadakan sebanyak 2 kali sepanjang tahun 2010. Antaranya termasuklah Majlis Penyerahan Bahan UMNO oleh Ibu Pejabat UMNO kepada Jabatan Arkib Negara Malaysia pada 5 Oktober 2010 dan juga penyerahan bahan PERKIM sempena Majlis Sambutan Ulangtahun ke-50 PERKIM di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah diadakan pada 6 November 2010.

Description Programme Together With Students of Public

The presentation of materials to the National Archives of Malaysia was held twice in 2010. These included the Presentation Ceremony of materials related to UMNO by the Headquarters of UMNO to the National Archives of Malaysia, on 5 October 2010 and PERKIM's materials in conjunction with the 50th Anniversary Celebrations of PERKIM, at the Federal Territory Mosque, Kuala Lumpur, on 6 November 2010.



Penyerahan Bahan UMNO oleh Setiausaha Kerja UMNO Malaysia, YBhg. Datuk Ab. Rauf bin Yusoh kepada Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia (ANM), YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil dan Timbalan Ketua Pengarah ANM YBrs. Dr. Hajah Samsiah Muhamad pada 5 Oktober 2010.

Presentation of materials on UMNO by the Executive Secretary UMNO Malaysia, YBhg. Datuk Ab. Rauf bin Yusoh to the Director-General National Archives of Malaysia, YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil and Deputy Director-General, Dr. Hajah Samsiah Muhamad on 5 October 2010.



Tun Dr. Mahathir Mohamad, Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) menyerahkan bahan PERKIM kepada Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, YB. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim sempena Majlis Sambutan Ulangtahun ke-50 PERKIM di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 6 November 2010

Tun Dr. Mahathir Mohamad, President of Muslim Welfare Organisation Malaysia (PERKIM) presenting materials on PERKIM to the Minister of Information, Communications and Culture, the Hon. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim in conjunction with 50th Anniversary Celebrations of PERKIM at the Federal Territory Mosque, Kuala Lumpur, on 6 November 2010.

Institutions of Higher Learning

Program Pendeskripsian Bersama Pelajar Universiti Islam Antarabangsa merupakan program kerjasama tahunan antara Arkib Negara Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Tujuan program ini adalah untuk memperkenalkan dan menggalakkan pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk datang ke Arkib Negara Malaysia selain daripada memberi pendedahan dalam penyediaan pendeskripsian fail. Sebanyak 2 sesi bengkel telah diadakan iaitu pada 13-14 Januari dan pada 12-13 Ogos 2010.

Majlis Penyerahan Bahan

The Description Programme together with students of the International Islamic University is a yearly collaborative program between the National Archives of Malaysia and the International Islamic University Malaysia. The aim of the programme is to introduce and encourage students of Public Institutions of Higher Learning to visit the National Archives of Malaysia, in addition to providing exposure in the preparation of file descriptions. 2 workshop sessions were held between 13 – 14 January and 12 – 13 August, 2010.

Presentation of Materials Ceremony



Program Pendeskripsian bersama pelajar UIAM yang diadakan di Dewan Penyelidikan, Arkib Negara Malaysia pada 13 hingga 14 Januari 2010.

Description programme with students of the International Islamic University Malaysia (IIUM), held at the Research Hall, National Archives of Malaysia from 13 to 14 January 2010.

Bahagian Pengembangan
Advocacy Division

Bahagian Pengembangan Advocacy Division

PROFIL

Bahagian Pengembangan diwujudkan ekoran daripada penstrukturan semula Jabatan Arkib Negara diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada Februari 2009. Sebelum itu, Bahagian ini kenali dengan nama Pengurusan Perolehan, Pendokumentasian dan Pusat Pandang Dengar. Ianya terdiri daripada empat Seksyen iaitu Seksyen Rujukan dan Akses, Seksyen Repositori, Seksyen, Seksyen Pameran dan Arkib Pendidikan, dan Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi. Bahagian ini telah dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas memelihara bahan arkib sebagai warisan negara mengikut piawaian yang telah ditetapkan, menggalakkan penggunaan bahan arkib sebagai sumber rujukan dan penyelidikan melalui kemudahan capaian, mempertingkatkan kesedaran dan penghayatan sejarah negara melalui penggunaan bahan Arkib, memperluaskan penyebaran dan penggunaan bahan arkib melalui penggunaan teknologi terkini, pameran, arkib penyelidikan dan sebagainya dan meningkatkan jumlah pelawat ke Arkib Negara dan menyebarkan luas mengenainya melalui program dan aktiviti yang terancang.

Perkhidmatan penyelidikan dan rujukan yang dilaksanakan oleh Seksyen Rujukan & Akses merupakan pelengkap kepada segala aktiviti hakiki yang dijalankan oleh Arkib Negara Malaysia. Perkhidmatan tersebut bermula dengan pendaftaran penyelidik samada dari dalam ataupun luar negara, menguruskan permintaan bahan arkib, pesanan penyalinan dan membantu mendapatkan maklumat mengenai sesuatu fakta daripada bahan-bahan arkib.

Seksyen Perkhidmatan Repositori bertanggungjawab untuk memastikan arkib awam yang dipindahkan ke repositori Arkib Negara Malaysia dipelihara dan disimpan dengan sempurna serta terjamin keselamatannya agar bahan tersebut dapat digunakan secara berterusan. Bagi tujuan tersebut, Seksyen ini sentiasa memastikan semua gedung arkib yang berada di bawah kawalannya selamat daripada sebarang ancaman yang boleh merosakkan bahan-bahan arkib dengan mengawal suhu dan kelembapan serta serangan makhluk perosak.

Seksyen ini juga bertanggungjawab memastikan semua bahan-bahan disimpan secara sistematik, mudah dikesan apabila diperlukan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan. Seksyen ini juga bertanggungjawab memastikan arkib awam yang uzur dan rosak dibuat pemeliharaan.

Kesemua koleksi bahan Arkib yang bernilai sejarah dan

PROFILE

The Advocacy Division was established following the restructuring of the National Archives of Malaysia, as approved by the Public Service Department in February 2009. Prior to this, the Division was known as the Acquisitions, Documentation and Audio Visual Centre Management. It is made up of four Sections namely, Reference and Access Section, Repository Services Section, Exhibitions and Educational Archives Section and the Public Relations and Promotions Section. This Section has been entrusted with duties to preserve archive material as the nation's heritage according to established standards, encourage the use of archive material as a source for reference and research through access facilities and to increase awareness and appreciation of the nation's history through the use of archive material, extend the dissemination and use of archive material through the utilisation of the latest technology, exhibitions, research archives and the like, as well as to increase the number of visitors to the National Archives and publicise it through planned programmes and activities.

Reference and research services provided by the Reference and Access Section, represent the consummation of all the core activities conducted by the National Archives of Malaysia. Its services begin with the registration of researchers both local and international, attending to requisitions for archive material, processing requests for copies and assisting in obtaining information about particular facts from archive material.

The Repository Services Section is responsible for ensuring that public archives transferred to the repositories of the National Archives are preserved in its entirety and their security assured, so that they will continuously be available for use. Thus this Section constantly ensures that all archives repositories under its care are secure from any threat that could damage archive material, through the control of temperature and humidity levels and precautions taken against attack by destructive agents.

The Section is also responsible for ensuring that all materials are stored in a systematic manner and can be easily traced when needed for reference and research. It is also the responsibility of this Section to ensure that restoration work is carried out on damaged and fragile public archive material.

kebangsaan yang dipindahkan ke Arkib Negara, dipelihara dan disimpan mengikut standard Arkib Antarabangsa. Koleksi bahan Arkib yang terdiri daripada fail, terbitan, peta, pelan, bahan audiovisual, mikrofilem dan sebagainya ini, dipelihara dan disimpan mengikut jenis dan bentuknya di Repositori Arkib Negara yang juga dikenali sebagai gedung simpanan arkib.

Gedung Simpanan Arkib kesemuanya dilengkapi peralatan bersesuaian seperti rak dan kabinet besi, untuk menempatkan bahan Arkib berdasarkan jenis, bentuk dan komposisi fizikal bagi bahan-bahan yang berbeza. Kotak dan sampul serta pembungkus plastik yang menepati standard juga digunakan untuk memelihara dan melindungi bahan daripada sebarang kerosakan. Kesemua bahan ini dipelihara dalam persekitaran yang terkawal pada suhu serta kelembapan bandingan yang berbeza mengikut jenis bahan. Gedung Simpanan Arkib juga dikawal selia dari segi keselamatan dengan pemasangan sistem penggera, kad akses dan sistem pemadam api. Tempat ini juga turut diisytiharkan sebagai kawasan larangan.

Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi menguruskan perhubungan awam dengan media cetak dan elektronik serta merancang strategi media dalam penyebaran maklumat secara berkesan kepada orang awam melalui program dan aktiviti yang terancang mengenai peranan dan tanggungjawab ANM menguruskan rekod awam dan pemeliharaan bahan-bahan serta Khazanah Warisan Sejarah Negara. Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab dalam pengurusan pengendalian dan penyelesaian aduan awam/pertanyaan dan kehendak pelanggan ANM serta pengurusan dan pengendalian lawatan orang awam ke ANM. Di samping memberi perkhidmatan sokongan untuk memastikan kelancaran aktiviti-aktiviti rasmi ANM/KPKK seksyen ini juga bertanggungjawab merancang serta melaksanakan pelan tindakan pengurusan acara berhubung publisiti, promosi dan kempen.

Seksyen Pameran Dan Arkib Pendidikan bertanggungjawab untuk mengesan bahan – bahan yang bersesuaian untuk dijadikan sebagai bahan pameran bagi memenuhi objektifnya untuk memasyarakatkan arkib dan menyebarkan maklumat menerusi aktiviti pameran dan program-program arkib pendidikan. Bahan tersebut terdiri daripada bahan arkib, perpustakaan dan muzium seperti fail, surat, dokumen, buku, bahan pandang dengar dan juga artifak. Bahan-bahan yang dipilih akan dibuat salinan, dibingkai, disediakan 'write-up' dan kapsyen seterusnya dinaikkan di tapak pameran yang dicadangkan. Pameran – pameran ini termasuk pameran sementara di dalam Jabatan, pameran projek Memorial dan pameran luar Jabatan yang melibatkan kerjasama dengan Jabatan dan agensi luar.

Disamping itu seksyen ini juga menyediakan kemudahan

All archive collections possessing historical and national values, transferred to the National Archives are preserved and stored according to International Archival Standards. Archive collections made up of files, publications, maps, plans, audio visual material, microfilms and the like are preserved and stored according to their type and form, in the Repositories of the National Archives, sometimes also referred to as records depositories.

All Archives Repositories are fitted with appropriate equipment like steel racks and cabinets to hold archive material differing according to type, form and physical composition. Boxes and envelopes as well as plastic covers, which meet approved standards, are used to preserve and protect the materials from any possible damage. All materials are preserved in environments where the temperature and relative humidity are controlled according to the type of material. The security of Archives Repositories is closely monitored through the installation of alarm, access card and fire extinguisher systems. The premises are also designated as restricted areas.

The Public Relations and Promotions Section manages public relations with the print and electronic media and also plans media strategy for effective dissemination of information to the public, through planned programmes and activities about the role and responsibilities of the National Archives of Malaysia in the management of public records and in the preservation of material as well as the treasury of National Historical Heritage. Apart from that, the Section is also responsible for managing and resolving complaints/enquiries and the needs of the department's clients, it also arranges and manages visits by the public to the National Archives. In addition to providing support services for the launching of official activities of the National Archives of Malaysia/Ministry of Information, Communications and Culture, the Section is also responsible for planning and implementing action plans for the management of events related to publicity, promotions and campaigns.

The Exhibitions and Educational Archives Section is responsible for identifying suitable material to be used as exhibits in order to fulfil the objective of assimilating archives with society and disseminating information through exhibitions and educational archives programmes. The materials are made up of archive, library and museum materials like files, letters, documents, books, audio visual material as well as artefacts. Reproductions would be made of the selected material, framed, write-ups and captions prepared and mounted at the proposed site of the exhibition. These exhibitions include temporary exhibitions held in the department, exhibitions on Memorial projects and exhibitions held outside the Department which involves co-operation with the relevant Departments and agencies.

pinjaman bahan-bahan pameran kepada Jabatan dan Institusi Kerajaan serta merancang, mengenalpasti dan melaksanakan program dan aktiviti bagi mendekatkan arkib kepada masyarakat dan pelajar – pelajar sekolah dalam usaha memupuk semangat cintakan warisan sejarah bangsa dan Negara menerusi Program Arkib Pendidikan.

Dua unit utama diwujudkan bagi melancarkan tugas dan tanggung jawab seksyen ini. Unit Pameran Jabatan dan Pameran Bergerak bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjalankan aktiviti pameran sama ada tetap, berkala, bergerak ataupun 'online' berdasarkan koleksi bahan-bahan arkib dan tema program. Manakala Unit Arkib Pendidikan pula bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan program yang melibatkan sekolah dan institusi pendidikan di seluruh negara. Ini merupakan usaha berterusan untuk menggalakkan penggunaan bahan-bahan arkib dalam penyediaan kerja khusus sejarah dan kajian tempatan di peringkat pendidikan rendah dan menengah.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Kemudahan Penyelidikan

Sepanjang tahun 2010 seramai 6,952 orang penyelidik baru telah didaftarkan, seramai 9,748 orang penyelidik telah dicatatkan kehadiran mereka dan sebanyak 63,414 pesanan bahan telah diedarkan untuk rujukan penyelidikan. Seksyen ini juga telah mengadakan 4 Bengkel Sehari Bersama Penyelidik khususnya dari Institut Pengajian

In addition the Section also provides facilities for the loan of exhibition material to Government Departments and Institutions and plans, identifies and implements programmes and activities to bring the archives closer to the community and school children in efforts to foster love for the historical heritage of the country and nation through Educational Archives Programmes.

Two key Units were established to fulfil the duties and responsibilities of this Section. The Departmental Exhibitions and Mobile Exhibitions Unit is responsible fully for the organisation of permanent, periodic, mobile or online exhibitions dependant on collections of archive material and the programme's theme. The Educational Archives Unit on the other hand, is responsible for planning and executing programs involving schools and educational institutions throughout the country. This is an on-going program to encourage the use of archive material in the preparation of specific history assignments and local studies at lower and secondary levels of education.

ACTIVITIES ACCOMPLISHED ANNUALLY

Research Facilities

In 2010, 6,952 new researchers were registered with a total of 9,748 visits recorded by them. 63,414 requisitions for material for reference and research were also attended to. The Section also organized 4 one-day Workshops with Researchers, especially from Public Institutions of Higher Learning (IPTA), involving a total of 60 students and received



Pegawai Arkib Seksyen Rujukan dan Akses, Puan Sukana Suadi sedang memberi penerangan penggunaan COMPASS kepada pelawat dari Hanoi College, Vietnam pada 8 November 2010.
Mrs. Sukana Suadi, Archivist Reference and Access Section, explaining the use of COMPASS to visitors from Hanoi College, Vietnam, on 8 November 2010.

Tinggi Awam (IPTA) yang melibatkan seramai 60 orang pelajar serta menerima 83 lawatan yang terdiri dari IPT, sekolah, lawatan rasmi dari pelbagai pihak dalam dan luar negara yang ingin mendapatkan maklumat berkenaan penyelidikan dan bahan-bahan arkib.

23 visits from Institutions of Higher Learning, schools as well as official visits from various local and overseas groups, who wished to obtain information related to research and archive material.



Pegawai Arkib Seksyen Rujukan dan Akses, Puan Sukana Suadi menunjukkan bahan arkib kepada Penyarah Tamu dari Universiti Riau, Indonesia pada 16 Mac 2010.

Mrs. Sukana Suadi, Archivist Reference and Access Section, showing the archival material to Visiting Lecturer from Universiti Riau, Indonesia on 16 March 2010.

Penyimpanan dan Penggunaan Bahan Arkib

Sepanjang tahun 2010, Seksyen Perkhidmatan Repositori telah menguruskan penerimaan fail sebanyak 190.95 meter panjang, 363 unit rekod pandang dengar dan 5,171 unit terbitan rasmi. Seksyen ini juga menerima 17 unit rekod kartografi dan senibina, 2,131 rekod dalam bentuk mikrofilem, 6,564 unit bahan Arkib Persendirian serta 878 naskah suratkhbar dan majalah untuk simpanan kekal di Arkib Negara.

Seksyen ini juga bertanggungjawab bagi mengeluarkan bahan untuk rujukan penyelidikan dan pinjaman jabatan. Sebanyak 59,559 bahan telah dikeluarkan untuk rujukan penyelidikan dan 171 buah fail telah dikeluarkan untuk pinjaman jabatan. Bagi tujuan pemuliharaan pula sebanyak 55,712 bahan yang berada dalam simpanan telah dihantar ke Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi.

Storage and Use of Archive Materials

In 2010, the Repository Services Section received 190.95 linear metres of files, 363 units of audio visual records and 5,171 units of official publications. The Section also received 17 units of cartographic and architectural records, 2,131 microfilm records, 6,564 units of Private Papers and 878 copies of newspapers and magazines for permanent preservation in the National Archives.

The Repository Services Section is also responsible for retrieving material for reference by researchers and to facilitate loans to Departments. A total of 59,559 items of material were retrieved for reference by researchers and 171 files extracted for loan to Departments. For purposes of restoration, a total of 55,712 items of material were sent to the Restoration and Reprography Section.

Perhubungan Awam Dan Promosi

Sepanjang tahun 2010, Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi telah menguruskan sebanyak dua aduan awam dan 210 pertanyaan/maklumbalas yang diterima. Seksyen ini juga telah menerima dan menguruskan sebanyak 106 lawatan yang melibatkan seramai 3,881 orang pelawat. Sebanyak 45 lawatan adalah daripada Agensi Kerajaan dan Swasta, 40 lawatan daripada Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, 13 lawatan daripada Sekolah Menengah dan Rendah serta 8 lawatan daripada Badan Bukan Kerajaan.

Pameran

Sepanjang 2010 sebanyak 54 pameran telah dilaksanakan yang meliputi 17 pameran yang menggunakan bahan baru dan 37 pameran yang menggunakan poster sedia ada. Seksyen ini juga terlibat dengan urusan peminjaman poster pameran kepada 34 agensi luar yang berminat. Jumlah kehadiran pelawat ke pameran yang diadakan di sepanjang tahun 2010 ialah 236,064 orang. Bagi Program Arkib Pendidikan pula 12 program telah dilangsungkan yang melibatkan sebanyak 7 sekolah dan sebuah pusat pendidikan di seluruh negara. Ia juga turut dijadikan sebagai pengisian bagi program Sua Rasa dan Juara Rakyat di Maran, Pahang yang disertai oleh 74 buah sekolah. Program ini telah diketengahkan kepada 12,053 pelawat.

Public Relations and Promotions

In 2010, the Public Relations and Promotions Section manages two complaints and received 210 enquiries/feedback. This section also received and managed 106 visits involving a total of 3,881 visitors. A total of 45 visits were from government and private agencies, 40 visits from Higher Learning Institution (public and private), 13 visits from secondary and primary schools and 8 visits from Non-governmental Organization (NGO).

Exhibitions

In 2010, 54 exhibitions were organised which included 17 using new material and 37 which used existing posters. The Section was also involved in the loan of exhibition posters to 34 outside agencies who had indicated an interest. A total of 236,064 visitors attended the exhibitions held throughout 2010. For the Educational Archives Programme, 12 Programs were organised involving 7 schools and an educational centre. It also served as a supplement for the program Sua Rasa dan Juara Rakyat, held in Maran, Pahang, which saw participation by 74 schools. The program attracted the attention of 12,053 visitors.



Kunjungan YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hassan, Menteri Besar Negeri Sembilan ke khemah Arkib Negara Malaysia sempena Program Titipan Za'ba Insan Yang Teristimewa di Teratak Za'ba Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir, Jempol Negeri Sembilan pada 12 Mac 2010. Encik Ahmad Shahir dari Seksyen Pameran dan Arkib Pendidikan sedang menerangkan tentang artifak yang dipamerkan kepada YAB Dato' Menteri Besar

Visit by YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hassan, Negeri Sembilan's Chief Minister to the National Archives booth in conjunction with 'Titipan Za'ba Insan Yang Teristimewa' Programme at Teratak Za'ba Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir, Jempol Negeri Sembilan on 12 March 2010. Seen in the photograph is Mr. Ahmad Shahir from Exhibitions and Educational Archives Section explaining the displayed artifact to YAB Chief Minister



Ketua Seksyen Pameran dan Arkib Pendidikan, Puan Hajah Saemah Mokhtar mengendalikan kuiz Kenali Wajah Wira Malaysia sambil dibantu oleh Encik Zulfadzli Baharom sempena Program Sua Rasa TV9, di Stadium Indera Mulia Ipoh Perak pada 3 dan 4 Julai 2010.

Head of Exhibition and Educational Archives Section, Mrs. Hajah Saemah Mokhtar conducted the 'Kenali Wajah Wira Malaysia' quiz as she is assisted by Mr. Zulfadzli Baharom in conjunction with the Programme 'Sua Rasa TV9' in Indera Mulia Stadium, Ipoh, Perak from 3 to 4 July 2010.



Pengunjung cilik sedang menjawab soalan kuiz yang diadakan semasa Pameran Adat Dijunjung Bangsa Disanjung di Seri Menanti pada 17 hingga 18 Julai 2010 sempena Pesta Persukuan Adat Papatih.

Small visitors are answered the quiz questions at the 'Adat Dijunjung Bangsa Disanjung' exhibition at Seri Menanti from 17 to 18 July 2010 in conjunction with the 'Pesta Persukuan Adat Papatih'.

AKTIVITI PAMERAN 2010 EXHIBITIONS PROGRAMME 2010



Orang ramai melawat pameran yang disediakan sempena Program Sua Rasa yang diadakan di Johor Bahru pada 7 Mei 2010.

Members of the public viewing exhibition organized in conjunction with the Programme 'Sua Rasa' in Johor Bahru on 7 May 2010.



Beberapa orang pelajar sekolah melawat pameran sempena Program Mengenang Tokoh Alllahyarham Tun Abdul Razak yang diadakan di Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) pada 27 hingga 28 Mac 2010.

School children viewing exhibition in conjunction with Reminiscence Programme on Eminent Statesmen: the late Tun Abdul Razak held at the Universiti Perguruan Sultan Idris on 27 and 28 March 2010.



Pengunjung pameran P. Ramlee : Di Mana Kan Ku Cari Ganti dan Sudirman: Penghibur No. 1 Asia sempena Majlis Bicara Lagu. Pameran bermula dari 4 hingga 20 Mei 2010 di Arkib Negara Malaysia.

Visitor viewing the 'P.Ramlee : Di Mana Kan Ku Cari Ganti dan Sudirman: Penghibur No. 1 Asia' exhibition in conjunctions with the Discussion Session on Music. The exhibition started from 4 to 20 May 2010 at National Archives of Malaysia.



Pelajar sekolah meneliti Pameran Jejak Warisan Johor sempena Program Arkib Pendidikan di Sekolah Tinggi Muar, Johor pada 24 September 2010.

Students viewing Johor Heritage Trail Exhibition in conjunction with the Educational Archives Programmes at Sekolah Tinggi Muar, Johor on 24 September 2010.

AKTIVITI PAMERAN 2010 EXHIBITIONS PROGRAMME 2010



Pengunjung meneliti salinan dokumen Pengisytiharan Kemerdekaan yang dipamerkan sempena Majlis Sambutan Ulangtahun ke-50 PERKIM yang diadakan di Majlis Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 6 November 2010.

Visitors viewing the copy of Proclamation of Independence displayed in conjunctions with 50th Anniversary Celebrations of PERKIM at the Federal Territory Mosque, Kuala Lumpur on 6 November 2010.



Pengunjung melihat artifak Tun Tan Cheng Lock yang dipamerkan sempena Program Mengenang Tokoh Negarawan Tun Tan Cheng Lock yang diadakan di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka pada 23 Mei 2010.

Visitors viewing the Tun Tan Cheng Lock's items displayed in conjunctions with the Reminiscence Programme on Eminent Statesmen: Tun Tan Cheng Lock at the Proclamation of Independence Memorial, Malacca.

**Bahagian Pengurusan Penyelidikan
dan Dokumentasi**
*Research and Documentation
Management Division*

Bahagian Pengurusan Penyelidikan Dan Dokumentasi *Research And Documentation Management Division*

PROFIL

Bahagian Pengurusan Penyelidikan dan Dokumentasi (BPPD) ditubuhkan selaras dengan penyusunan semula Jabatan berkuatkuasa 1 Februari 2009 berdasarkan Waran Perjawatan Bil.S 25 Tahun 2009. Bahagian ini diletakkan di bawah seliaan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pengembangan).

BPPD memainkan peranan penting dalam merealisasikan visi Arkib Negara untuk menjadi Pusat Arkib dan Penyelidikan Negara yang unggul dengan memastikan rekod dan maklumat berkaitan persempadanan hak kedaulatan, isu semasa dan pengesahan fakta sejarah negara tersedia untuk dimaju dan dirujuk oleh pihak berkaitan. Di samping itu, BPPD bertanggungjawab dalam merancang dan menguruskan program penerbitan dan percetakan Jabatan, mengendalikan edaran dan jualan terbitan serta menjalankan penyelidikan mengenai peristiwa-peristiwa bersejarah, tempat-tempat bersejarah dan tokoh-tokoh sejarah disamping mengumpulkan maklumat dan bahan-bahan yang berkaitan mengenainya untuk disebarkan kepada orang ramai.

Fungsi dan aktiviti tersebut direalisasikan melalui tiga seksyen iaitu Seksyen Penyelidikan Khas Negara, Seksyen Penerbitan dan Percetakan dan Seksyen Dokumentasi.

Seksyen Penyelidikan Khas Negara bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja penyelidikan khas dan pengesahan fakta yang membabitkan hal-hal persempadanan, hak dan kedaulatan serta isu-isu semasa Negara. Terdapat beberapa isu persempadanan yang memerlukan perhatian dan usaha yang lebih awal untuk mendapatkan bahan-bahan bukti selain penyelidikan dan kajian yang lebih mendalam. Usaha-usaha pengesanan ini dilakukan di dalam dan luar negara di samping menghadiri bengkel-bengkel berkaitan hak dan kedaulatan Negara untuk melengkapkan dan memantapkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai dalam menjalankan kajian dan penyelidikan.

Seksyen Penerbitan dan Percetakan diwujudkan selaras dengan penyusunan semula Jabatan berkuatkuasa 1 Februari 2009 berdasarkan Waran Perjawatan Bil.S 25 Tahun 2009. Seksyen ini pada asalnya ialah Unit Penerbitan dan Percetakan. Fungsi utama seksyen ini ialah merancang dan menguruskan program penerbitan dan percetakan jabatan serta mengendalikan edaran dan jualan terbitan. Seksyen Penerbitan dan Percetakan terdiri

PROFILE

The Research and Documentation Management Division (BPPD) was established as a result of the restructuring of the Department with effect from 1 February 2009, in accordance with the provisions of Establishment Warrant No. S 25 of 2009. It is placed under the jurisdiction of the Deputy Director-General (Research and Development).

The Research and Documentation Management Division plays an important role in realising the vision of the National Archives to become a pre-eminent National Centre for Archives and Research by ensuring that records and information pertaining to boundaries, sovereignty, current issues and authenticity of historical facts of the nation's history are ready to be forwarded for reference by relevant parties. In addition, the Division is also involved in planning and managing the Department's publications and printing program, the distribution and sale of publications and also to conduct research on historical places and personalities as well as to gather information and material related to them, for dissemination to the public.

The functions and activities of the Division are realized through three Sections namely, the National Special Research Section, Publications and Printing Section and the Documentation Section.

The National Special Research Section is responsible for conducting special research and authentication of facts involving boundaries, rights, sovereignty and current national issues. Several existing boundary issues require early attention and action to obtain evidential material and to also conduct in-depth research and studies. Efforts to trace relevant material were carried out both locally as well as overseas. In addition, officers attended workshops related to the question of rights and sovereignty of nations, with a view to equip and enhance their knowledge and expertise.

The Publications and Printing Section was established as a result of the restructuring of the Department with effect from 1 February 2009, as provided for under Establishment Warrant No. S 25 of 2009. This Section was previously known as the Publications and Printing Unit. The principle function of this Section is to plan and manage the Department's publications and printing programmes as well as the distribution and sale of publications. The Publications and Printing Section is

daripada Unit Penerbitan dan Percetakan dan Unit Edaran, Jualan dan Khidmat Sokongan.

Seksyen Dokumentasi bertanggungjawab dalam melaksanakan program dan aktiviti pendokumentasian. Program dan aktiviti pendokumentasian oleh Seksyen ini melibatkan penyelidikan, pengumpulan dan penyebaran maklumat sejarah negara. Pengumpulan maklumat diperolehi melalui program wawancara Sejarah Lisan, Pengkisahan Sejarah dan Bicara Sejarah. Sementara penyebaran maklumat mengenai bahan arkib dan sejarah negara pula disebarkan kepada umum melalui aktiviti Wacana Warisan, penulisan di akhbar, majalah, TV, radio dan melalui portal Arkib Negara. Seksyen Dokumentasi juga bertanggungjawab dalam menghasilkan dan menguruskan program Hari Ini Dalam Sejarah untuk siaran di Stesyen TV dan Radio RTM dan secara atas talian di portal Arkib Negara.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Penyelidikan Khas

Bagi Tahun 2010 Seksyen ini telah membuat penyelidikan dan kajian yang membabitkan hal-hal persempadanan, hak dan kedaulatan serta isu-isu semasa di empat buah negara iaitu United Kingdom, Netherland, India dan Australia di samping dua penyelidikan dan kajian di dalam negeri iaitu di Sabah dan Johor. Kajian juga dibuat mengenai isu-isu semasa dan peristiwa bersejarah negara dan tokoh

made up of the Publications and Printing Unit, and the Distribution, Sales and Support Services Unit.

The Documentation Section is responsible for conducting documentation programmes and activities. The documentation programme and activities of this Section involves research, collation and dissemination of information of the nation's history. The accrual of information is obtained through Oral History Interviews, Narration of History Sessions and Discussion on History Sessions. Dissemination of information about archive material and the nation's history to the general public is done through Discourses on History sessions, articles in newspapers, magazines, presentations on television, radio and through the Portal of the National Archives. The Documentation Section is also responsible for producing and managing the programme Today in History, for transmission through TV and radio stations of RTM and online through the portal of the National Archives.

ACTIVITIES ACCOMPLISHED ANNUALLY

Special Research

In 2010, The Section conducted research and studies involving boundaries, rights and sovereignty as well as current issues in four countries namely, the United Kingdom, Netherlands, India and Australia in addition to local research and studies in Sabah and Johor. Studies were also conducted on current issues, national historical events and prominent statesmen which resulted in the production of eight



Pegawai Arkib sedang menjalankan penyelidikan di Tamil Nadu State Archives, Egmore, Chennai mulai 11 hingga 15 Oktober 2010.

Archivist conducted research at Tamil Nadu State Archives, Egmore, Chennai from 11 until 15 October 2010.

negarawan di mana seksyen ini telah menghasilkan lapan artikel yang disiarkan di akhbar Berita Harian dan Portal. Artikel-artikel tersebut antaranya ialah :

1. Majlis Raja-raja : Penaung dan Lambang Kedaulatan Institusi Diraja
2. Bahasa Melayu Teras Perpaduan Generasi Warisan
3. Perjanjian Yang Membawa Perdamaian
4. Patriotisme Pemangkin Pembinaan Negara
5. Tun Razak Negarawan Ulung, Pelopor Perpaduan Kaum
6. Kuala Lumpur Rakam Sejarah Pembangunan Negara
7. Malayan Union – Teladan Buat Generasi Kini, Akan Datang
8. Tunku Sebagai Pemimpin Semua Kaum

Satu majlis Polemik Sejarah Malaysia telah diadakan pada 9 Disember dengan satu tema baru iaitu 'Petempatan dan

articles published subsequently in the Berita Harian newspaper and the Portal. The articles were as follows:

1. Majlis Raja-raja : Penaung dan Lambang Kedaulatan Institusi Diraja;
2. Bahasa Melayu Teras Perpaduan Generasi Warisan;
3. Perjanjian Yang Membawa Perdamaian;
4. Patriotisme Pemangkin Pembinaan Negara;
5. Tun Razak Negarawan Ulung, PPelopor Perpaduan Kaum
6. Kuala Lumpur rakam Sejarah Pembangunan Negara;
7. Malayan Union – Teladan Buat Generasi Kini, Akan Datang;
8. Tunku Sebagai Pemimpin Semua Kaum.

A Polemic Session on Malaysian History entitled 'Early Settlements and Kingdoms in Malaysia Before 1400 A.D.', a



Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Dr. Hajah Samsiah Muhamad (duduk, tengah) menjawab soalan yang dikemukakan oleh pihak media pada sidang akhbar selepas Majlis Polemik Sejarah Malaysia Sesi ke-23 bertemakan 'Petempatan dan Kerajaan Awal di Malaysia Sebelum 1400M' yang diadakan di Auditorium Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audio Visual Negara, Arkib Negara Malaysia pada 9 Disember 2010. Turut sama ialah dari kiri, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pengembangan), YBrs. Pn. Hajah Daresah Haji Ismail, pembentang kertas kerja, YBrs. Prof. Madya Dr. Stephen Chia Ming Soon dan YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman serta YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd. Mokhtar Saidin selaku Pengerusi.

Director-General National Archives of Malaysia, Dr. Hajah Samsiah Muhamad (seated, centre) responding to questions from the media at the press conference after the 23rd Polemic Session on Malaysian History entitled 'Petempatan dan Kerajaan Awal di Malaysia Sebelum 1400M', held at the Auditorium of the National Audio Visual Documentation and Preservation Centre, on 9 December 2010. Also present were (from left) Deputy Director-General (Research and Advocacy), Mrs. Hajah Daresah Haji Ismail, presenters of working papers, Assoc. Prof. Dr. Stephen Chia Ming Soon and Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman and Assoc. Prof. Dr. Mohd. Mokhtar Saidin, Chairman of the Session.

Kerajaan Awal Malaysia Sebelum 1400M. Majlis yang mendapat sambutan dari kalangan para ilmunan dan penuntut IPT serta Persatuan Sejarah Malaysia ini telah menyaksikan pembentangan dua kertas kerja. Kertas kerja bertajuk 'Hubungan Kerajaan-kerajaan Awal di Malaysia Sebelum 1400M di Nusantara' telah dibentangkan oleh YBhg Prof Emeritus Dato' Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dari Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM, Bangi dan kertas kerja mengenai Penempatan Awal di

new theme, was held on 9 December. The Session attended by academics, students from institutions of higher learning and the Historical Society of Malaysia, witnessed the presentation of two working papers. The working paper entitled, 'Relationships of Early Kingdoms of Malaysia in the Malay Archipelago Before 1400 A.D.', was presented by Prof. Emeritus Dato' Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman from the Institute of the Malay World and Civilisation (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi whilst

Malaysia Sebelum 1400M' telah dibentangkan oleh dan YBr. Prof Dr. Stephen Chia Ming Soon dari Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, USM Pulau Pinang.

Seksyen ini di pertanggungjawabkan untuk membantu penerbitan buku jabatan. Antaranya Bunga Raya Bunga Kebangsaan, Merdeka 53 Tahun Malaysia 47 Tahun' dan sebuah buku mengenai Tambak Johor yang melibatkan usahasama dengan Arkib Negara Singapura.

Sepanjang tahun 2010, seksyen ini turut menjadi urusetia bagi mengendalikan Mesyuarat Agung SARBICA serta seminar Antarabangsa bertajuk *Issues and Challenges in Preserving AV Archives in Tropical Region* yang telah di adakan pada 27–30 September 2010 di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur dan terlibat dalam pengisian kandungan bagi program IPTV (*Internet Protocol TV*) dengan kerjasama dengan Syarikat TM.

Terbitan Jabatan

Sepanjang tahun 2010, Arkib Negara Malaysia telah berjaya menerbitkan 10 buah buku iaitu Koleksi Khas Tunku Abdul Rahman Putra, Puspawangsa Berita Arkib Negara Malaysia Bil. 1/2010, Puspawangsa Berita Arkib Negara Malaysia Bil. 2/2010, Puspawangsa Berita Arkib Negara Malaysia Bil. 3/2010, 53 Tahun Merdeka 1957-2010 Malaysia 47

the second paper entitled, 'Early Settlements in Malaysia Before 1400 A.D.', was delivered by Prof. Dr. Stephen Chia Ming Soon from the Centre for Global Archaeological Research, Universiti Sains Malaysia, Penang.

This Section is also entrusted with responsibility to assist in the publications program of the department. Among these were books on the 'Bunga Raya' the National Flower, Merdeka 53 Years Malaysia 47 Years and a book on the Johor Causeway which was prepared with the co-operation of the National Archives of Singapore.

In 2010 the Section also functioned as the Secretariat for the General Meeting of SARBICA as well as the international seminar entitled 'Issues and Challenges in Preserving AV Archives in Tropical Regions' held from 27 – 30 September 2010 at the Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur. It was also involved in providing content for the Internet Protocol TV (IPTV) in co-operation with Syarikat Telekom Malaysia (TM).

Departmental Publications

In 2010, the National Archives of Malaysia successfully published 10 books as follows: 'Koleksi Khas Tunku Abdul Rahman Putra', 'Puspawangsa: Berita Arkib Negara Malaysia Bil. 1/2010', 'Puspawangsa: Berita Arkib Negara Malaysia Bil. 2/2010', 'Puspawangsa: Berita Arkib Negara Malaysia Bil. 3/2010', '53 Tahun Merdeka 1957-2010, Malaysia 47



Jualan buku yang diadakan sempena Program Pemimpin Bersama Rakyat di Bandar Baru Sentul pada 16 Januari 2010.

Book sale held in conjunction with the Programme Leaders Together With the Community in Bandar Baru Sentul on 16 January 2010.



Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim melancarkan buku Merintis Denai Demokrasi sambil diperhatikan oleh isteri beliau YBhg. Datin Seri Masnah Rais (dua dari kanan) dan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pengembangan) Arkib Negara Malaysia, Puan Hajah Daresah Ismail (paling kanan). Turut serta Timbalan Menteri KPKK, YB Dato' Joseph Salang Gandum. Majlis pelancaran telah diadakan di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah pada 16 September 2010.

Minister of Information, Communications and Culture Malaysia, the Hon. Dato' Seri t his wife YBhg. Datin Seri Masnah Rais (second from right) and Deputy Director-General (Research and Advocacy) National Archives of Malaysia, Mrs. Hajah Daresah Ismail (extreme right). Also present was Deputy Minister, the Hon. Dato' Joseph Salang Gandum. The launching ceremony was held at the Promenade Hotel, Kota Kinabalu, Sabah, on 16 September 2010.



Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), YB Senator Heng Seai Kei, (tengah) memegang buku Braille Rukun Negara dan Jalur Gemilang selepas merasmikan pelancaran buku tersebut pada 23 Mei 2010. Turut sama (dari kiri) Cik Tan Siok Choo (cucu Tun Tan Cheng Lock), Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Negeri Melaka, YB Datuk Seet Har Cheow, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) KPKK, YBhg. Dato' Mohammad Mohd Daud, dan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Dato' Haji Sidek Haji Jamil.

Deputy Minister of Information, Communications and Culture, the Hon. Senator, Heng Seai Kei (centre), holding book in Braille 'Rukun Negara dan Jalur Gemilang', after the launch of the book on 23 May 2010. Also present were (from left) Miss Tan Siok Choo (granddaughter of Tun Tan Cheng Lock), Chairman of the Malacca State Committee on Tourism, Culture and Heritage, the Hon. Datuk Seet Har Cheow, Deputy Secretary-General (Culture) of the Ministry of Information, Communications and Culture, YBhg Dato' Mohammad Mohd Daud and Director-General National Archives of Malaysia, Dato' Haji Sidek Haji Jamil.

Tahun 1963-2010, Laporan Tahunan 2009, Koleksi Rakyat Merdeka 1Malaysia, *King Ghaz A Man Of His Time*, Bunga Raya dan *Prince Among Men Reflections and Recollections On Tunku Abdul Rahman*.

Seksyen ini turut menjadi urusetia bagi mengendalikan pelancaran buku Jalur Gemilang dan Rukun Negara dalam bentuk Braille yang telah diadakan di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka pada 23 Mei 2010 dan pelancaran buku Merintis Denai Demokrasi Sempena 50 Tahun Parlimen di Hotel Promenade, Kota Kinabalu pada 16 September 2010.

Pengukuhan Sejarah

Bagi tahun 2010 Seksyen Dokumentasi telah mengadakan lima program Bicara Tokoh dan Bicara Sejarah. Sebanyak 19 jam rakaman dengan 8 orang tokoh telah disiapkan. Program-program tersebut adalah Bicara Tokoh Tun Abdul Razak Hussein, Bicara Tokoh Tun Tan Cheng Lock, Bicara Sejarah: Darurat, Bicara Tokoh Tun Hussein Onn dan Bicara Bahasa.

Tahun 1963-2010', 'Laporan Tahunan 2009', 'Koleksi Rakyat Merdeka 1Malaysia', 'King Ghaz A Man of His Time', 'Bunga Raya' and 'Prince Among Men: Reflections and Recollections on Tunku Abdul Rahman'.

The Section also functioned as the secretariat for the launch of the book in Braille, 'Jalur Gemilang dan Rukun Negara', held on 23 May 2010 at the Proclamation of Independence Memorial, Malacca, as well as the book, 'Merintis Denai Demokrasi Sempena 50 Tahun Parlimen', held at the Promenade Hotel, Kota Kinabalu, on 16 September 2010.

Reinforcing History

In 2010, the Documentation Section organized five Discussions on Prominent Personalities and Discussions on History programs. 19 hours of recordings were completed with 8 prominent personalities. The programmes included Discussions on Tun Abdul Razak Hussein; Discussions on Tun Tan Cheng Lock; Discussions on History: The Emergency; Discussions on Tun Hussein Onn and Discussions on Language.



YBhg. Dato' Haji A. Aziz Deraman, bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka sedang berbicara mengenai langkah-langkah untuk memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di Majlis Bicara Bahasa yang diadakan di Auditorium Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audio Visual Negara, Arkib Negara Malaysia pada 19 Oktober 2010. Tokoh pembicara lain ialah YBhg. Dato' Dr. Haji Hassan Ahmad (duduk, kiri) dan YBhg. Prof. Datuk Dr. Abdul Latif Abdul Bakar sebagai pengerusi.

YBhg. Dato' Haji A. Aziz Deraman, former Director-General of Dewan Bahasa dan Pustaka discussing measures to manifest the Malay language as the National Language during the Discussion on Language Session held at the Auditorium, National Audio Visual Documentation and Preservation Centre, National Archives of Malaysia, on 19 October 2010. The other panelist was YBhg. Dato' Dr. Haji Hassan Ahmad (seated, left) with YBhg. Prof. Datuk Dr. Abdul Latif Abdul Bakar as Chairman.



YBhg. Datuk Dr. Leong Chee Who berbicara mengenai darurat di Majlis Bicara Sejarah Darurat yang diadakan di Auditorium Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audio Visual Negara, Arkib Negara Malaysia pada 19 Julai 2010.

YBhg. Datuk Dr. Leong Chee Who discussing the Emergency during the Discussion Session on History of the Emergency held at the Auditorium, National Audio Visual Documentation and Preservation Centre, National Archives of Malaysia, on 19 July 2010.

Bagi projek Sejarah Lisan sebanyak 52 jam rakaman Sejarah Lisan telah dijalankan melibatkan 15 tokoh. Di antaranya ialah YABhg Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub, YABhg Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran bin Dandai, YBhg. Dato' Seri Wan Mohd Fadzir bin Wan Hussein dan tokoh-tokoh lain. Satu projek Sejarah Lisan bersama Pusat Sumber Maritim dan Sejarah TLDM (PUSMAS) yang melibatkan 8 tokoh bekas Panglima TLDM telah dimulakan pada 2010. Seramai 4 tokoh telah selesai diwawancara pada 2010. Sebanyak 5 transkripsi wawancara sejarah lisan telah disiapkan iaitu: Sejarah Lisan YABhg Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, YABhg. Tun Mohd. Ghazali Shafie, YBhg. Dato' Jaafar Kamin, YBhg. Dato' Syed Hamzah Syed Abu Bakar dan YBhg. Dato' Abdul Latiff Ahmad.

Under the Oral History Project, 52 hours of oral history recordings were made with 15 personalities. Among them were the Hon. Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub, the Hon. Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran bin Dandai, Dato' Seri Wan Mohd. Fadzir bin Wan Hussein and other prominent personalities. An Oral History project in collaboration with the Royal Malaysian Navy's Centre for Maritime and Historical Sources (PUSMAS), involving 8 former Naval Commanders of the Royal Malaysian Navy was started in 2010. Interviews with 4 personalities were completed in 2010. 5 transcriptions of oral history interviews were completed as follows: Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Tun Mohd. Ghazali Shafie, Dato' Jaafar Kamin, Dato' Syed Hamzah Syed Abu Bakar and Dato' Abdul Latiff Ahmad.

Sementara program di media, sebanyak 43 artikel disiarkan di akhbar Berita Harian dalam ruangan "Masjid Bersejarah", dan di akhbar Utusan Melayu Mingguan dalam ruangan "Dari Arkib Negara". Manakala 76 artikel (pendek dan bergambar telah dimuatkan dalam portal Arkib Negara Malaysia dalam ruangan 'Kenali Tokoh', Mercu Tanda, Permata Pusaka dan Jendela Sejarah. Satu dokumentari, bertajuk "Darurat :Satu Pengajaran Dalam Pembinaan Negara" (*The Malayan Emergency: A Lesson in the Nation Building*), telah diterbitkan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Dokumentari ini disiarkan melalui TV1, RTM pada 2 Oktober 2010. Program pendokumentasian

In the meantime, under programmes with the media, 43 articles were published in the Berita Harian newspaper in the column entitled, "Historical Mosques" and in the Utusan Melayu Mingguan newspaper under the column, "From the National Archives". 76 short articles with photographs were entered into the portal of the National Archives of Malaysia under the columns, 'Know the Personality', 'Landmarks', 'Heritage Gems' and 'Window on History'. A documentary entitled, "The Emergency: A Lesson in Nation Building", was produced in Malay and English. The documentary was aired on TV1, RTM on 2 October 2010. Documentation work continued on the



Wawancara Sejarah Lisan bersama YBhg Dato' Haji Mohd. Khairuddin Mohd. Kawi (kanan) iaitu bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Pahang yang juga merupakan Veteran UMNO Pahang dan sahabat Allahyarham Tun Haji Abdul Razak pada 17 Jun 2010 bertempat di Rumah Rehat Daerah Jerantut, Pahang.

Oral History interviewed with YBhg Dato' Haji Mohd. Khairuddin Mohd. Kawi (right) former Pahang State Assembly Speaker who is also Pahang UMNO veteran and the late Tun Haji Abdul Razak friend on 17 June 2010 at Jerantut Rest House, Pahang.



Wawancara Sejarah Lisan bersama YBhg Laksamana (B) Tan Sri Ilyas Haji Din, Panglima Tentera Laut Ke-13 pada 22 September 2010 bertempat di Pejabat Pengerusi Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), Kem Tentera Sungai Buloh, Selangor. Dari kiri: Komander Mohd Isa Yahaya (TLDM), Encik Mohd Farizal Bidin (ANM) dan YBhg Laksamana (B) Tan Sri Ilyas Haji Din.

Oral History interviewed with YBhg. Laksamana (B) Tan Sri Ilyas Haji Din (right), 13th Naval Commanders on 22 September 2010 at Chairman Office of Ex-Servicemen's Affairs Corporation (PERHEBAT), Sungai Buloh Military Camp, Selangor. From left, Commander Mohd Isa Yahaya (TLDM) and Mr. Mohd Farizal Bidin from National Archives of Malaysia.

projek pembinaan Istana Negara yang baru di Jalan Duta masih diteruskan dan akan disambung pada tahun 2011.

Bagi Program Hari Ini Dalam Sejarah (HIDS) sebanyak 365 skrip HIDS telah di siarkan TV1 dan TV2, RTM. Program HIDS turut juga disiarkan di 32 buah stesen radio termasuk di Klasik Nasional, Traxx FM, Minnal FM dan Ai FM, Asyik FM dan di Bahagian siaran luar negara iaitu 'Suara Malaysia'. HIDS Online juga turut dimuatkan dalam Portal Arkib Negara Malaysia.

construction of the new National Palace and will be continued into 2011.

Under the programme 'Today in History', 365 scripts were aired on TV1 and TV2 of RTM. The programme was also broadcast on 32 radio stations including Klasik Nasional, Traxx FM, Minnal FM, Ai FM and Asyik FM as well as through the overseas broadcast Division's station, 'Suara Malaysia'.

Bahagian Arkib Negarawan
Statesman Archives Division

Bahagian Arkib Negarawan *Statesmen Archives Division*

PROFIL

Bahagian Arkib Negarawan diwujudkan pada 1 Jun 2009 bagi menggantikan Bahagian Pengurusan Arkib Memorial setelah penstrukturan semula Jabatan Arkib Negara Malaysia. Bahagian ini bertanggungjawab bagi memastikan peranan dan sumbangan tokoh negarawan dihargai serta mendapat pengiktirafan negara. Selain itu, bahagian ini turut berperanan dalam memastikan koleksi dan bahan khazanah warisan tokoh negarawan kekal terpelihara sebagai bahan bukti kepimpinan dan pencapaian tokoh negara. Di samping itu, bahagian ini juga turut memainkan peranan dalam menjadikan Arkib Negarawan sebagai pusat pembelajaran dan penyelidikan sejarah negara.

Bahagian Arkib Negarawan terdiri daripada dua seksyen, iaitu Seksyen Perancangan dan Pemuliharaan serta Seksyen Pengurusan Arkib Negarawan. Seksyen Perancangan dan Pemuliharaan bertanggungjawab untuk mengesan, memperoleh dan memelihara koleksi bahan Arkib Negarawan bagi memastikan ianya sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh diakses apabila diperlukan oleh para penyelidik. Seksyen ini juga berperanan untuk menyediakan kemudahan rujukan dan penyelidikan yang cekap dan sistematik. Seksyen ini mempunyai lima unit bagi melaksanakan aktiviti yang dirancang dan fungsinya, iaitu Unit Perolehan, Unit Pemuliharaan/Pemeliharaan, Unit Pendokumentasian, Unit Panducari dan Khidmat Rujukan serta Unit Kajian dan Penulisan.

Seksyen Pengurusan Arkib Negarawan pula bertanggungjawab untuk merancang, mengurus, melaksanakan dan memantau aktiviti-aktiviti pengembangan dan promosi bagi memasyarakatkan Arkib Negarawan yang ditempatkan di seluruh negara. Objektif Seksyen Pengurusan Arkib Negarawan ialah memperkemas dan memperagakan maklumat-maklumat mengenai sejarah ketokohan negarawan dan menjadikan Arkib Negarawan sebagai pusat sumber dan pembelajaran yang berdaya saing. Ianya bagi memastikan Arkib Negarawan bukan sahaja memainkan peranan sebagai tempat pameran koleksi milik tokoh negarawan, tetapi juga sebagai pusat perolehan dan pemeliharaan bahan serta pusat sumber. Terdapat lapan buah Memorial dan Pustaka yang dikendalikan oleh seksyen ini, iaitu Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Memorial Tun Abdul Razak, Memorial Tun Hussein Onn, Galeria Sri Perdana, Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Memorial Tun Ghaffar Baba, Pustaka Perkhidmatan Awam dan Pustaka Peringatan P. Ramlee.

PROFILE

The Statesmen Archives Division was established on 1 June 2009, replacing the Memorial Archives Management Division, as a result of the restructuring of the National Archives of Malaysia. This Division is responsible for ensuring that the roles played and contributions made by the country's eminent statesmen are appreciated and receive national recognition. The role of this Division is to also ensure that the collection and treasury of heritage material of these eminent statesmen are preserved permanently as evidence of their leadership and achievements. In addition, the Division also plays a role in establishing the Statesmen Archives as a centre for learning and research on the nation's history.

The Statesmen Archives Division is made up of two Sections namely, the Planning and Restoration Section and the Statesmen Archives Management Section. The Planning and Restoration Section is responsible for tracing, acquiring and preserving the collection of material for the Statesmen Archives, in order to ensure that they are at all times in good condition and can be accessed whenever required by researchers. The Section is also responsible for the provision of efficient and systematic facilities for reference and research. Five Units under this Section namely the Acquisitions Unit, Restoration/Preservation Unit, Documentation Unit, Finding Aids and Reference Services Unit and the Research and Writing Unit, are responsible for the implementation of its functions and planned activities.

The Statesmen Archives Management Section is responsible for planning, managing, implementing and monitoring outreach activities and promotions in order to assimilate with society, the Statesmen Archives located throughout the country. The objective of the Statesmen Archives Management Section is to organise and disseminate information about the historical eminence of the statesmen and establish the Statesmen Archives as a competitive resource and learning centre. This is to ensure that the Statesmen Archives do not only function as centres exhibiting the collections belonging to eminent statesmen, but also as centres for the acquisition and preservation of material as well as resource centres. There are eight Memorials and Libraries managed by this Section namely, the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial, Tun Abdul Razak Memorial, Tun Hussein Onn Memorial, Sri Perdana Gallery, Proclamation of Independence Memorial, Tun Ghaffar Baba Memorial, Civil Service Memorial Library and the P. Ramlee Memorial Library.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN**Arkib Negarawan sebagai tempat kunjungan orang ramai**

Arkib Negarawan bertanggungjawab untuk memastikan koleksi dan bahan mengenai tokoh negarawan kekal terpelihara dengan baik dan dipamerkan di memorial dan pustaka yang berkaitan untuk tatapan orang ramai. Pada tahun 2010, seramai 931,155 orang pelawat yang terdiri dari pelawat dalam dan luar negara telah mengunjungi memorial dan pustaka yang terletak di bawah pentadbiran Bahagian Arkib Negarawan

Arkib Negarawan sebagai pusat sumber penyelidikan

Selaras dengan objektif bahagian untuk menjadikan Arkib Negarawan sebagai pusat pembelajaran dan penyelidikan sejarah Negara, Bahagian Arkib telah menyediakan pelbagai prasarana yang kondusif dan lambakan bahan-bahan dan sumber berkaitan tokoh-tokoh negarawan boleh didapati di Arkib Negarawan untuk para peyelidik. Ini dapat dibuktikan apabila sepanjang tahun 2010, seramai 1,602 orang penyelidik telah mengunjungi Pusat Sumber Arkib Negarawan untuk menjalankan penyelidikan.

Perolehan bahan tokoh-tokoh negarawan

Sepanjang tahun 2010, Bahagian Arkib Negarawan telah berjaya mengumpul sejumlah 10,009 bahan arkib dan 784 bahan artifak tokoh-tokoh negarawan. Tokoh-tokoh tersebut terdiri daripada Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Hussein Onn, Tun Abdullah Ahmad Badawi, Tun Tan Cheng Lock Dan Tun VT Sambanthan. Usaha-usaha mengesan, memperoleh dan memelihara bahan-bahan akan sentiasa dipergiatkan disamping memastikan bahan-bahan tersebut dapat diakses dan dipamerkan untuk tontonan umum.

Pengimejan bahan bersama Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP)

Bahagian Arkib Negarawan juga menjalinkan kerjasama dengan Yayasan Kepimpinan Perdana untuk melakukan proses pengimejan bahan penerbitan tokoh-tokoh negarawan. Sepanjang tahun 2010 YKP telah membuat salinan imejan sebanyak 76,739 helaian yang melibatkan penerbitan mengenai Tun Abdul Razak di Memorial Tun Abdul Razak. Dalam masa yang sama sebanyak 586 bahan Tunku Abdul Rahman, dan 1305 bahan Tun Dr Ismail juga telah dibuat pengimejan dan proses ini akan diperluaskan merangkumi tokoh-tokoh negarawan yang lain pada masa akan datang.

ACTIVITIES ACCOMPLISHED ANNUALLY***Statesmen Archives as Public Destinations***

The Statesmen Archives is responsible for ensuring that the collections and materials relating to eminent statesmen are permanently well preserved and exhibited in the relevant memorials and libraries for public viewing. In 2010, 931,155 people, both local and foreign, visited the memorials and libraries, which are under the administration of the Statesmen Archives Division.

Statesmen Archives as Research Centres

In accordance with division's objective to establish the Statesmen Archives as a centre for learning and research on the nation's history, the Statesmen Archives Division has prepared various conducive facilities and an abundance of material and sources on eminent statesmen for use by researchers. This is proven from the fact that a total of 1,602 researchers visited the Statesmen Archives Resource Centre in 2010, to conduct research.

Acquisition of Material Related to Eminent Statesmen

In 2010, the Statesmen Archives Division was successful in acquiring a total of 10,009 archive material and 784 artifacts pertaining to eminent statesmen. The personalities included Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Hussein Onn, Tun Abdullah Ahmad Badawi, Tun Tan Cheng Lock and Tun V.T. Sambanthan. Efforts to trace, acquire and preserve material will always be intensified in addition to ensuring that the material will be accessible and exhibited for public viewing.

Imaging of Material in Collaboration with Perdana Leadership Foundation

The Statesmen Archives Division also collaborated with the Perdana Leadership Foundation to undertake the process of imaging publications belonging to eminent statesmen. In 2010, the Foundation made copies of images totalling 76,739 pieces involving publications about Tun Abdul Razak existing in the Tun Abdul Razak Memorial. During the same period, imaging was also done on 586 materials about Tunku Abdul Rahman and 1,305 materials on Tun Dr. Ismail and this process will be widened to encompass other eminent statesmen, in the future.

Penulisan berkaitan dengan tokoh negarawan

Sepanjang tahun 2010, Bahagian Arkib Negarawan juga telah menghasilkan sejumlah 15 buah artikel berkaitan dengan tokoh-tokoh negarawan dan kesemua artikel ini telah dikeluarkan di akhbar-akhbar utama negara berbahasa Melayu dan Tamil. Penulisan-penulisan artikel ini mendapat suntikan ilham dari tarikh-tarikh penting tokoh-tokoh negarawan seperti hari kelahiran mereka selain dari memberi penekanan kepada hasil sumbangan dan jasa-jasa mereka yang mungkin tidak diketahui umum sepanjang tempoh mereka berkhidmat kepada kerajaan dan rakyat. Melalui penulisan yang dihasilkan, para pembaca dapat memahami pemikiran dan prinsip kehidupan para tokoh negarawan agar dapat dijadikan panduan yang berguna kepada mereka.

Writings about Eminent Statesmen

In 2010, the Statesmen Archives Division produced 15 articles about eminent statesmen and all these articles were published in the leading Malay and Tamil newspapers in the country. The articles written drew inspiration from significant dates related to these eminent statesmen, for example their date of birth besides also emphasising on their contributions and achievements, which probably were generally unknown, during their entire period of service to government and society. Through the writings, readers would be able to understand the thoughts and principles of life of these eminent statesmen, so that they could serve as useful guides to the reader himself.

PROGRAM SEPANJANG 2010

Program Mengenang Tokoh Negarawan: Tunku Abdul Rahman dan Pelancaran Pameran Koleksi Khas Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (Rumah Merdeka)

PROGRAMMES IN 2010

Reminiscence Programme on Eminent Statesmen: Tunku Abdul Rahman and Launch of the Special Collection Exhibition of Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (Merdeka)



Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim membuka peti besi YTM Tunku Abdul Rahman Putra sebagai simbolik pelancaran Pameran Bergerak Koleksi Khas YTM Tunku di Rumah Merdeka, Alor Setar, Kedah pada 7 Februari 2010. Turut menyaksikan ialah isteri beliau, Datin Seri Utama Masnah Rais dan Dato' Haji Sidek Haji Jamil, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia.

Minister of Information, Communications and Culture, the Hon. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim unlocking YTM Tunku Abdul Rahman Putra's safe to symbolically launch the Mobile Exhibition Special Collection of YTM Tunku at the Merdeka House, Alor Setar, Kedah, on 7 February 2010. Witnessing the ceremony is his wife, Datin Seri Utama Masnah Rais and Dato' Haji Sidek Haji Jamil, Director-General National Archives of Malaysia.

Program Mengenang Tokoh Negarawan bertujuan untuk mengenang dan menghayati kembali jasa-jasa dan sumbangan tokoh-tokoh pemimpin terdahulu yang telah

The Reminiscence Programme on Eminent Statesmen is intended to remember and relive the achievements and contributions of past leaders who had spearheaded the

menerajui pentadbiran negara. Program Mengenang Tokoh Negarawan: Tunku Abdul Rahman telah diadakan di Rumah Merdeka, Alor Star Kedah pada 7 Februari 2010 yang dirasmikan oleh Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Sempena program ini, beberapa aktiviti telah diadakan yang bertujuan untuk memberi berpeluang kepada segenap lapisan masyarakat agar mengetahui secara lebih dekat peranan dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh Almarhum Tunku sebagai 'Bapa Kemerdekaan' dan juga Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Program ini juga mempamerkan Pameran Bergerak Koleksi Khas YTM Tunku Abdul Rahman iaitu lanjutan daripada program Pameran Koleksi Khas YTM Tunku Abdul Rahman yang telah diadakan di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Kuala Lumpur pada 6 Disember 2009 yang lalu dan yang juga telah dirasmikan oleh Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim. Pameran ini memaparkan 46 koleksi artifak kepunyaan Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman yang tersimpan didalam peti besi yang digunakan semasa beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Program Mengenang Tokoh Negarawan: Tun Abdul Razak (UPSI)

Bagi merealisasikan Program Mengenang Tokoh Negarawan: Allahyarham Tun Abdul Razak, pihak Arkib Negara Malaysia telah mengadakan jalinan kerjasama bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris dan agensi-agensi di bawah

country's administration. The Reminiscence Programme on Eminent Statesmen: Tunku Abdul Rahman, was held at Merdeka House, Alor Star, Kedah, on 7 February 2010 and was officiated by Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Minister of Information, Communications and Culture. In conjunction with this programme, several activities were organized with the intention of providing an opportunity for every level of society to be more closely acquainted with the role and contributions made by the late Tunku as the 'Father of Independence' and the first Prime Minister of Malaysia.

Reminiscence Programme on Eminent Statesmen: Tun Abdul Razak (UPSI)

To realise the Reminiscence Programme on Eminent Statesmen: the late Tun Abdul Razak, the National Archives of Malaysia established co-operative bonds with Universiti Pendidikan Sultan Idris and agencies under the Ministry



Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim menyampaikan ucapan di Majlis Perasmian Program Mengenang Tokoh Negarawan Allahyarham Tun Abdul Razak di Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak pada 28 Mac 2010.

Minister of Information, Communications and Culture, the Hon. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim delivering his address at the Opening Ceremony of Reminiscence Programme on Eminent Statesmen: the late Tun Abdul Razak at Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, on 28 March 2010.

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan bertujuan untuk mendekatkan para pelajar menghayati pengorbanan dan sumbangan tokoh negarawan Tun Abdul Razak sebagai 'Bapa Pembangunan'. Program ini telah berlangsung dari 27 hingga 28 Mac 2010 di Dewan SITC, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan dan telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan pada 28 Mac 2010. Untuk tujuan penghayatan dan memeriahkan program, pelbagai aktiviti yang interaktif dan bermanfaat telah disediakan kepada semua hadirin yang hadir di program ini.

Program Mengenang Tokoh Negarawan: Tun V.T. Sambanthan dan Pameran Tun V.T. Sambanthan (Ladang Nigel, Kuala Kubu Baru, Hulu Selangor)

Sempena dengan Program Merakyatkan Seni 1Malaysia, Arkib Negara Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk mengadakan Pameran Perjuangan Perdana Ke Arah Kemerdekaan dan Pameran tentang salah seorang tokoh yang terlibat di dalam perjuangan mendapatkan kemerdekaan, iaitu Tun V.T. Sambanthan. Pameran tersebut diadakan selama satu hari pada 23 April 2010 di Padang Awam Ladang Nigel Gardner, Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor.

Program Mengenang Tokoh Negarawan: Tun Tan Cheng Lock dan Pelancaran Buku Braille (MPK)

Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, (MPK) Banda Hilir, Melaka telah dipilih menjadi tempat berlangsungnya Program Mengenang Tokoh Negarawan: Tun Tan Cheng Lock. Program Mengenang Tokoh Negarawan – Tun Tan Cheng Lock ini telah dirasmikan oleh YB Senator Heng Seai Kie, Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia pada 23 Mei 2010. Untuk tujuan penghayatan dan memeriahkan program, pelbagai aktiviti yang interaktif dan bermanfaat telah disediakan kepada semua hadirin yang hadir di program ini. Antara program yang disediakan ialah Pameran Tokoh Negarawan: Tun Tan Cheng Lock yang akan berlangsung selama sebulan bermula dari 22 Mei 2010 hingga 20 Jun 2010, Majlis Bicara Tokoh – Tun Tan Cheng Lock, Pelancaran Buku Braille-Rukun Negara dan Jalur Gemilang serta persembahan lapangan daripada agensi dan jabatan di bawah naungan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.

of Information, Communications and Culture, with the intention of bringing students closer to an appreciation of the sacrifices and contributions of the eminent statesman, Tun Abdul Razak as the 'Father of Development'. The programme was held from 27 to 28 March 2010 at the SITC Hall, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan and was officiated by the Hon. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Minister of Information, Communications and Culture, on 28 March 2010. To encourage appreciation and to enliven the programme, various interactive and beneficial activities were organized for those who attended.

Reminiscence Programme on Eminent Statesmen: Tun V.T. Sambanthan and Exhibition on Tun V.T. Sambanthan (Nigel Estate, Kuala Kubu Baru, Hulu Selangor)

In conjunction with the Programme to Assimilate Society with the Arts 1Malaysia, the National Archives of Malaysia was entrusted with the responsibility for organizing an Exhibition on the Premier Struggle towards Independence and an exhibition on Tun V.T. Sambanthan, a prominent personality involved in the struggle for independence. The one day exhibition was held on 23 April 2010 at the public field in Nigel Gardner Estate, Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor.

Reminiscence Programme on Eminent Statesmen: Tun Tan Cheng Lock and Launch of Book in Braille (MPK)

The Proclamation of Independence Memorial, Bandar Hilir, Malacca, was selected as the site to host the Reminiscence Programme on Eminent Statesmen: Tun Tan Cheng Lock. This particular programme was officiated by the Hon. Senator Heng Seai Kie, Deputy Minister of Information, Communications and Culture, on 23 May 2010. To encourage appreciation and enliven the programme, various interactive and beneficial activities were organized for those who attended. Among the programmes drawn up was an Exhibition on Eminent Statesman: Tun Tan Cheng Lock, which ran for a month from 22 May 2010 to 20 June 2010; a Discussion Session on the Personality – Tun Tan Cheng Lock; Launch of a book in Braille – 'Rukun Negara dan Jalur Gemilang' and a field display by agencies and departments under the Ministry of Information, Communications and Culture.

Program Mengenang Tokoh Negarawan: Tun Hussein Onn (UTHM)

Program ini dilaksanakan adalah untuk membolehkan masyarakat terutama generasi muda mengenali dengan lebih dekat mengenai Allahyarham Tun Hussein Onn iaitu Perdana Menteri Malaysia yang ketiga dan juga sebagai 'Bapa Perpaduan'. Melalui Program Mengenang Tokoh Negarawan – Allahyarham Tun Hussein Onn juga diharap dapat mempelajari idealismanya dan menyemaikan perasaan cinta yang mendalam kepada tanah air dan juga semangat kekitaan 1Malaysia di kalangan masyarakat hari ini. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. Untuk tujuan penghayatan dan memeriahkan program, pelbagai aktiviti yang interaktif dan bermanfaat telah disediakan kepada semua hadirin yang hadir di program ini. Bersempena dengan Program ini juga Arkib Negara melalui YB Menteri telah berbesar hati menerima koleksi bahan-bahan Allahyarham Tun Hussein Onn yang diserahkan oleh ahli keluarga Allahyarham untuk disimpan di Arkib Negara.

Reminiscence Programme on Statesmen: Tun Hussein Onn (UTHM)

This programme was held to enable society, particularly the younger generation, to be more closely acquainted with the late Tun Hussein Onn, the third Prime Minister of Malaysia and also the 'Father of Unity'. Through the Reminiscence Programme on Eminent Statesmen: the late Tun Hussein Onn, it was hoped to learn about his idealisms, sow feelings of profound love for the homeland and also a spirit of togetherness exemplified under 1Malaysia, in today's society. The opening ceremony was officiated by the Hon. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Minister of Information, Communications and Culture Malaysia. To encourage appreciation and to enliven the programme, various interactive and beneficial activities were organized for those who attended. In conjunction with this programme, the National Archives through the Hon. Minister was grateful to receive a collection of material on the late Tun Hussein Onn from the family, for preservation in the National Archives.



Dewan Tunku Ibrahim Ismail, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor dipenuhi tetamu yang hadir di Majlis Perasmian Program Mengenang Tokoh Negarawan Allahyarham Tun Hussein Onn yang disempurnakan oleh Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim pada 25 Julai 2010. Program ini berlangsung dari 22 hingga 25 Julai 2010.

Tunku Ibrahim Ismail Hall, Tun Hussein Onn University of Malaysia, Batu Pahat, Johor filled with guests attending the Opening Ceremony of the Reminiscence Programme on Eminent Statesmen: the late Tun Hussein Onn, officiated by the Minister of Information, Communications and Culture, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim on 25 July 2010. The programme ran from 22 to 25 July 2010.

Pameran Tunku Erti Seribu Wajah dan Pameran Koleksi Khas YTM Tunku Abdul Rahman Putra (Sekolah Kebangsaan Ampang Pechah, Kuala Kubu Baru, Hulu Selangor)

Sempena dengan Program Merakyatkan Seni 1Malaysia di Sekolah Kebangsaan Ampang Pechah, Kuala Kubu Bharu, satu pameran mengenai YTM Tunku Abdul Rahman Putra telah diadakan pada 21 April 2010. Pameran juga melibatkan Koleksi Khas milik Tunku untuk tatapan masyarakat di sana. Dianggarkan seramai 500 orang pengunjung telah mengunjungi pameran tersebut semasa ia berlangsung.

Exhibition on Tunku, 'Erti Seribu Wajah' and Exhibition of Special Collection of YTM Tunku Abdul Rahman Putra (Sekolah Kebangsaan Ampang Pechah, Kuala Kubu Baru, Hulu Selangor)

In conjunction with the Programme to Assimilate Society with the Arts 1Malaysia, held at the Sekolah Kebangsaan Ampang Pechah, Kuala Kubu Bharu, an exhibition on YTM Tunku Abdul Rahman Putra was held on 21 April 2010. The exhibition also included the Special Collection belonging to Tunku for viewing by the community there. An estimated 500 visitors viewed the exhibition.

Pameran Bergerak Koleksi Khas Tunku Abdul Rahman Putra (Maran, Pahang)

Sempena dengan Program Anugerah Pelajar serta Sekolah Cemerlang, pihak Arkib Negara Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk mengadakan Pameran Perjuangan Perdana Ke Arah Kemerdekaan dan Pameran Koleksi Khas YTM Tunku Abdul Rahman Putra. Pameran tersebut telah diadakan selama dua hari pada 27 dan 28 April 2010 di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Maran, Pahang. Dianggarkan seramai 2994 orang pengunjung yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah dan penduduk setempat telah mengunjungi pameran tersebut. Program sebegini diharap dapat mendekatkan masyarakat dengan fungsi dan peranan Arkib Negara Malaysia selain memberi pendedahan kepada mereka tentang sumbangan tokoh negarawan seperti Tunku Abdul Rahman.

Mobile Exhibition on the Special Collection of Tunku Abdul Rahman Putra (Maran, Pahang)

In conjunction with the Excellent Schools and Students Awards Programme, the National Archives of Malaysia was given the responsibility to hold an Exhibition on Premier Struggles towards Independence as well as on the Special Collection of YTM Tunku Abdul Rahman Putra. The exhibition was held over a period of two days on 27 and 28 April 2010, at the Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Maran, Pahang. An estimated 2,994 visitors made up of school children and local residents visited the exhibition. Through programmes of this nature it is hoped to acquaint society with the role and functions of the National Archives of Malaysia in addition to revealing to them about the contributions of eminent statesmen like Tunku Abdul Rahman.

Pameran Bergerak Koleksi Khas Tunku Abdul Rahman Putra (Pulau Pinang)

Majlis Perasmian Pelancaran Pameran Bergerak Koleksi Khas YTM Tunku Abdul Rahman Putra telah diadakan di Muzium Sejarah Melayu Pulau Pinang. Majlis yang diadakan dengan kerjasama Persatuan Kebudayaan dan Kesenian Melayu Negeri Pulau Pinang (PEMENANG) ini dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Pameran bergerak ini diadakan bersempena dengan sambutan ulang tahun kelahiran yang ke-72 Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri dan Hari Tapak Warisan Dunia Georgetown tahun 2010. Pameran Bergerak Koleksi Khas YTM Tunku Abdul Rahman Putra juga telah dibuka kepada orang ramai bermula 28 Julai 2010 sehingga 8 Ogos 2010 bertempat di Muzium Sejarah Melayu Pulau Pinang.

Mobile Exhibition on the Special Collection of Tunku Abdul Rahman Putra (Penang)

The official Launching Ceremony of the Mobile Exhibition on the Special Collection of YTM Tunku Abdul Rahman Putra was held at the Museum of Malay History in Penang. The ceremony organized with the co-operation of the Malay Culture and Arts Society of Penang (PEMENANG), was officiated by His Excellency Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Governor of Penang. The mobile exhibition was held in conjunction with the 72nd birthday of His Excellency the Governor and to celebrate World Heritage Sites Day – Georgetown, 2010. The Mobile Exhibition on the Special Collection of YTM Tunku Abdul Rahman Putra was also held at the Malay History Museum of Penang and was open to the public from 28 July 2010 to 8 August 2010.

Pameran Bergerak Koleksi Khas Tunku Abdul Rahman Putra Sempena Hari Malaysia (Sabah)

Sempena dengan sambutan Hari Malaysia pada 16 September yang lalu, pihak Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Arkib Cawangan Negeri Sabah telah mengadakan Pameran Koleksi Khas Tunku Abdul Rahman Putra di Padang Merdeka, Kota Kinabalu, Sabah. Pameran ini bermatlamat untuk memperingati jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh Tunku sehingga terbentuknya negara Malaysia seperti yang kita kenal pada hari ini. Selain itu, pameran ini juga memberi peluang kepada seluruh rakyat negeri Sabah, khasnya warga Kota Kinabalu untuk melihat dengan sendiri koleksi khas Tunku sekaligus mendekatkan mereka dengan institusi Arkib Negara itu sendiri. Pameran telah dihadiri oleh pelbagai lapisan masyarakat yang ingin mengetahui secara lebih dekat negarawan ulung ini.

Program Bicara Tokoh & Program Kembara Memorial 1Malaysia PLKN Kem Paya Indah, Dengkil (MTARP / MTHO)

Program Kembara 1Malaysia bertujuan untuk mendedahkan masyarakat terutama golongan remaja mengenali dan menghayati tokoh negarawan yang telah banyak berjasa kepada negara. Melalui program ini, orang ramai terutama

Mobile Exhibition on the Special Collection of Tunku Abdul Rahman Putra in conjunction with Malaysia Day (Sabah)

In conjunction with Malaysia Day celebrations on 16 September, the National Archives of Malaysia with the co-operation of the Sabah State Branch of the Archives organized an Exhibition on the Special Collection of Tunku Abdul Rahman Putra at the Padang Merdeka, Kota Kinabalu, Sabah. The objective of the exhibition was to remember the achievements and contributions of Tunku leading to the formation of the Malaysian nation as we know it today. Apart from that, the exhibition also gave an opportunity to the people of Sabah, in particular the townsfolk of Kota Kinabalu, to see for themselves Tunku's special collection whilst at the same time acquainting them with the institution of the National Archives itself. The exhibition was viewed by various levels of society who wished to know more closely about this eminent statesman.

Discussion Programme on Prominent Personalities and 1Malaysia Memorial Excursion Programme, National Service Training Centre (PLKN), Paya Indah Camp, Dengkil (MTARP / MTHO)

The 1Malaysia Excursion Programme is intended to get society, especially youth groups, to recognize and appreciate eminent statesmen who had contributed much to the nation. Through this programme, the public



Kumpulan pelatih PLKN sedang melihat kereta merdeka sempena Program Kembara Memorial 1Malaysia PLKN Kem Paya Indah, Dengkil pada 12 Mei 2010.

Group of trainees from National Service Training Centre viewing the Merdeka car in conjunction with the 1Malaysia Memorial Excursion Programme, National Service Training Centre, Paya Indah Camp, Dengkil, on 12 May 2010.

para pelajar dari pelbagai institusi dan sekolah akan dibawa melawat ke memorial dan pustaka yang ada di bawah pentadbiran Arkib Negara Malaysia. Pelbagai aktiviti akan diatur dan disediakan kepada kumpulan-kumpulan yang datang melawat di bawah program ini yang berkonsepkan penghayatan tokoh selaras dengan aspirasi 1Malaysia. Program Kembara 1Malaysia ini telah dimulakan dengan lawatan oleh kumpulan pelatih PLKN seramai 400 orang termasuk jurulatih dari Kem Paya Indah, Kampung Tanjung Dua Belas, Dengkil, Selangor. Memorial Tunku Abdul Rahman Putra dan Memorial Tun Hussein Onn telah dipilih sebagai lokasi bagi lawatan kali ini. Di antara aktiviti yang telah disediakan ialah Bicara Tokoh oleh YBhg Datuk Wira Borhan Md Yaman yang membicarakan mengenai kemerdekaan dan kuiz mengenai Tun Hussein Onn dan YTM Tunku Abdul Rahman Putra. Lawatan pada 12 Mei 2010 telah turut dihadiri oleh jurulatih PLKN yang diketuai oleh Mejar (B) Fahiruddin Mohamad Rashid, Timbalan Komandan Latihan, Kem Paya Indah, Dengkil, Selangor.

especially students from various institutes and schools will be brought to visit memorials and libraries under the administration of the National Archives of Malaysia. Various activities will be arranged and organized for visiting groups under the programme, based on the concept of appreciation of the personality, consistent with the aspirations of 1Malaysia. The 1Malaysia Excursion Programme began with a visit by 400 trainees including their instructors, from the National Service Training Centre at Paya Indah Camp, Kampung Tanjung Dua Belas, Dengkil, Selangor. Tunku Abdul Rahman Putra Memorial and the Tun Hussein Onn Memorial were selected as venues for the visit this time. Among the activities arranged were a Discussion Session on Prominent Personalities by Datuk Wira Borhan Md Yaman who discussed about independence and a Quiz programme on Tun Hussein Onn and YTM Tunku Abdul Rahman Putra. The visit on 12 May 2010 was attended by trainers from the National Service Training Centre, headed by Major (R) Fahiruddin Mohamad Rashid, Deputy Commandant of Training, Paya Indah Camp, Dengkil, Selangor.

Kembara Memorial 1Malaysia - Institut Kemahiran Belia Negara Bukit Mertajam, Pulau Pinang (MTARP / MTHO / GSP)

1Malaysia Memorial Excursion Programme – National Youth Skills Training Institute, Bukit Mertajam, Penang (MTARP / MTHO / GSP)

Program Kembara Memorial 1Malaysia telah diadakan oleh Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Memorial Tun Hussein

The 1Malaysia Memorial Excursion Programme was organized by the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial,



Pelajar Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) sedang berusaha mencari jawapan melalui aktiviti 'mencari harta karun' di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra yang diadakan sempena Program Kembara Memorial 1Malaysia pada 8 Mei 2010.

Students from the National Youth Skills Institutes (IKBN) were trying to find answer through the treasure hunt programme at Tunku Abdul Rahman Putra Memorial in conjunction with 1Malaysia Memorial Excursion Programme on 8 May 2010

Onn dan Galeria Sri Perdana sempena lawatan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Bukit Mertajam Pulau Pinang pada 8 Mei 2010. Kembara Memorial 1Malaysia ini telah dihadiri oleh 36 orang pelajar yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Pusat Sumber dan Majlis Perwakilan Pelajar serta 4 orang pegawai pengiring yang diketuai oleh Puan Ku Arfah Ku Othman, Pembantu Perpustakaan Kanan, Institut Kemahiran Belia Negara Bukit Mertajam. Melalui aktiviti 'mencari harta karun' yang disediakan oleh pihak arkib negarawan, para pelajar perlu meneliti setiap sudut pameran di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Memorial Tun Hussein Onn dan Galeria Sri Perdana. Ini membolehkan pelajar IKBN yang merupakan generasi muda mengenali setiap Perdana Menteri Malaysia yang telah banyak berjasa dan memberi sumbangan yang besar kepada negara.

Tun Hussein Onn Memorial and the Sri Perdana Gallery, in conjunction with a visit by the National Youth Skills Training Institute (IKBN), Bukit Mertajam, Penang, on 8 May 2010. The 1Malaysia Memorial Excursion was attended by 36 students made up of Members of the Resource Centre Committee and Students Representative Council together with 4 accompanying officials headed by Mrs. Ku Arfah Ku Othman, Senior Library Assistant, of the National Youth Skills Training Institute, Bukit Mertajam. Through a 'treasure hunt' activity organized by archives officers, the students were made to examine every corner of the exhibitions at the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial, Tun Hussein Onn Memorial and the Sri Perdana Gallery. This enabled the students of the Institute, who represented the younger generation, to know about each and every Prime Minister of Malaysia, who had achieved much and contributed greatly to the nation.

Program Kembara Memorial 1Malaysia SMK Kamarul Ariffin, Labis, Johor (PPA / MTAR)

Program Kembara 1Malaysia kali ini diteruskan lagi dengan lawatan oleh kumpulan pelajar daripada SMK Kamarul Ariffin, Labis, Johor pada 8 Jun 2010. Rombongan ini terdiri daripada 72 orang pelajar dan 8 orang guru pengiring dan diketuai oleh Encik Hamri Hashim iaitu Guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum. Pustaka Peringatan

1Malaysia Memorial Excursion Programme – SMK Kamarul Ariffin, Labis, Johor (PPA / MTAR)

The 1Malaysia Memorial Excursion Programme was continued on this occasion by a visit by students from SMK Kamarul Ariffin, Labis, Johor, on 8 June 2010. The delegation was made up of 72 students and 8 accompanying teachers headed by Mr. Hamri Hashim, Senior Assistant, Co-curriculum. The Civil Service Memorial



Pelajar SMK Kamarul Ariffin, Labis, Johor sedang melihat dokumen yang dipamerkan sempena Program Kembara Memorial 1Malaysia di Pustaka Peringatan Awam pada 27 Februari 2010.

Students from SMK Kamarul Ariffin, Labis, Johor viewing the displayed documents in conjunction with 1Malaysia Memorial Excursion Programme at Civil Service Memorial Library on 27 February 2010.

Awam dan Memorial Tun Abdul Razak telah dipilih sebagai lokasi bagi program Kembara Memorial kali ini. Bagi tujuan penghayatan dan memeriahkan lagi program ini, pihak Pustaka Perkhidmatan Awam dan Memorial Tun Abdul Razak telah mengadakan taklimat dan kuiz berkumpulan bagi pelajar tersebut.

Library and the Tun Abdul Razak Memorial were chosen as the venues for the Memorial Excursion Programme this time. In order to encourage appreciation and to enliven the programme, staff of the Civil Service Memorial Library and the Tun Abdul Razak Memorial held briefings and organized group quiz sessions for the students.

Kembara Memorial 1Malaysia Kafa Integrasi Darul Syuhada, Sungai Buluh, Selangor (MTARP)

1Malaysia Memorial Excursion – Kafa Integrasi Darul Syuhada, Sungai Buluh, Selangor (MTARP)

Kembara Memorial 1Malaysia telah diadakan oleh Memorial Tunku Abdul Rahman Putra sempena lawatan Kafa Integrasi Darul Syuhada, Sungai Buluh, Selangor pada

1Malaysia Memorial Excursion was organized by Tunku Abdul Rahman Putra Memorial in conjunction with a visit by Kafa Integrasi Darul Syuhada, Sungai Buluh, Selangor,



Murid-murid Kafa Integrasi Darul Syuhada, Sungai Buluh tertarik dengan replika keris Hang Tuah yang dipamerkan di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra ketika lawatan sempena Program Kembara Memorial 1Malaysia pada 27 Februari 2010. Replika Keris tersebut dihadiahkan oleh Kaum Ibu UMNO Melaka kepada YTM Tunku Abdul Rahman Putra pada 20 Februari 1956 di Padang Banda Hilir, Melaka.

Pupils from Kafa Integrasi Darul Syuhada, Sungai Buluh impressed with the replica Hang Tuah Kris displayed at Tunku Abdul Rahman Putra Memorial while visiting in conjunction with 1Malaysia Memorial Excursion Programme on 27 February 2010. The kris replica presented by 'Kaum Ibu' Malacca UMNO to YTM Tunku Abdul Rahman Putra on 20 February 1956 at Padang Banda Hilir, Malacca.

27 Februari 2010. Program Kembara Memorial 1Malaysia ini telah dihadiri oleh 121 orang murid-murid tahun 5 dan 6 dan diiringi oleh 17 orang guru yang diketuai oleh Encik Mohd Najib Ali, Ketua Guru, Kafa Integrasi Darul Syuhada. Kembara Memorial 1Malaysia ini adalah untuk mendedahkan kepada murid-murid untuk mengetahui sejarah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu dan mengenali tokoh negarawan negara iaitu YTM Tunku Abdul Rahman Putra agar generasi muda ini dapat menghargai dan mengenang jasa-jasa pemimpin-pemimpin terdahulu yang berjuang untuk kemerdekaan tanah air serta menerapkan semangat patriotisme di dalam diri mereka.

on 27 February 2010. The 1Malaysia Memorial Excursion Programme was attended by 121 students from years 5 and 6, accompanied by 17 teachers headed by Mr. Mohd. Najib Ali, Head Teacher, Kafa Integrasi Darul Syuhada. The 1Malaysia Memorial Excursion was intended to expose students to the need to know about the eminent national statesman YTM Tunku Abdul Rahman Putra, so that the younger generation will appreciate and remember the achievements of past leaders who struggled for the country's independence and at the same time allow a spirit of patriotism to permeate them.

Kembara Memorial 1Malaysia - Persatuan Penduduk Perumahan KTMB Bangsar Utama, Kuala Lumpur (MTARP / MTHO)

Program Kembara Memorial 1Malaysia telah diadakan di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra dan Memorial Tun Hussein Onn sempena lawatan Persatuan Penduduk Perumahan KTMB Bangsar Utama, Kuala Lumpur pada 11 April 2010. Kembara Memorial 1Malaysia ini terdiri daripada 100 peserta yang diketuai oleh Encik Md. Ami Dalail, Setiausaha Persatuan Penduduk Perumahan KTMB Bangsar Utama. Program kembara dari Persatuan Penduduk KTMB Bangsar Utama ini terdiri daripada pelbagai peringkat umur iaitu kanak-kanak, remaja, dewasa, golongan ibubapa dan warga emas. Bagi memupuk semangat 1Malaysia antara ahli persatuan ini yang juga terdiri dari pelbagai kaum, pihak memorial telah menyediakan aktiviti 'mencari harta karun' berdasarkan bahan pameran yang terdapat di dewan pameran Memorial Tunku Abdul Rahman Putra dan Memorial Tun Hussein Onn.

1Malaysia Memorial Excursion – KTMB (Malayan Railway) Housing Residents Association, Bangsar Utama, Kuala Lumpur (MTARP / MTHO)

A 1Malaysia Memorial Excursion Programme was held at the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial and the Tun Hussein Onn Memorial, in conjunction with a visit by KTMB Housing Residents Association, Bangsar Utama, Kuala Lumpur, on 11 April 2010. The 1Malaysia Memorial Excursion was made up of 100 participants led by Mr. Md. Ami Dalail, Secretary of the KTMB Housing Residents Association, Bangsar Utama. The excursion programme of this Residents Association was made up of various age groups including children, youths, adults, parents and senior citizens. To foster the spirit of 1Malaysia among members of the association, who included various communities, staff of the Memorial prepared a 'treasure hunt' activity based on exhibits found in the exhibition halls of the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial and the Tun Hussein Onn Memorial.



Seorang ayah sedang berbincang soalan kuiz dengan anak-anaknya dalam aktiviti 'mencari harta karun' yang diadakan sempena Program Kembara Memorial 1Malaysia Persatuan Penduduk Perumahan KTMB Bangsar Utama, Kuala Lumpur pada 11 April 2010.

A father discussing quiz questions with his children during treasure hunt programme held in conjunction with 1Malaysia Memorial Excursion Programme, KTMB Housing Residents Association, Bangsar Utama, Kuala Lumpur on 11 April 2010.

Kembara Memorial 1Malaysia Pejabat Pelajaran Daerah Bangsar – Pudu (MTARP)

Program Kembara Memorial 1Malaysia merupakan satu program khas yang julung kalinya diadakan secara usahasama antara Arkib Negara Malaysia, Pejabat Pelajaran Daerah Bangsar-Pudu dan Majlis Guru Cemerlang Sejarah JPWPKL. Suasana meriah terserlah sempena Program Kembara Memorial: 1Malaysia yang berlangsung seawal pukul 7.00 pagi pada 05 Ogos 2010. Ia berjaya mengumpulkan seramai 303 orang murid dan guru seluruh sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Program ini secara rasionalnya bukan sahaja dapat menerapkan nilai-nilai patriotisme dalam diri pelajar, bahkan ia mampu menyemai semangat

1Malaysia Memorial Excursion – District Education Office Bangsar-Pudu (MTARP)

The 1Malaysia Memorial Excursion Programme was a special programme held for the first time as a joint venture involving the National Archives of Malaysia, the District Education Office Bangsar-Pudu and the Outstanding History Teachers' Council of the Education Department, Federal Territory of Kuala Lumpur (JPWKL). An air of merriment was clearly visible in connection with the 1Malaysia Memorial Excursion Programme which began as early as 7.00 a.m. on 5 August 2010. It succeeded in gathering 303 students and teachers from all schools under the Education Department for the Federal Territory of Kuala Lumpur. The programme not only instills patriotic



Pelajar sedang menjawab soalan kuiz sempena Program Kembara Memorial 1Malaysia Pejabat Pelajaran Daerah Bangsar-Pudu yang diadakan di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra pada 5 Ogos 2010.

Students answering quiz questions in conjunctions with 1Malaysia Memorial Excursion District Education Office Bangsar-Pudu held at Tunku Abdul Rahman Putra Memorial on 5 August 2010.

setiakawan, bekerjasama, bijak membuat keputusan selain berpeluang mengenali tokoh negarawan secara lebih dekat di luar perspektif skop buku teks dan pembelajaran formal.

values in the student but is also capable of implanting a spirit of oneness, co-operation and an ability to make decisions apart from the opportunity to be acquainted more closely with eminent statesmen, outside the scope of text books and formal learning.

Pameran Kereta Merdeka Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-53

Pameran Kereta Merdeka telah diadakan di Perlis pada 1 Ogos 2010 bersempena dengan Perasmian Program Bulan Kemerdekaan yang ke-53. Ia juga telah diadakan di Stesyen LRT, Bukit Jalil dengan kerjasama RAPID KL pada 15 Ogos hingga 25 September 2010. Pameran ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat melihat secara dekat kenderaan yang telah dinaiki oleh Tunku Abdul Rahman selepas rombongan kemerdekaan tiba dari London. Kenderaan yang penuh bersejarah ini diharap mampu memupuk semangat cintakan negara di kalangan semua lapisan masyarakat negara ini dan membuatkan semua rakyat menghargai nikmat kemerdekaan yang telah diperolehi selama ini.

Lawatan Ybhg. Dato' Harris Onn Tun Hussein (MTHO)

Tanggal 11 Mac 2010 (Khamis) pada jam 2.30 petang YBhg Dato' Harris Onn Tun Hussein iaitu anak kepada Allahyarham Tun Hussein Onn telah datang melawat ke Memorial Tun Hussein Onn. Lawatan YBhg Dato' Harris

Exhibition of the Merdeka Car in conjunction with the 53rd Independence Month Celebrations

An exhibition featuring the Merdeka car was held in Perlis on 1 August 2010 in conjunction with the Launch of the 53rd Independence Month Celebrations. It was also held at the Bukit Jalil LRT Station with the co-operation of RAPID KL, from 15 August to 25 September 2010. The exhibition was intended to provide an opportunity for all levels of society to view at close range, the vehicle used by Tunku Abdul Rahman, after the independence delegation returned from London. It is hoped that the historical vehicle would instill a spirit of love for the nation, amongst all levels of society and make the people value the joys of independence derived so far.

Visit by Dato' Harris Onn Tun Hussein (MTHO)

At 2.30 p.m. on 11 March 2010 (Thursday), Dato' Harris Onn Tun Hussein, son of the late Tun Hussein Onn, paid a visit to the Tun Hussein Onn Memorial. His visit to the Memorial, accompanied by his personal assistant Miss



YBhg. Dato' Harris Onn Tun Hussein iaitu anak kepada Allahyarham Tun Hussein Onn melawat ke Memorial Tun Hussein Onn pada 11 Mac 2010. Mengiringi bersama ialah Penolong Pegawai Arkib Kanan, Puan Che Rehan Harun.

Ybhg. Dato' Harris Onn Tun Hussein, son of the late Tun Hussein Onn visiting the Tun Hussein Onn Memorial on 11 March 2010. Accompanying him is Senior Assistant Archivist, Mrs Che Rehan Harun

Onn ditemani oleh pembantu peribadinya iaitu Cik Jeniffer ke Memorial ini merupakan lawatan peribadi yang lebih menjurus kepada kekeluargaan. Lawatan berakhir pada jam 4.30 petang dengan penyampaian cenderamata buku terbitan Arkib Negara Malaysia sebagai tanda kenangan kepada YBhg Dato' Harris Onn atas kesudian beliau meluangkan masa melawat Memorial Tun Hussein Onn. Hasil dari lawatan itu juga beliau terus memberi kepercayaan kepada Arkib Negara Malaysia khasnya Bahagian Arkib Negarawan dengan menyerahkan beberapa bahan untuk dipelihara dan disimpan sebagai rujukan orang ramai.

Jeniffer, was a personal visit reflecting more towards family ties. The visit ended at 4.30 p.m. with the presentation of a souvenir publication of the National Archives of Malaysia, as a memento to Dato' Harris Onn for his willingness to spare time to visit the Tun Hussein Onn Memorial. An outcome of the visit was his expression of confidence in the National Archives of Malaysia, and in particular the Statesmen Archives Division, through the presentation of several materials for retention and preservation as reference material for the public.

Lawatan TYT Pulau Pinang (MTARP)

Visit by His Excellency the Governor of Penang (MTARP)

Pada 5 Oktober yang lalu, Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, telah berkenan melawat ke Memorial Tunku Abdul Rahman Putra. Lawatan ini yang bermula pada pukul 10.00 pagi dimulakan dengan lawatan ke Pameran Tunku dan Kemerdekaan serta Pameran Biografi Tunku. Lawatan Tun Dato' Seri

On 5 October last, His Excellency the Governor of Penang, Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, consented to a visit to the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial. The visit which began at 10.00 a.m. commenced with a visit to the exhibition on Tunku and Independence as well as the exhibition on the Biography of Tunku. During the visit by Tun Dato' Seri Utama (Dr.)



Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil mengiringi Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, TYT Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas melihat pameran Tunku Abdul Rahman Putra semasa lawatan TYT Tun ke Memorial Tunku Abdul Rahman Putra pada 5 Oktober 2010.

Director-General National Archives of Malaysia, Ybgh. Dato' Haji Sidek Haji Jamil accompany The Governor of Penang, His Excellency Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, viewing exhibition on Tunku Abdul Rahman Putra during H.E. Tun's visit to the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial on 5 October 2010.

Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas juga turut diiringi oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg Dato' Haji Sidek Haji Jamil, Timbalan Ketua Pengarah, Dr. Hajah Samsiah Muhamad dan pegawai-pegawai kanan Arkib Negara Malaysia. Rombongan lawatan turut dibawa ke Pameran Konsep dan Falsafah Tunku, Pameran Pejabat Lama Tunku dan berakhir di Residensi. Lawatan tersebut berakhir kira-kira pukul 12.30 tengah hari. Lawatan ini merupakan lawatan peribadi Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang memandangkan Almarhum Tunku adalah seorang tokoh negarawan yang amat dikenalnya.

Majlis Pelancaran Program Tun Abdul Razak: Bapa Pembangunan – Suatu Pengkisahan (MTAR)

Majlis Pra Pelancaran Program Tun Abdul Razak Bapa Pembangunan – Suatu Pengkisahan ini telah diadakan di Dewan Tun Rahah, Memorial Tun Abdul Razak. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Haji Sidek Haji Jamil, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. Sesi penyerahan bahan mengenai Allahyarham Tun Abdul Razak kepada Arkib Negara Malaysia oleh YBhg Datuk Zakaria bin Dato' Ahmad, bekas Setiausaha Sulit Allahyarham Tun Abdul

Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, he was accompanied by the Director-General of the National Archives of Malaysia, Dato' Haji Sidek Haji Jamil, Deputy Director-General, Dr. Hajah Samsiah Muhamad and senior officers of the National Archives of Malaysia. The group was also brought to the exhibition on the Concepts and Philosophy of Tunku, the exhibition featuring the Old Office of Tunku and ended at the Residency. The visit ended at approximately 12.30 p.m. The visit represented a personal visit by His Excellency the Governor of Penang, considering the fact that the late Tunku was an eminent statesman well known to him.

Launching Ceremony of the Programme 'Tun Abdul Razak: Father of Development – A Narration' (MTAR)

A Pre-Launch Ceremony of the Programme 'Tun Abdul Razak; Father of Development – A Narration', was held at the Tun Rahah Hall, Memorial Tun Abdul Razak. The ceremony was officiated by Dato' Haji Sidek Haji Jamil, Director-General of the National Archives of Malaysia. The presentation to the National Archives of Malaysia, of material pertaining to the late Tun Abdul Razak by Datuk Zakaria bin Dato' Ahmad, former Private Secretary to the



YBhg. Datuk Zakaria Dato' Ahmad, bekas Setiausaha Allahyarham Tun Abdul Razak sedang menyerahkan bahan mengenai Allahyarham Tun Abdul Razak kepada Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil untuk simpanan dan rujukan di Arkib Negara Malaysia di Majlis Pra Pelancaran Program Tun Abdul Razak Bapa Pembangunan – Suatu Pengkisahan pada 14 Julai 2010.

YBhg. Datuk Zakaria Dato' Ahmad, former Private Secretary to the late Tun Abdul Razak presenting materials on the late Tun Abdul Razak to the Director-General National Archives of Malaysia, YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil for preservation and reference in the National Archives of Malaysia during the Pre-Launching Programme on Tun Abdul Razak 'Father of Development' – A Narration, on 14 July 2010.

Razak telah diadakan sempena majlis tersebut. Majlis ini telah dihadiri oleh ramai tetamu kenamaan antaranya YBhg Tan Sri Dato' Sabbaruddin Chik, Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd Yunus, Dato' S. Subramaniam serta tetamu jemputan lain dan pelajar-pelajar.

Pameran Sempena Program “Tun Abdul Razak Bapa Pembangunan – Suatu Pengkisahan” (PICC)

Pada 28 Julai yang lalu, pihak Bahagian Arkib Negarawan turut terlibat dengan pengisian pameran berkenaan Tun Abdul Razak dengan kerjasama pihak Orlaith Inc. Sdn. Bhd. Pameran yang diadakan bersempena dengan Program “Tun Abdul Razak Bapa Pembangunan – Suatu Pengkisahan” diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 28 Julai 2010.

Majlis Perasmian Malaysia Contemporary Arts Tourism Festival (GSP)

Majlis Perasmian Malaysia Contemporary Arts telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhiyiddin Yassin di Galeria Sri Perdana pada 3.7.2010. Program ini merupakan kerjasama antara Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dengan Kementerian Perlindungan Malaysia. Sempena dengan Festival ini pameran koleksi Aliya dan Farouk Khan bertemakan Negaraku: Nationalism & Patriotism in Malaysian Contemporary Art telah diadakan di ruang pameran sementara Galeria Sri Perdana mulai 3 Julai 2010 hingga 30 September 2010.

Majlis Resepsi Jamuan sempena ‘Malaysia Contemporary Arts Tourism Festival’ (GSP)

Sempena ‘Malaysia Contemporary Arts Tourism Festival’ Kementerian Pelancongan Malaysia telah mengadakan satu majlis resepsi jamuan yang bertemakan ‘The Influence of Mahathirism on Contemporary Arts’ bertempat di Ruang Pameran Sementara Galeria Sri Perdana pada 28 Julai 2010. Ianya bertujuan untuk memperkenalkan dan memberi pemahaman mengenai ‘Contemporary Arts’ kepada orang awam khususnya warga asing yang tinggal di Malaysia, Ketua-ketua Jabatan, Ahli Korporat, Agensi Pengiklanan, Pengusaha Bank, Pengusaha Hotel dan Media. Selain dari itu majlis ini juga bertujuan untuk mempromosikan Galeria Sri Perdana kepada orang awam dan pelancong asing.

late Tun Abdul Razak, was held in conjunction with this ceremony. The event was attended by many notable guests including, Tan Sri Dato' Sabbaruddin Chik, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, Dato' S. Subramaniam together with other guests and students.

Exhibition in conjunction with the Programme ‘Tun Abdul Razak: Father of Development – A Narration’ (PICC)

On 28 July last, the Statesmen Archives Division was involved with setting up an exhibition on Tun Abdul Razak in collaboration with Orlaith Inc. Pte. Ltd. The exhibition held in conjunction with the Programme ‘Tun Abdul Razak: Father of Development – A Narration’, was held at the Putrajaya International Convention Centre (PICC) on 28 July 2010.

Opening Ceremony ‘1Malaysia Contemporary Arts Tourism Festival’ (GSP)

The Opening Ceremony of 1Malaysia Contemporary Arts was officiated by the Deputy Prime Minister, Tan Sri Muhiyiddin Yassin at the Sri Perdana Gallery on 3.7.2010. The Programme represented collaboration between the Ministry of Information, Communications and Culture with the Ministry of Tourism Malaysia. In conjunction with this Festival, an exhibition with the theme, ‘Negaraku: Nationalism and Patriotism in Malaysian Contemporary Art’, featuring the collection of Aliya and Farouk Khan, was held at the temporary exhibition area of Sri Perdana Gallery, from 3 July 2010 to 30 September 2010.

Reception in conjunction with ‘1Malaysia Contemporary Arts Tourism Festival’ (GSP)

In conjunction with the ‘1Malaysia Contemporary Arts Tourism Festival’, the Ministry of Tourism Malaysia held a reception ceremony themed ‘The Influence of Mahathirism on Contemporary Arts’, at the temporary exhibition area of Sri Perdana Gallery on 28 July 2010. Its aim was to introduce and provide an understanding of ‘Contemporary Arts’ to the public and in particular to foreigners residing in Malaysia, Heads of Departments, Corporate Members, Advertising Agencies, Bankers, Hoteliers and the Media. Apart from that, the event was also to promote the Sri Perdana Gallery to the public and foreign tourists.

Majlis Pelancaran Pameran “Tunku & The Star” (MTARP)

Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama pihak Star Publications (M) Berhad telah mengadakan Majlis Pelancaran Pameran “Tunku & The Star” bertempat di aras 3, Memorial Tunku Abdul Rahman Putra. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YB Dato’ Seri

Launching Ceremony of the Exhibition, ‘Tunku & The Star’ (MTARP)

The National Archives of Malaysia with the co-operation of Star Publications (M) Berhad, held a Launching Ceremony for the Exhibition ‘Tunku & The Star’, at Level 3, Tunku Abdul Rahman Putra Memorial. The launching ceremony was officiated by the Hon. Dato’ Seri Utama Dr. Rais Yatim, Minister of Information, Communications and



Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia, Yb Dato’ Seri Utama Dr. Rais Yatim sedang menandatangani plak Pelancaran Pameran ‘Tunku & The Star’ bertempat di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra pada 15 Disember 2010.

Minister of Information, Communications and Culture Malaysia, the Hon. Dato’ Seri Utama Rais Yatim signing the plaque to launch the Exhibition ‘Tunku & The Star’ at the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial on 15 December 2010.

Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. Antara tetamu kenamaan yang turut hadir pada majlis ini ialah YBhg Dato’ Sri Kamaruddin Siaraf, Ketua Setiausaha KPKK, YBhg Datin Linda Ngiam, Pengarah Urusan Kumpulan / Ketua Pegawai Eksekutif Star Publications (M) Berhad, Tan Sri Datuk Seri Kamal Mohamed Hashim Pengarah Eksekutif Star Publications (M) Berhad, Ketua-ketua Agensi KPKK, serta ahli keluarga dan kenalan kepada Almarhum Tunku. Pameran ini adalah sumbangan sepenuhnya oleh Star Publications (M) Berhad sebagai menghargai ketokohan dan sumbangan YTM Tunku Abdul Rahman Putra sebagai negarawan ulung

Culture Malaysia. Among the dignitaries who attended the ceremony were Dato’ Sri Kamaruddin Siaraf, Secretary-General of the Ministry of Information, Communications and Culture, Datin Linda Ngiam, Group Managing Director / Chief Executive Officer of Star Publications (M) Berhad, Tan Sri Datuk Seri Kamal Mohamed Hashim, Executive Director of Star Publications (M) Berhad, Heads of Agencies under the Ministry of Information, Communications and Culture as well as family members and acquaintances of the late Tunku. The exhibition was totally furnished by Star Publications (M) Berhad in recognition of the prominence and contributions of

negara di samping penglibatan Almarhum sebagai Pengerusi pertama syarikat akhbar tersebut. Pameran “Tunku & The Star” ini merupakan sebahagian daripada pameran tetap dan memaparkan mengenai perjuangan dan usaha Tunku bagi menuntut kemerdekaan Negara 53 tahun yang lalu. Segala komitmen, pengorbanan serta perhubungan beliau dengan rakyat dan media, terutamanya dengan The Star digambarkan melalui gambar-gambar dan artikel-artikel yang dipamerkan di sini.

YTM Tunku Abdul Rahman Putra as an eminent national statesman in addition to his involvement as the first Chairman of the newspaper firm. The exhibition ‘Tunku & The Star’ represented a portion of the permanent exhibition and displayed Tunku’s struggles and efforts to win the nation’s independence 53 years ago. All his commitments, sacrifices as well his relationship with society and the media, especially the Star, were portrayed through photographs and articles exhibited.

CAWANGAN-CAWANGAN NEGERI
States Branches

Cawangan-cawangan Negeri State Branches

PROFIL

Arkib Negara Malaysia mempunyai 9 cawangan seperti berikut :

1. Cawangan Negeri Johor/Melaka/Negeri Sembilan
2. Cawangan Negeri Kedah dan Perlis
3. Cawangan Negeri Terengganu
4. Cawangan Negeri Sarawak
5. Cawangan Negeri Sabah
6. Cawangan Negeri Kelantan
7. Cawangan Negeri Pulau Pinang
8. Cawangan Negeri Perak
9. Cawangan Negeri Pahang

Berikutan penstrukturan semula Jabatan berkuatkuasa 1 Februari 2009, Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri masih kekal kepada 9 buah bagaimanapun terdapat pertukaran dari segi pentadbiran di mana Cawangan Johor kini dikenali sebagai Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor/Melaka/Negeri Sembilan. Ini bermakna Cawangan ini mentadbir tiga buah negeri di selatan Semenanjung Malaysia iaitu Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Penstrukturan ini juga melihat Arkib Negara Malaysia turut mempunyai sebuah lagi cawangan dikenali sebagai Cawangan Pahang.

Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri bertanggungjawab menjalankan tugas yang sama seperti yang dijalankan di Ibu Pejabat Kuala Lumpur. Bezanya ialah program/aktiviti yang dilaksanakan oleh Pejabat-Pejabat Cawangan Negeri adalah dalam skala yang lebih kecil selari dengan peruntukan yang ada dan tenaga kerja yang kecil berbanding dengan Ibu Pejabat.

Secara umumnya, kerja-kerja utama Pejabat-pejabat Cawangan Negeri adalah berkaitan dengan pengurusan rekod dan arkib selaras dengan kehendak Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629). Kerja-kerja ini merangkumi aktiviti-aktiviti seperti membuat lawatan ke agensi-agensi Kerajaan untuk memberi khidmat nasihat pengurusan rekod/arkib, membuat penilaian rekod, memproses rekod, membuat pemeliharaan rekod/arkib melalui proses pengawetan dan penjilidan serta membantu orang ramai dalam membuat rujukan ke atas bahan dalam simpanan.

Dalam pada itu Pejabat-pejabat Cawangan Negeri juga turut aktif dalam melaksanakan aktiviti pengembangan sebagai tambahan kepada kerja-kerja utamanya.

PROFILE

The National Archives of Malaysia has 9 branches as follows:

- 1. Johor/Malacca/Negeri Sembilan Branch*
- 2. Kedah and Perlis Branch*
- 3. Terengganu Branch*
- 4. Sarawak Branch*
- 5. Sabah Branch*
- 6. Kelantan Branch*
- 7. Penang Branch*
- 8. Perak Branch*
- 9. Pahang Branch*

Following the restructuring of the Department with effect from 1 February 2009, the State Branches of the National Archives of Malaysia remained at 9, although there was an administrative change whereby the Johor Branch, came to be known as the National Archives of Malaysia, Johor / Malacca / Negeri Sembilan Branch. This meant that the Branch administered three states in the southern part of Peninsular of Malaysia, namely Johor, Malacca and Negeri Sembilan. This restructuring also saw the addition of another Branch to the National Archives of Malaysia, known as the Pahang Branch.

The State Branches of the National Archives of Malaysia are responsible for carrying out functions similar to those of the headquarters in Kuala Lumpur. The difference is in that the programs / activities conducted by the State Branch offices are on a smaller scale in line with their smaller allocations and manpower, compared to that of headquarters.

In general, the principle functions of the State Branch offices are related to records and archives management in accordance with the requirements of the National Archives Act 2003 (Act 629). The responsibilities include activities such as visiting government agencies to provide advisory services on records / archives management, appraisal of records, processing of records, preservation of records / archives through conservation and binding, and assisting the public in referring to materials in their holdings.

In addition to their principal activities, the State Branch offices are also active in implementing outreach programmes.

Aktiviti ini merangkumi mengadakan pameran-pameran bertemakan sejarah sebagai satu langkah menghebah dan memasyarakatkan bahan arkib kepada orang ramai. Program pendokumentasian juga merupakan satu lagi aktiviti pengembangan penting yang dilaksanakan oleh Pejabat-pejabat Cawangan Negeri. Ini termasuklah kerja-kerja mengadakan sesi Pengkisahan Sejarah, Bicara Sejarah, wawancara dengan tokoh-tokoh untuk mendapatkan maklumat pening di bawah program Sejarah Lisan dan projek membuat rakaman gambar ke atas peristiwa penting/bersejarah serta tempat dan bangunan bersejarah. Program/aktiviti ini kebanyakannya dilaksanakan secara bekerjasama dengan agensi-agensi lain.

Pejabat-pejabat Cawangan Negeri sering menerima undangan daripada agensi-agensi Kerajaan lain untuk mendapatkan bantuan dan kerjasama di dalam kerja pengembangan dan pendokumentasian ini dari semasa ke semasa. Melalui kerjasama seperti ini pejabat-pejabat Cawangan Negeri dapat membina jaringan kerjasama dan persahabatan dengan agensi-agensi lain. Dengan cara ini juga, akan dapat membantu dan memudahkan pegawai-pegawai di Pejabat-pejabat Cawangan Negeri melaksanakan tugas mereka.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Sepanjang tahun 2010, Cawangan-cawangan Negeri telah dapat melaksanakan pelbagai program dan aktiviti dengan jayanya.

These activities include organizing exhibitions with historical themes, as a means of publicizing and assimilating archival material with the general public. Documentation programmes are another of the important outreach activities undertaken by the State Branch offices. This includes organising Narration of History sessions, Discussions on History, interviews with prominent personalities to obtain important information under the Oral History program and photographic recording of historical/important events, places and buildings. Many of these programmes are held in collaboration with other agencies

The State Branch offices often receive requests from other government agencies for assistance and co-operation in their outreach programmes and documentation work. Through the extension of such co-operation, State Branch offices are able to develop a network of co-operation and friendship with other agencies. This in turn also assists and facilitates officers of the State Branches in carrying out their duties.

ACTIVITIES ACCOMPLISHED ANNUALLY

Throughout the year 2010, the State Branches executed successfully various programmes and activities.



Para peserta Kursus Jilidan Halus Bil. 4/2010 bergambar bersama pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah. Kursus telah berlangsung dari 19 hingga 24 Julai 2010 di Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah

Group photograph of participants of the Course on Fine Binding No. 4/2010 with archivist and staff National Archives of Malaysia, Sabah Branch. The Course ran from 19 to 24 July 2010 at the National Archives of Malaysia, Sabah Branch.



Bergambar selepas Majlis Pengkisahan Sejarah Institut Pendidikan Guru (IPG) Keningau, Sabah. Dari kiri Encik Mohd Firdaus Abdul Salam (Pengerusi), Encik Shahlin Ali (Pengarah Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah), Tuan Haji Jikal Gabie (Tokoh Pengkisah), Puan Lim Sai Kiow @ Penny Lim (Pengarah IPG Kampus Keningau), YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Tan Sri Suffian Koroh (bekas Ketua Menteri Sabah) dan isteri YBhg. Puan Sri Mariaty Koroh, Puan Hajah Aminah Haji Musally (Tokoh Pengkisah) dan Tuan Haji Mohd Darus Jamian (Tokoh Pengkisah).

Photograph taken after the Narration of History Session on Teacher's Training Institute (IPG), Keningau, Sabah. From left: Mr Mohd. Firdaus Abdul Salam (Chairman), Mr. Shahlin Ali (Director, National Archives of Malaysia, Sabah Branch), Tuan Haji Jikal Gabie (Narrator), Mrs. Lim Sai Kiow @ Penny Lim (Director IPG Keningau Campus), YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil, Director-General National Archives of Malaysia, YBhg. Tan Sri Suffian Koroh (former Chief Minister of Sabah) and wife YBhg. Puan Sri Mariaty Koroh, Mrs. Hajah Aminah Haji Musally (Narrator) and Tuan Haji Mohd. Darus Jamian (Narrator).

Khidmat Nasihat Pengurusan Rekod

Taklimat Pengurusan Rekod adalah bertujuan untuk memberi nasihat kepakaran ke arah meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang kepentingan dan cara-cara pengurusan rekod secara betul dan sistematik di kalangan agensi-agensi Kerajaan. Sebanyak 302 taklimat/lawatan pengurusan rekod telah diberikan kepada agensi-agensi Kerajaan dan Pejabat-pejabat Cawangan Negeri.

Pengumpulan dan Pemeliharaan Warisan

Ulangkaji rekod di jabatan-jabatan kerajaan perlu dijalankan bagi memastikan hanya rekod-rekod yang bernilai sahaja yang disimpan. Tindakan ini bagi memastikan tiada pembaziran masa, kos ruang simpan dan tenaga menguruskan rekod-rekod yang tidak lagi bernilai disamping dapat mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan di jabatan-jabatan kerajaan. Bagi tahun 2010, sebanyak 61,973 unit fail (rekod) telah berjaya dibuat ulangkaji senarai dan 331.25 meter panjang fail

Expert Advisory Services

Records Management briefings are intended to provide expert advice with a view to increasing awareness and understanding of the importance of proper and systematic records management in government agencies. A total of 302 records management briefings / visits were conducted in government agencies and State Branch Offices.

Collecting and Preserving Heritage

It is necessary to undertake review of records in government departments to ensure that only records of value were retained. This course of action ensures that there is no wastage of time, storage space costs and manpower in managing records that are no longer of value, whilst at the same time improving the service delivery system in government departments. In 2010, a total of 61,973 files (records), were reviewed based on lists and 331.25 linear metres of files (records) were physically reviewed. Processing

(rekod) dibuat ulangkaji fizikal. Pemprosesan bahan di Cawangan-cawangan Negeri turut giat dijalankan. Cawangan-cawangan Negeri telah berjaya memproses/membersih sebanyak 314.56 meter panjang fail (rekod). Jumlah fail (rekod) yang diterima oleh Cawangan-cawangan Negeri sepanjang tahun 2010 ialah 503.08 meter panjang.

of material was actively pursued by the State Branches and a total of 314.56 linear metres of files (records) were processed / cleaned. A total of 503.08 linear metres of files (records) were received by the State Branches in 2010.



Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, TYT Tun Dato' Seri Utama Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas melihat koleksi khas YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Dato' Haji Sidek bin Haji Jamil memberikan penerangan mengenai koleksi berkaitan.

The Governor of Penang, His Excellency Tun Dato' Seri Utama Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas viewing the special collection of YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Director-General National Archives of Malaysia, Dato' Haji Sidek Haji Jamil explaining about the collection.

Pemeliharaan bahan-bahan yang rosak dan uzur dilakukan bagi memastikan bahan-bahan tersebut dapat disediakan bagi kegunaan para penyelidik. Pemeliharaan dibuat melalui proses pembaikan, pengawetan dan penjilidan. Sebanyak 1,395 bahan telah berjaya dijilid dan 8,967 helai bahan telah dibuat pengawetan.

The preservation of damaged and fragile material was undertaken to ensure that they would be available for use by researchers. Preservation was done through processes of repair, conservation and binding. A total of 1,395 items of material were bound and conservation work done on 8,967 pieces.

Memasyarakatkan Bahan Warisan

Kemudahan Penyelidikan turut disediakan di Pejabat-pejabat Cawangan Negeri. Kemudahan ini bagi memastikan bahan warisan yang dikumpul dan dipelihara dapat digunakan oleh para penyelidik yang jauh dari Ibu Pejabat Arkib Negara di Kumpul Lumpur. Usaha menggalakkan penyelidik datang ke Arkib Negara Malaysia dan menggunakan bahan yang ada turut diperhebatkan. Bagi

Assimilation of Heritage Material with Society

Research facilities were also provided at the State Branch offices to ensure that heritage material collected and preserved could be used by researchers residing far from the headquarters of the National Archives in Kuala Lumpur. Efforts to encourage researchers to visit the National Archives of Malaysia and use the available material were also intensified. In 2010, 3,987 researchers

tahun 2010 ini seramai 3,987 orang penyelidik membuat penyelidikan di 9 cawangan negeri yang ada. Sebanyak 13,568 helai bahan telah dibuat salinan atas permintaan penyelidik. Ini menunjukkan peningkatan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan bahan-bahan arkib. Selain itu, sebanyak 5,291 orang telah membuat lawatan ke semua cawangan Negeri.

Pameran juga merupakan salah satu usaha Arkib Negara memasyarakatkan bahan warisan yang ada dalam koleksinya. Usaha ini turut dilaksanakan oleh Pejabat-pejabat cawangan Negeri dari semasa ke semasa. Sepanjang tahun 2010, sebanyak 91 pameran bertemakan sejarah telah berjaya diadakan oleh Pejabat-pejabat Cawangan Negeri dengan kerjasama jabatan/agensi yang lain.

Program pendokumentasian sejarah seperti Pengkisahan Sejarah, Bicara Sejarah dan Sejarah Lisan turut dianjurkan oleh Pejabat-pejabat Cawangan Negeri. Sebanyak 5 sesi program pendokumentasian sejarah telah diadakan pada tahun 2010.

conducted research at the nine State Branches. Copies were made of 13,568 items of material, at the request of researchers. This reflected an increase in public awareness of the importance of archive material. In addition, a total of 5,291 people visited the various State Branches.

Exhibitions represent one of the efforts undertaken by the National Archives to assimilate heritage material in its collection, with society. This effort is also undertaken by State Branch offices from time to time. In 2010, a total of 91 exhibitions featuring historical themes were successfully held by the State Branch offices in collaboration with other departments / agencies.

Documentation programmes such as Narration of History, Discussions on History and Oral History are also organised by State Branch offices. A total of 5 documentation of history programmes were held in 2010.

PERTUBUHAN IKHTISAS ANTARABANGSA
International Professional Organisations

Pertubuhan Ikhtisas Antarabangsa *International Professional Organisations*

Sejak penubuhannya, Arkib Negara telah menganggotai pertubuhan atau badan-badan ikhtisas antarabangsa dan terus aktif memainkan peranannya. Jalinan persahabatan ini perlu untuk memperkukuhkan persefahaman, perkongsian dan kerjasama di peringkat antarabangsa.

Majlis Arkib Antarabangsa Cawangan Asia Tenggara (SARBICA)

Arkib Negara Malaysia sekali lagi telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah kepada Persidangan SARBICA ke 17 yang berlangsung pada 27 September 2010 di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur. Perasmian majlis ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan, Komunikasi dan kebudayaan pada 28 September 2010. Rentetan pada 13 Mei 2009, apabila perlembagaan SARBICA telah dipinda dan membuka keahlian bukan sahaja kepada institusi kearkiban tetapi juga kepada institusi bukan kearkiban, oleh itu persidangan kali ini telah disertai oleh ahli-ahli dari semua kategori A, B, C dan D. Persidangan kali ini telah berjaya menyelesaikan beberapa isu penting yang berkaitan dengan projek dan aktiviti SARBICA. Hasil dari persidangan ini senarai jawatankuasa baru terbentuk, Pengerusi SARBICA yang sebelum ini dipegang oleh Encik Pitt Kuan Wah telah diganti oleh Puan Sureerat Wongsangiem yang juga merupakan Pengarah Arkib Negara Thailan manakal Dr. Hajah Samsiah Mohamad dilantik sebagai Penolong Pengerusi. Bagi jawatan Setiusaha dan Bendahari pula masih kekal dipegang oleh Puan Yatimah Rimun dan Puan Gowri PS Thangaya dari Arkib Negara Malaysia.

Satu seminar yang bertajuk '*Issues and Challenges in Preserving Audiovisual in Tropical Region*' juga turut diadakan seiring dengan isu semasa iaitu bagi memastikan koleksi audio visual dapat disimpan kekal sebagai warisan negara. Melalui seminar ini adalah diharapkan kita dapat mencari kaedah yang mudah dan kos yang berpatutan untuk menangani isu penyimpanan bahan-bahan AV yang dihadapi bertahun lamanya oleh negara di rantau ini. Seminar selama dua hari ini telah dihadiri oleh 60 peserta luar dan 110 orang peserta tempatan. Selain daripada itu deligasi negara luar turut dibawa melawat tempat-tempat menarik seperti Muzium Kuala Selangor dan melihat kelip-kelip di Kuala Selangor bagi mendekatkan mereka dengan budaya tempatan.

Since its establishment, the National Archives has been a member of international professional bodies and organisations and has actively played its role. These bonds of friendship are necessary to strengthen understanding, partnerships and co-operation at the international level.

Southeast Asia Regional Branch of the International Council on Archives (SARBICA)

The National Archives of Malaysia was again given the honour of hosting the 17th Conference of SARBICA, which was held on 27 September 2010, at the Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur. The Minister of Information, Communications and Culture, the Hon. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, officiated at the Opening Ceremony on 28 September 2010. Following amendments to SARBICA's constitution on 13 May 2009, which opened membership to both archival and non-archival institutions, the Conference this time was attended by members from all categories A, B, C and D. The Conference was able to successfully resolve certain important issues related to projects and activities of SARBICA. The Conference resulted in the appointment of a new committee whereby Mrs. Sureerat Wongsangiem, Director of the National Archives of Thailand, replaced Mr. Pitt Kuan Wah as Chairman of SARBICA with Dr. Hajah Samsiah Mohamad being appointed Vice-Chairman. The posts of Secretary-General and Treasurer remained with Mrs. Yatimah Rimun and Mrs. Gowri P.S. Thangaya, from the National Archives of Malaysia.

A Seminar entitled, 'Issues and Challenges in Preserving Audiovisual Archives in the Tropical Region', was also held concurrent with the current issue of ensuring that audio visuals be preserved permanently as the nation's heritage. It is hoped that through this Seminar, we will be able to find simple methods and at reasonable costs, in managing the issue of preserving audio visual material, which has confronted the countries of this region for years. The two-day seminar was attended by 60 foreign and 110 local participants. In addition, the foreign delegations were brought to visit places of interest to acquaint them with local culture, like the Kuala Selangor Museum and watch the fireflies of Kuala Selangor.



Peserta Persidangan SARBICA ke 17 bergambar bersama Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim (duduk, tengah), Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil (duduk, kiri) dan Pengerusi SARBICA Encik Pitt Kuan Wah (duduk, kanan) di Majlis Perasmian Persidangan SARBICA ke 17 di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur pada 28 September 2010.

Participants of 17th SARBICA Conference in a group photograph with the Minister of Information, Communications and Culture, the Hon. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim (seated, centre), Director-General, National Archives of Malaysia, YBhg. Dato' Haji Sidek Haji Jamil (seated, left) and Chairman of SARBICA, Mr. Pitt Kuan Wah (seated, right), taken at the Opening Ceremony of 17th SARBICA Conference, held at Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur, on 28 September 2010..

Persidangan Meja Bulat International Council On Archives (CITRA) Oslo, Norway

Arkib Negara Malaysia telah menghantar seramai empat orang pegawai yang diketuai oleh YBhg. Dato' Haji Sidek bin Haji Jamil, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia ke Mesyuarat *Programme Commission ICA (PCOM)* dan Persidangan Meja Bulat *Intenational Council on Archives (CITRA)*. Mesyuarat dan persidangan ini telah berlangsung selama empat hari mulai pada 12-16 September 2010 bertempat di Holmenkollen Park Hotel Rica, Oslo, Norway.

Tema persidangan buat kali yang ke-42 ini adalah '*TRUST AND ACCESS: Challenge to Managing Records and Archives in the Digital Age*'. Seramai lebih 200 orang peserta telah hadir menyertai persidangan yang terdiri dari institusi Arkib, pelbagai persatuan profesional dan ahli-ahli pertubuhan ICA di seluruh dunia. Semasa persidangan, turut dilaksanakan bengkel-bengkel khas secara serentak bagi memantapkan lagi isu-isu dan tajuk perbincangan semasa persidangan. Selain persidangan, pihak urus setia CITRA 2010, Oslo juga telah mengaturkan beberapa program dan aktiviti sampingan meliputi perjumpaan dan minum petang bersama datuk Bandaraya Oslo; jamuan makan malam meraikan peserta persidangan; lawatan-lawatan ke Arkib Negara Norway, Muzium

